

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV

Bil. 9

Hari Selasa

26 Mei 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 (Ruangan)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat** (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -
Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.
(Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 26 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) - JUMLAH

1. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah IPTS yang sudah dibenarkan oleh pihak kerajaan beroperasi, minta nyatakan nama IPTS dan jumlah pengambilan pelajar sesi 1998 bagi setiap IPTS tersebut dan nyatakan sama ada tenaga pengajar luar negara untuk berkhidmat di IPTS tersebut. Berapa lagi permohonan di dalam pertimbangan kerajaan.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mohd. Haji Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 449 buah. Kementerian Pendidikan sedang memproses permohonan 57 buah IPTS lagi untuk diberi kelulusan. Jumlah pelajar di IPTS bagi sesi akademik 1998/99 hanya akan dapat diketahui selepas akhir bulan Jun 1998 kerana pendaftaran kemasukan pelajar ke IPTS akan dijalankan pada akhir bulan Mei dan awal bulan Jun 1998. Bagi sesi akademik 1997/98 jumlah pelajar di IPTS adalah seramai 144,637 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 8 buah IPTS yang bertaraf universiti telah mendapat pelawaan Menteri Pendidikan untuk beroperasi. Daripada jumlah tersebut 3 buah universiti swasta telah mengambil pelajar iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Petronas. Jumlah pelajar di universiti-universiti tersebut pada sesi akademik 1997/98 adalah seramai 1,687 orang.

Manakala bilangan tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di universiti-universiti berkenaan ialah seramai 244 orang iaitu 126 di Universiti Tenaga Nasional, 95 orang di Universiti Telekom dan 23 di Universiti Teknologi Petronas. Daripada jumlah tersebut 20 orang merupakan tenaga pengajar asing.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Hanipah mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri kita ke Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kerana banyak betul IPTS diluluskan, 449 buah. Saya tidak menafikan kecemerlangan IPTA di negara kita ini. Dalam takrif yang terbaik universiti di Asia, Universiti Malaya kita mendapat nombor 11, Universiti Kebangsaan nombor 20, Universiti Sains Malaysia nombor 49, Universiti of Tokyo nombor satulah. Masalah yang timbul saya hendak tanya ialah....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Mengikuti senarai yang diberikan oleh *Asiaweek*, Universiti Malaya nombor 33 daripada 65. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki mendapat senarai ini. Senarai 1998 nombor 33.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada statistik saya di sini. Universiti terbaik di Asia, ini Majalah *MASSA* dengan gambar Yang Berhormat Dato' Seri Najib ada di sini. [*Ketawa*] Itu sebab saya bawa tadi pasal bukan main bergaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ini, dengan izin, Universiti Malaya turut tersenarai antara 50 universiti. Universiti Malaya ke-11, Universiti Kebangsaan Malaysia ke-20 dan Universiti Sains Malaysia ke-49. Kalau salah, salahlah Majalah *MASSA* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan soalan tambahan saya. Saya tidak nafikan kecemerlangan IPTA tetapi yang saya hendak persoalkan sekarang ini ialah bagaimana dengan kualiti siswazah, kualiti pelajar, kualiti kakitangan akademik dan pentadbiran, perpustakaan, penyelidikan dan penerbitan untuk mempertingkatkan dan memuaskan lagi ilmu. Jadi soalan tambahan saya, bolehkah kita mengawal kualiti pusat-pusat pengajian tinggi yang banyak ini dan yang hendak diluluskan lagi. Saya tidak hendak menyentuh berkenaan dengan 'degree mills of the world' yang tersenarai dalam tahun 1985 yang dibuat oleh IOI Holdings Sdn. Bhd. yang mempunyai 500 universiti daripada 50 buah negara yang mengeluarkan ijazah-ijazah yang tidak bermutu.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah membawa majalah yang mengandungi gambar saya di muka hadapan. Saya hendak tahu sama ada majalah itu sentiasa ada dalam bagnya atau tidak. [*Ketawa*]

Saya hendak mengucapkan terima kasih juga kerana keprihatinan terhadap soal kualiti. Perkara ini memang dalam perhatian kerajaan sebab itu dalam usaha kita ke arah reformasi pendidikan kita telah mewujudkan sebuah badan khas untuk mengawal dan untuk menentukan tahap kualiti di kalangan semua IPTS dan badan itu ialah Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Lembaga ini sudah pun ditubuhkan dan sedang berfungsi. LAN sedang meneliti semua IPTS dan dalam usaha ini LAN akan mengeluarkan pengiktirafannya kepada, pertamanya kepada dua peringkat. Yang pertamanya peringkat minimum iaitu semua IPTS mesti memenuhi kriteria minimum (minimum standard). Kalau ada mana-mana IPTS yang tidak mencecah tahap minimum, IPTS itu akan diberi tempoh untuk memperbaiki keadaan, kalau tidak, kursus mereka itu akan dibatalkan ataupun IPTS itu pun boleh dibatalkan pendaftarannya. Yang keduanya ialah peringkat akreditasi, peringkat minimum mereka mesti memenuhi 50% markah. Peringkat akreditasi 70% dan tidak lama lagi kita akan mengeluarkan satu lagi tahap iaitu tahap cemerlang. Jadi dengan adanya sistem penilaian ini, kita akan dapat menentukan bahawa semua IPTS kita sekurang-kurangnya memenuhi tahap minimum dan tidak ada IPTS yang sub-standard, dengan izin, yang boleh beroperasi di negara kita pada masa yang akan datang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tadi merujuk kepada *Asiaweek* sebenarnya 1998 yang tersenarai 65 buah universiti di mana Universiti Malaya jatuh ke nombor 33 dan universiti-universiti yang tersenarai dalam 65 universiti ini ialah

Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan dan Universiti Utara Malaysia, semuanya lebih kurang nombor 50-an.

Soalan saya ialah berkaitan dengan taraf tenaga pengajar kita dari segi keilmiahannya. Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan wujudnya 8 buah lagi IPTS bertaraf universiti dan juga termasuk IPTA yang sedia ada, kumpulan tenaga pengajar di mana ianya sekarang ini kalau disebutkan oleh *Asiaweek* tadi dari segi penerbitan ilmiah dan kajian-kajian penyelidikan dan pembangunan amatlah berkurangan di antara universiti-universiti ini. Adakah pihak kerajaan kalau hendak meningkatkan lagi kecanggihan keilmuan universiti-universiti ini berhajat untuk menubuhkan satu majlis penyelidikan dan pembangunan ataupun majlis pada satu badan yang mengkaji keilmiahan sesebuah universiti satu badan pusat di mana tahap tenaga pengajar yang menjuruskan untuk mendapat Ph.D mempunyai kuota-kuota setiap universiti sekurang-kurangnya 30% dan sebagainya. Jadi itu yang hendak saya juruskan, adakah pihak kerajaan menjuruskan perhatian dan bagaimana cara untuk meningkatkan keilmiahan ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya perlu menjelaskan bahawa laporan *Asiaweek* bukanlah kayu ukur yang muktamad. Kita janganlah membuat perhitungan kita berdasarkan kepada majalah antarabangsa, sebab itulah kita akan menugaskan Lembaga Akreditasi Negara (LAN). LAN bukan sahaja akan membuat penilaian terhadap IPTS tetapi semua IPTA juga akan dinilai dan akan diwujudkan sistem penggredan berdasarkan kepada universiti dan fakulti. Dengan ini maka bukan soal keilmiahan pensyarah sahaja yang diambil kira tetapi segala fakta juga akan diambil kira dan keputusan penilaian itu akan dibentangkan untuk tatapan umum dan orang ramai supaya wujud suasana persaingan yang lebih hebat di kalangan IPTA kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin kalau kita dapat mewujudkan suasana yang lebih kompetitif ini IPTA kita akan menjurus ke arah tahap yang lebih baik dan lebih cemerlang lagi. Insyallah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita baru sahaja dapat mendengar laporan mengenai pertumbuhan IPTS yang begitu banyak yang telah beroperasi dalam negara kita daripada Menteri Pendidikan sendiri. Soalan tambahan saya, apakah pihak kerajaan pernah memikirkan untuk menyelaraskan soal pengajiannya terutama IPTS.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semua kursus pengajian IPTS mesti mendapat kelulusan pihak kementerian.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada bilangan doktor yang berkurangan sekarang dan juga kapasiti universiti tempatan yang tidak dapat mengeluarkan bilangan doktor yang mencukupi dan kalau hendak pergi ke oversea untuk mengikuti kursus perubatan kosnya terlalu tinggi. Adakah bilangan IPTS dalam bidang perubatan yang ada di negara kita mencukupi bagi membantu negara kita untuk mengeluarkan bilangan doktor.

Soalan yang kedua, kalau tidak, adakah kerajaan ingin meneruskan sistem scholarship walaupun sekarang keadaan ekonomi tidak memuaskan adakah kerajaan ingin meneruskan scholarship atau biasiswa perubatan untuk anak-anak kita melanjutkan pelajaran perubatan di seberang laut?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang kedua ialah ya. Bidang perubatan merupakan bidang yang kritikal dan oleh itu kerajaan

akan terus menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Strategi yang kedua ialah bagi kita untuk memperbanyakkan kolej-kolej swasta yang dinaikkan taraf kepada universiti swasta yang akan menawarkan program perubatannya. Pada masa ini kita sudah pun memberi tawaran kepada empat buah kolej swasta yang boleh mengendalikan program perubatannya termasuk yang terbaru iaitu International Medical College yang dinaikkan taraf ke International Medical University. Program yang ditawarkan oleh IMU ini kosnya ialah lebih kurang RM250,000 untuk tempoh lima tahun berbanding dengan RM600,000 hingga RM800,000 kalau program yang sama di negara-negara maju. Jadi dengan langkah ini kita dapat menjimatkan perbelanjaan dan kita boleh mengeluarkan lebih banyak lagi doktor-doktor untuk keperluan negara.

LANDSKAP BERCIRIKAN MALAYSIA/TEMPATAN - IDENTITI

2. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang identiti landskap bercirikan Malaysia/tempatan, kalau ada bagaimana dan kalau tiada kenapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, wawasan kerajaan ialah untuk menjadikan Malaysia Negara Taman menjelang tahun 2005. Satu ciri utama yang hendak diwujudkan ialah landskap beridentitikan Malaysia. Bagi menghasilkan identiti landskap bercirikan Malaysia secara keseluruhannya bentuk pembangunan landskap mestilah sesuai dengan keadaan semula jadi dan menggunakan sumber tempatan. Tanaman landskap yang dipilih hendaklah sesuai dengan cuaca dan selaras dengan imej negara taman tropika ini. Penggunaan secara meluas tumbuhan asli atau spesies hutan tempatan sebagai bahan landskap lembut dengan itu adalah sangat ditekankan. Dari segi reka bentuk landskap budaya tempatan perlu dijadikan asas contohnya susun atur dan landskap kawasan kediaman perlu menggalakkan semangat perpaduan dan tabiat kejiranan.

Dari segi kemudahan awam dan perabot landskap pula misalnya patut mempunyai seni bina tempatan bagi mencerminkan budaya dan warisan masyarakat setempat. Dalam konteks yang lebih luas, pembentukan identiti landskap bercirikan Malaysia juga bermakna keperluan memelihara ciri-ciri landskap semula jadi seperti topografi dan ekologi sesebuah kawasan. Ini termasuk juga pemandangan-pemandangan tempatan seperti sawah padi, dusun dan sebagainya. Landskap berciri Malaysia, walau bagaimanapun patut menunjukkan perbezaan dan identiti bagi negeri-negeri dan bandar-bandar berdasarkan ciri-ciri tersendiri. Sudah pun ada usaha untuk menetapkan satu bunga bagi satu bandar dan kebanyakan bandar-bandar utama telah pun menggunakan ini sebagai satu identiti landskapnya.

Namun tidak dinafikan terdapat pada masa ini kawasan landskap yang tidak mencerminkan nilai-nilai tempatan malah ada di antaranya yang jelas dipengaruhi oleh senireka bentuk asing sama ada disebabkan oleh kurang pengetahuan dan sikap sambil lewa ataupun sengaja suka meniru-niru tanpa memikirkan kesesuaiannya.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita berterima kasih kepada kementerian yang berusaha untuk menjayakan landskap untuk negara kita bercirikan keaslian tumbuh-tumbuhan tetapi tahukah Yang Berhormat bahawa kita lihat dalam Dewan ini ada

banyak ukiran bunga raya, tetapi ada teguran dari orang ramai apabila kita pergi ke lapangan terbang dan sebagainya begitu juga di bandaraya Kuala Lumpur ini amat kurang bunga raya, bunga kebangsaan (national) kita. Apakah kementerian akan berusaha untuk menambah lagi pokok-pokok bunga raya ini kerana kadang kala kita terlampau leka dengan pokok-pokok yang lain, kita terlupakan identiti negara kita yang sebenarnya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pandangan itu bagus dan kita akan cubalah.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Walaupun negara kita ada bunga kebangsaan iaitu hibiscus dan tadi pun saya pun mendengar dari Timbalan Menteri dibanyak tempat kerajaan tempatan kita di mana jenis-jenis bunga yang dipilih untuk ditanam oleh majlis perbandaran ataupun majlis daerah. Di sini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah kita akan pilih satu pokok sebagai pokok kebangsaan. Saya tidak akan cadangkan pokok durian. Kita patut pilih satu pokok, jadi pokok itu dinamakan pokok kebangsaan kita dapat menanam secara meluas disemua tempat kerana mengikut scientific research tiap-tiap satu pokok, kalau ia pokok kecil ia dapat mengurangkan suhu (temperature) sekurang-kurangnya 2 degree. Kalau pokok itu besar dan ditanam dengan cara 'big scale' dia punya effect temperature, dengan izin akan dapat merendahkan lebih kurang 4 degree. Jadi di sini saya cadangkan jabatan landskap yang baru ini dapat menimbang cadangan ini dengan memilih satu pokok sebagai pokok kebangsaan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita telah melaksanakan satu kempen menanam pokok diseluruh negara dan ini adalah untuk mencapai tujuan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu supaya kita boleh mewujudkan satu suasana yang indah seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi kita hendak mewujudkan satu suasana di mana negara kita akan disebutkan negara dalam taman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa kini kita belum ada cadangan untuk memilih satu pokok dan dinamakan pokok itu pokok kebangsaan. Walau bagaimanapun saya rasa cadangan itu boleh kita ambil kira sama ada sesuai atau tidak, ini akan kita bincangkan dengan agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Perhutanan dan sebagainya untuk memilih satu pokok tetapi memang ada nasihat daripada jabatan tersebut iaitu Jabatan Perhutanan di mana kita diberikan nama jenis pokok yang sesuai ditanam diseluruh negara. Antaranya ialah pokok-pokok yang bernilai komersial seumpamanya supaya kita boleh tanam pokok-pokok ini di kawasan lapang. Inilah antara ciri-ciri yang kita gunakan untuk menjalankan kempen tersebut.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA - PERANCANGAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG

3. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perancangan dan tindakan kementerian secara jangka pendek dan jangka panjang untuk menggalakkan industri kecil dan sederhana mempelbagaikan barangan buatan Malaysia dengan mutu yang baik berdasarkan amalan penyelidikan dan pembangunan sepanjang masa. Sebagai galakan tambahan kepada pengilang dan juga ahli-ahli penyelidik, apakah insentif-insentif baru yang dapat diberi supaya kebolehan dan cabaran mereka mendapat pengiktirafan secara langsung dan tidak langsung melalui kewangan ataupun tanpa kewangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kementerian bagi menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mempelbagaikan produk buatan Malaysia yang lebih bermutu. Antara program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk:

- (a) seminar dan bengkel untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran IKS mengenai ISO 9000;
- (b) pameran dengan izin, SMI Showcase dan Business Match Making bagi mempromosikan produk IKS dan membuka peluang perniagaan di antara syarikat IKS dan industri besar;
- (c) program rangkaian industri yang bertujuan menggalakkan IKS membekalkan komponen-komponen dan barang-barang perantara kepada syarikat besar dan multinasional;
- (d) program peningkatan kemahiran yang bertujuan meningkatkan kemahiran IKS dari segi pengurusan dan teknikal;
- (e) program perolehan teknologi di mana syarikat IKS boleh mendapat bantuan kewangan dalam bentuk geran bagi memperolehi teknologi;
- (f) skim-skim pinjaman mudah seperti:
 - (i) skim modenisasi dan automasi IKS;
 - (ii) skim peningkatan kualiti IKS; dan
 - (iii) pakej kewangan untuk IKS (PAKSI).
- (g) skim tabung bantuan teknikal industri (ITAF) yang menyediakan geran bersamaan (matching grant) bagi menggalakkan syarikat IKS meningkatkan produktiviti dan kualiti; dan
- (h) tabung industri kecil dan sederhana berjumlah sebanyak RM1.5 bilion untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran IKS yang sedia dan yang baru.

Dari segi insentif baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan insentif baru bagi menggalakkan barangan jenama Malaysia di mana perbelanjaan terlibat bagi pengiklanan tempatan akan diberi potongan cukai dua kali. Di samping itu syarikat IKS yang bekerjasama dengan institusi pendidikan tempatan dalam penyelidikan produk tertentu dan berhasrat untuk mengkomersialkan produk tersebut boleh mendapatkan bantuan kewangan secara geran dari tabung komersial penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana IKS merupakan program yang boleh membangun kelas menengah di peringkat negara kita. Jadi saya ingin bertanya tuntut faham dengan Yang Berhormat dan kementerian, sejauh manakah program IKS ini yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan kementerian dan hubungan dengan pengusaha-pengusaha dan usahawan daripada dewan-dewan yang menjadi penghubung dengan usahawan di seluruh negara termasuk Dewan Perniagaan Cina, Dewan Perniagaan India dan Dewan Perniagaan Melayu dan

berkemungkinan di Sabah dan Sarawak ada dewan-dewan yang sentiasa menjadi penghubung di antara kementerian dengan usahawan-usahawan kita.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengadakan satu siri perjumpaan dengan bukan hanya dewan-dewan tetapi juga dengan pertubuhan-pertubuhan seperti FMM dan juga Persatuan Pengilang-pengilang Bumiputera dan sebagainya. Jadi kita mempunyai satu hubungan yang begitu akrab di antara kementerian dengan persatuan dengan badan-badan chambers of commerce and industry dan sebagainya.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita berterima kasih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang merencanakan penyelidikan dan sebagai latihan kepada Industri Kecil dan Sederhana. Saya ingin tahu, bahawa terdapat sungutan daripada pengilang IKS ini bahawa MATRADE yang mengusahakan pasaran di luar negara gagal memberi bantuan kepada kilang-kilang di bawah IKS. Apakah perkara ini benar ataupun tidak?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Secara peribadi saya tidak pernah mendengar aduan yang dibuat oleh pengilang-pengilang khususnya pengilang bumiputera secara umum kepada MATRADE.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya MATRADE sentiasa memberikan kerjasama kepada pengilang-pengilang lebih-lebih lagi kalau IKS untuk mencari pasaran di seluruh dunia. Kita mempunyai beberapa misi galakan dalam tahun ini kita mempunyai sebanyak 7, 8 misi galakan untuk menjual barangan keluaran negara kita. Jadi sesiapa sahaja boleh menghubungi MATRADE malah saya rasa boleh jadi bukan salah MATRADE, oleh kerana pengilang-pengilang sendiri tidak menghubungi MATRADE. Ramai di antara pengilang di bawah IKS mahupun pengilang besar sendiri tidak menghubungi MATRADE untuk memberi secara terperinci berkenaan dengan produk keluaran mereka supaya dapat dipasarkan, dapat dipromosikan oleh MATRADE di luar negara. Jadi bukan mereka disisihkan tetapi mereka tidak mengadakan satu pendekatan yang positif dengan MATRADE.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan pengenalan barangan jenama Malaysia ataupun barangan buatan Malaysia. Apakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan logo yang baru diumumkan dan apakah rasional logo itu diwujudkan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, dari segi galakan penggunaan barangan Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi apabila kita memasarkan produk kita di peringkat antarabangsa kita ada tulis di situ 'Made In Malaysia' sama ada pada baju atau perkakas-perkakas elektronik dan sebagainya, sama ada kita hendak menggunakan logo yang baru itu, yang terdiri daripada biru, merah, kuning itu saya rasa tidak dibuat keputusan lagi untuk menggunakan tetapi 'Made In Malaysia' itu memang ada.

**KEMALANGAN JALAN RAYA AKIBAT TERLANGGAR
BINATANG TERNAKAN - BILANGAN**

4. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan jalan raya akibat terlanggar binatang ternakan dalam tahun 1997. Berapa orang terkorban dan langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan jalan raya akibat terlanggar binatang dalam tahun 1997 ialah sebanyak 204 kes, sementara jumlah yang terkorban ialah 70 orang. Antara langkah kerajaan dalam menangani isu kemalangan jalan raya khususnya yang melibatkan binatang ialah:

- (i) meletakkan papan tanda amaran untuk perhatian pemandu kenderaan bukan untuk binatang di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi laluan ataupun tempat banyak binatang ternakan;
- (ii) menangkap binatang ternakan yang berkeliaran bagi tujuan mengenal pasti tuan punya ternakan untuk diambil tindakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari segi implikasi undang-undang terhadap kemalangan yang berlaku, yang melibatkan haiwan-haiwan yang dimiliki oleh orang ini.

Satu lagi, siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk membersihkan jalan raya yang kadang-kadang kita tengok penuh dengan bangkai-bangkai binatang.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Bagi soalan yang pertama, ini bergantung sama ada jalan raya ini adalah jalan raya Persekutuan ataupun jalan raya yang dikendalikan oleh pihak swasta seperti PLUS dan bagi jalan-jalan yang bertol atau dikendalikan oleh pihak swasta maka pihak swasta yang mengendalikan jalan raya bertol ini bertanggungjawab supaya tidak ada sebarang gangguan di jalan raya untuk kegunaan orang awam. Bagi jalan Persekutuan memang jika kita hendak bertanya pihak mana bertanggungjawab saya percaya adalah tuan punya binatang.

Bagi soalan yang kedua dari segi bangkai-bangkai saya percaya semua jalan raya yang di bawah majlis daerah ataupun majlis perbandaran adalah merupakan tanggungjawab mereka supaya jalan-jalan ini dapat dibersihkan.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tuan punya ternakan ini dikenakan hukuman, berapa hukuman yang telah dikenakan kerana kalau tidak dikemukakan atau dihukum mungkin banyak lagi ternakan ini akan berkeliaran mengganggu jalan raya. Jalan raya yang bagaimana selalu berlaku adakah di lebuhraya atau di kampung-kampung?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk sebagai satu misal operasi sentiasa dijalankan untuk menangkap binatang ternakan yang berkeliaran di jalan raya tetapi operasi ini dijalankan bersama dengan pihak polis, Jabatan Haiwan dan binatang-binatang ternakan akan ditangkap dan dibawa balik, dikurung di Jabatan Haiwan dan menunggu tuntutan dari tuan-tuan punya. Maksudnya jika ada orang yang menuntut binatang tersebut adalah kepunyaannya maka denda akan dikenakan kepada pemilik sebelum beliau dapat mengambil balik binatang. Dari segi jumlah denda yang dikenakan dalam tahun lepas saya tidak mempunyai angka tetapi jika Yang Berhormat berminat saya boleh beri secara bertulis

Soalan yang kedua mengenai tempat-tempat ternakan, maksudnya semua tempat ternakan harus mempunyai satu pagar yang agak sesuai dan pengusaha-pengusaha ternakan binatang ini harus menjaga supaya binatang-binatang tidak berkeliaran dan jika terdapat jagaan tidak sempurna maka kerajaan berhak untuk mengambil tindakan terhadap mereka.

PENDATANG HARAM - HUKUMAN BERAT KEPADA TEKONG YANG MELINDUNGI

5. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar kebanjiran pendatang haram yang merupakan 'orang hanyut' kini semakin membimbangkan. Tambahan pula, pendatang yang sedia ada di depoh-depoh tahanan sementara, sememangnya menimbulkan beban kewangan kepada negara dan adakah kementerian akan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada tekong-tekong darat dan orang tempatan yang menjadi dalang dan bersubahat serta melindungi pendatang tanpa izin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari masalah akibat kehadiran pendatang tanpa izin ke negara ini. Namun demikian keadaannya adalah terkawal di mana agensi penguat kuasa sentiasa mengambil tindakan sewajarnya untuk menyekat kemasukan pendatang tanpa izin tersebut. Kerajaan telah pun meminda Akta Imigresen yang telah berkuat kuasa mulai 1 Februari 1997 yang memperuntukkan hukuman berat kepada tekong-tekong dan orang-orang yang menjadi dalang dan bersubahat serta melindungi pendatang tanpa izin. Di dalam hal ini hukuman bagi kesalahan membawa masuk pendatang tanpa izin ialah denda tidak kurang RM30,000 tetapi tidak lebih dari pada RM100,000 dan penjara mandatori tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun serta sebat tidak lebih dari 6 kali sebatan.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada menteri yang berkenaan. Adakah Kementerian Dalam Negeri telah selesai menjalankan penyiasatan berhubung dengan penyeludupan gambar yang kurang menyenangkan pihak kita ketika pihak polis mengamankan rusuhan yang berlaku di sebuah kem di sini tempoh hari dan bagaimana pula sebuah lagi gambar yang menunjukkan seorang anggota polis menghisap rokok ketika menguruskan kepulauan pendatang-pendatang haram di sebuah pelabuhan di sini telah terbit dalam akhbar yang sama.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama tadi ianya masih lagi dalam siasatan pihak polis dan berkenaan dengan perkara yang kedua oleh kerana inilah kali pertama ianya dibangkitkan saya akan meminta pihak yang berkaitan untuk memberi laporan kepada saya dan akan saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini kita didedahkan berkenaan dengan penglibatan pegawai-pegawai imigresen dalam memberi kerjasama kepada pihak yang membawa masuk pendatang-pendatang tanpa izin ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sejauh manakah kerajaan dapat memastikan supaya pegawai-pegawai ini menjadi orang yang tidak dianggap 'pagar makan padi'.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin kita boleh guarantee 100% pegawai-pegawai kerajaan ataupun rakyat kita merupakan mereka-mereka yang boleh

dikatakan baik. Tetapi kita mempunyai undang-undang, itulah sebabnya ada misalnya pegawai kerajaan sama ada pegawai imigresen, pegawai Jabatan Pendaftaran Negara hatta anggota polis sendiri yang telah pun kita ambil tindakan bersabit dengan kesalahan membawa masuk pendatang tanpa izin, melindungi pendatang tanpa izin ataupun mengeluarkan dokumen-dokumen perjalanan secara palsu. Jadi mereka-mereka yang terlibat kita ambil tindakan dan kita minta kerjasama daripada orang ramai dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada apa-apa maklumat yang penting, yang boleh mensabitkan mereka-mereka ini supaya tampil ke hadapan, supaya kita dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa keselamatan negara kita terjamin.

MAKTAB TENTERA DIRAJA - CADANGAN PENINGKATAN KUALITI

6. **Dato' Abdul Aziz Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh pihak kementerian bagi meningkatkan Maktab Tentera Diraja bahagian Putera ke tahap yang lebih canggih dari segi teknologi seperti "Smart School" supaya maktab tersebut dapat melahirkan pelajar-pelajar dan warganegara yang berkebolehan di dalam segala bidang. Sila juga nyatakan berapakah perbelanjaan setahun bagi menguruskan maktab ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan supaya Maktab Tentera Diraja bahagian Putera dapat melahirkan pelajar-pelajar dan warganegara yang berkebolehan di dalam segala bidang. Walaupun maktab ini tidak disenaraikan sebagai sekolah bestari ataupun dengan izin, smart school tetapi Kementerian Pertahanan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan tahap teknologi di maktab ini seboleh-bolehnya sama dengan teknologi canggih yang terdapat di sekolah bestari. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencapai tujuan tersebut ialah dengan menubuhkan makmal-makmal multimedia, melengkapkan makmal komputer dan mengadakan kursus-kursus luaran dan dalaman kepada guru-guru bagi menyediakan mereka dengan kurikulum sekolah bestari. Sebagai panduan perbelanjaan menguruskan maktab ini ialah kira-kira RM4.3 juta pada tahun 1998.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Pertahanan. Memanglah kita akui bahawa taraf Maktab Tentera Diraja ini amat baik dan bila mengeluarkan graduan-graduan, graduannya juga amat baik. Tapi tahukah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa mereka ini selepas sahaja mereka keluar, dimasukkan universiti dan lepas universiti itu, kalau yang buat master pun buat master, mereka ini terikat dengan kontrak berkhidmat dengan angkatan tentera. Tetapi terdapat diskriminasi di dalam perkhidmatan mereka bahawa pegawai-pegawai tinggi daripada mereka yang kadangkala kelayakan mereka ini setinggi-tingginya BA Hons, menekan pegawai-pegawai yang terdiri daripada akademiknya jurutera dan sebagainya. Jadi pangkatnya agak terlalu lambat, terlalu perlahan naik ke atas. Jadi mereka rasa kecewa dan kadangkala memohon untuk berhenti jadi jurutera dan pakar-pakar dalam tentera untuk berkhidmat dalam sektor swasta. Soalan saya, apakah pihak kementerian faham perkara ini telah pun berlaku. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua. Tidak benar ada diskriminasi secara berluas-luasan khususnya di Kementerian Pertahanan. Tetapi bagaimanapun ada pihak-pihak

tertentu kurang puas hati dari segi imbuhan, dari segi peluang naik pangkat dan sebagainya. Dan juga dibandingkan dengan tawaran di peringkat swasta sudah tentu pihak kerajaan apa lagi dalam kursus-kursus profesional, saya rasa tidak dapat hendak menandingi imbuhan yang diberikan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa memberi peluang kepada pegawai-pegawai kita untuk mendapat pelbagai peluang, untuk mereka meningkat dalam kerjaya mereka dalam kursus ataupun dalam kepakaran mereka agar mereka akan tetap kekal dengan Kementerian Pertahanan supaya kepakaran mereka dapat digunakan demi kepentingan pertahanan negara.

KWSP - JUMLAH CARUMAN DAN PENCARUM DI SELURUH MALAYSIA

7. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah yang mencarumkan KWSP di seluruh Malaysia dan berapakah jumlah caruman bagi tahun 1995 - 1997 dan berapakah jumlah caruman yang berada di tabung KWSP. Apakah pelaburan yang dibuat oleh KWSP pada bulan Jun 1997 sehingga Mac 1998. Berapakah peratusan ditabung yang telah dilabur dan apakah jangkaan keuntungan dari pelaburan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah caruman dan aset terkumpul KWSP bagi tahun 1995 hingga tahun 1997 seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:-

TAHUN	CARUMAN TAHUNAN (RM BILION)	ASET TERKUMPUL (RM BILION)	
1995	10.324	98.849	
1996	12.899	117.335	
1997	14.614	132.403	KWSP

melabur di dalam aset-aset seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman dan bond, instrument pasaran wang, ekuiti dan hartanah setelah menjalankan kajian terperinci tentang potensi pulangannya. Dalam tempoh 1996 sehingga 1997 pelaburan baru yang diceburi oleh KWSP berjumlah sebanyak RM15.068 bilion. Selain daripada keperluan perbelanjaan operasi dan pembayaran pengeluaran, semua dana KWSP digunakan untuk pelaburan. Jangkaan keuntungan bergantung kepada suasana ekonomi dan pelaburan negara kerana pendapatan pelaburan KWSP berkait rapat dengan faktor-faktor tersebut. Bagi instrument pelaburan yang bergantung kepada kadar faedah pasaran seperti simpanan tetap dan pinjaman, kadar pulangannya dalam lingkungan 9% hingga 12% setahun memandangkan KWSP juga terlibat dalam pelaburan ekuiti, prestasi pasaran saham juga akan memberi kesan kepada pendapatan keseluruhan pelaburan KWSP.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan peningkatan yang dibuat oleh pencarum-pencarum terhadap dana di dalam KWSP ini, tiap-tiap tahun sehingga sampai RM14.6 bilion pada tahun 1997. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk terus meningkatkan dengan pendekatan supaya mereka sekarang ini terutama sekali kakitangan kerajaan yang diberi pencen. Kita hentikan secara pencen ini menerusi tindakan undang-undang tertentu supaya mereka ini dapat menyertai sebagai pencarum di dalam KWSP kerana saya difahamkan oleh pihak kerajaan, pembayaran pencen setiap tahun, pada tahun ini saya ingat RM2 bilion lebih setahun. Ianya akan meningkat tahun demi tahun sehinggalah tahun 2020, begitu tinggi. Jadi kalau

mereka mencarum kepada KWSP kita tentunya dapat meningkatkan lagi dari segi simpanan tiap-tiap tahun. Tahap penyimpanan kini saya difahamkan sampai 41% dan juga pihak kerajaan akan mengurangkan bebanan dari segi pembayaran-pembayaran pencen.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, idea ini bukanlah baru dibawa kepada pihak kerajaan. Telah lama, telah diperhitungkan oleh kerajaan mengenai dengan apa yang dicakup oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi ini. Tetapi di dalam proses kita hendak menukar kepada keseluruhan pencen kepada keseluruhan simpanan di dalam KWSP ianya memerlukan banyak pertimbangan dan banyak fasa-fasanya. Jadi saya fikir kebanyakan daripada pekerja dan kakitangan kerajaan, kalau memandangkan dari segi pulangan kepada wang simpanan pencennya, banyak yang memihak kepada KWSP. Tetapi ada juga yang memihak kepada pencen, yang lebih mirip kepada kestabilan pendapatan security iaitu pencen. Dua-duanya ada advantage dan disadvantage, Tuan Yang di-Pertua. Ini terletaklah kepada kerajaan memikir dan mengkaji apa yang dicadangkan oleh Dato' Abdul Aziz tadi. Insya-Allah mungkin pada satu hari dapat ditukarkan kesemuanya.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bagaimana wang caruman yang tidak diambil, kedudukannya. Dan saya pernah dapat satu senarai seolah-olah minta dicarikan senarai itu alamat yang penuh. Tetapi tidak ada alamat. Saya rasa banyak wang pencarum ini tidak diambil oleh tuan punya pencarum. Bagaimana wang itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua. Wang yang tidak diambil oleh pencarum selepas tujuh tahun tidak dikutip, akan diserahkan kepada Pemegang Amanah Negara.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada KWSP kerana berjaya mengutip banyak caruman sepertimana yang telah dinyatakan tadi. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan KWSP dalam kegawatan ekonomi sekarang ini, satunya banyak syarikat-syarikat antarabangsa dan juga syarikat-syarikat negara ini yang telah tutup dan bagaimanakah tindakan KWSP untuk mengutip caruman dan dalam keadaan ekonomi sekarang juga saya ingin dapat tahu adakah pihak kerajaan akan memberikan satu jadual kutipan KWSP yang mungkin lebih longgar memandangkan masalah-masalah kewangan syarikat-syarikat bagi majikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku kegawatan seperti yang kita hadapi sekarang yang mana banyak syarikat yang akan mencapai ataupun yang akan gagal dan juga banyak pekerja-pekerja yang akan dihentikan kerja, maka sedikit sebanyak kutipan KWSP akan terjejas iaitu kurang daripada 14. Mungkin pada tahun ini ianya kurang daripada RM14 ribu juta ataupun RM14 bilion sepertimana yang saya sebut tadi. Dan mengenai jadual kutipan dan perlonggaran-perlonggaran yang dicadangkan itu, saya fikir ianya tidak berbangkit kerana jikalau sesebuah syarikat menjalankan operasinya makna dia mempunyai sumber kapital ataupun sumber modal yang cukup. Jadi yang kena carum ialah pekerja yang mendapat gaji dan yang kena menambah caruman ataupun membalas caruman ialah majikan. Jadi jikalau sesebuah syarikat boleh terus berjalan maka tidak berbangkit soal kedua-dua pencarum iaitu pekerja dan majikannya mempunyai masalah.

8. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa masalah Millenium Bug 'Y2K' sangat merunsingkan kalangan rakyat jelata:

- a) apakah formula penyelesaian yang diperolehi oleh Pasukan Bertindak Y2K yang ditubuhkan di bawah kelolaan Majlis Teknologi Maklumat Negara; dan
- b) apa yang akan terjadi seandainya Y2K ini tidak dapat dibetulkan tepat pada masanya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan memang sedar akan perkara ini. Oleh itu kerajaan telah bersetuju menubuhkan sebuah pasukan projek Y2K negara. Pasukan ini ditempatkan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi membimbing memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan tindakan yang diambil oleh agensi-agensi swasta ke arah memastikan masalah millenium bug. Bagi membantu usaha-usaha menangani masalah ini, satu jawatankuasa pemandu yang saya pengerusikan sendiri telah diwujudkan dengan ahli-ahli daripada badan-badan regulatori dan badan-badan payung yang menjaga kepentingan industri-industri berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saya suka lah menyeru bahawa ketua-ketua syarikat perlu mengetahui bahawa masalah millennium bug ini bukan merupakan masalah tektikal atau teknologi maklumat tetapi ianya merupakan masalah pengurusan juga. Oleh itu mereka perlu terlibat dan menerajui segala usaha ke arah Y2K compliance dan memastikan tindakan-tindakan pencegahan yang sesuai diambil kerana tindakan tu harus diterima sebagai pelaburan yang penting bagi menjamin kedudukan masing-masing syarikat. Lima strategi yang dirangka mengambil pertimbangan akan perkara ini iaitu:

- (i) program kesedaran bagi memastikan syarikat-syarikat swasta memberi kepentingan kepada usaha-usaha Y2K compliance;
- (ii) pemantauan (monitoring) status kesedaran dan tindakan yang diambil ke arah Y2K compliance;
- (iii) pendaftaran syarikat-syarikat yang telah mendapat status Y2K compliance;
- (iv) laporan kepada kerajaan tentang kemajuan pelaksanaan ke arah Y2K compliance dari masa ke semasa; dan
- (v) Laman Web Y2K diwujudkan dan dikendalikan sebagai Pusat Maklumat Interaktif.

Kerajaan juga telah bersetuju supaya Unit Pemodenan Tadbiran Awam Malaysia atau MAMPU dipertanggungjawabkan bagi mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan Y2K compliance bagi sektor awam. Pihak MAMPU telah merangkakan tindakan-tindakan yang sesuai bagi menangani masalah ini di agensi-agensi awam dan seandainya masalah Y2K tidak dapat diperbetulkan tepat masanya iaitu pada 1 Januari tahun 2000, kebanyakan komputer yang mengandungi dengan izin, times sensitif software programme akan mengenali tahun itu sebagai 00. Komputer tersebut mungkin akan mengandaikan bahawa ini adalah tahun 1900 dan akan mengakibatkan komputer melaporkan bahawa kesilapan telah berlaku dan tidak menjalankan proses-proses yang sepatutnya dijalankan. Dari segi perkakasan, masalah ini boleh timbul dari dengan izin invaded chips yang menjadi sebahagian daripada perkakasan tersebut. Akibatnya sistem-sistem yang menggunakan proses kontrol komputer seperti

sistem lift, security, sistem penghantaran bekalan elektrik, sistem kawalan trafik dan sebagainya mungkin tidak dapat terus beroperasi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak menteri kerana menerangkan sedikit sebanyak bagaimana besarnya masalah yang akan dihadapi oleh kita semua, pihak awam dan pihak swasta. Saya ingin tahu, berapakah jumlah anggaran belanjawan yang diperlukan oleh pihak kerajaan dan juga pihak awam kerana kita dapat anggaran. Saya hendak tahu dari segi dimensi kewangannya, untuk hendak menentukan menjelang tahun 2000 kita semuanya selamat daripada ancaman Y2K.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memberi angka yang tepat dari segi keperluan perbelanjaan bagi menangani perkara ini baik dari peringkat sektor awam ataupun pihak swasta sendiri. Apa yang kita harus lihat bahawa dari segi sektor awam pihak MAMPU telah memperkenalkan beberapa agensi yang difikirkan amat kritikal sekali dan pada sekarang pihak MAMPU telah memulakan untuk menyelaras pelaksanaan tindakan agensi tersebut dan telah pun menganggarkan sekurang-kurangnya RM30 juta telahpun diagihkan. Kita berpendapat kemungkinan perbelanjaan yang lebih tinggi daripada itu akan diperlukan nanti. Bagi pihak swasta pula apa yang kita hendak cadangkan, apa yang hendak kita tentukan ialah bagi meminta mereka sendiri untuk menentukan tindakan itu harus diambil, kalau tidak sudah tentu kerugian akan melibatkan perdagangan mereka sendiri dan itupun kita tidak dapat menentukan angka-angka perbelanjaan daripada keseluruhan syarikat-syarikat yang ada di negara kita ini.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah ini merupakan masalah yang rumit dan groper. Kita hendak tahu, kita menuju ke tahun 1 Januari 2000 hanya satu tahun enam bulan. Mengapakah masa yang diambil untuk mengkaji masalah ini begitu singkat baru kita bangkitkan masalah ini. Patut kalau ikut kajian, ikut research yang kita buat harus kita menyelesaikan masalah ini pada peringkat yang lebih awal. Soalan yang kedua, kita tahu masa yang begitu singkat ini, mesti ada syarikat-syarikat swasta yang mempunyai formula untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah kementerian mempunyai maklumat di mana berapakah syarikat swasta yang telah dapat menyelesaikan masalah Y2K ini. Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang sudah faham dalam beberapa awal lagi di atas tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan kesan akibat dari masalah Y2K ini bahkan banyak syarikat termasuk juga badan kerajaan telahpun mengambil tindakan dalam beberapa tahun yang lepas. Ini bukanlah perkara yang baru. Apa yang hendak kita tentukan sekarang ialah kita hendak meminta semua syarikat yang besar dan juga syarikat yang terlibat dalam negara kita ini khususnya syarikat dan perkhidmatan yang kritikal, sedang dan akan menentukan tindakan diambil oleh mereka. Misalnya dari segi peringkat industri perbankan ataupun kewangan, pihak Bank Negara telah menentukan bahawa pihak-pihak financial institution dengan izin, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menentukan mereka telah memasang atau menentukan mereka telah mengambil tindakan terhadap Y2K compliance ini dalam penghujung tahun ini, Disember 1998 dan mengambil masa tahun hadapan untuk menguji apa yang telah dipasang.

Bagi syarikat-syarikat swasta yang disenaraikan dalam Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) Securities Commission Tuan Yang di-Pertua, telah pun menetapkan bahawa dalam mereka membuat laporan tahunan mereka mulai dari laporan tahunan tahun lepas, mereka harus membuat kenyataan bagaimanakah kedudukan dari segi syarikat itu dalam masalah Y2K compliance. Apa yang kita hendak sedar juga masalah Y2K compliance ini memang masalah yang rumit bukan sahaja bagi kita bahkan lebih-lebih bagi negara yang lebih maju di mana komputer sistem telah digunakan dengan besar-besaran. Kita sebenarnya kalau dibanding dengan banyak negara-negara yang lain tidaklah mempunyai masalah yang ketara seperti yang akan berlaku dari negara-negara yang maju.

PEMULIHAN EKONOMI - PERANAN AGENSI DAN SIKAP PEGAWAI

9. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauhmanakah peranan agensi kerajaan serta sikap pegawai-pegawainya dalam usaha:

- a) memulihkan kegawatan ekonomi terutamanya berhemat dalam perbelanjaan serta komited dalam program pembangunan ekonomi, pertanian dan pendidikan; dan
- b) sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula perlantikan tokoh-tokoh tertentu sebagai pengerusi atau pengarah dalam beberapa syarikat awam dan swasta yang tidak mampu diberi perhatian sewajarnya, mengakibatkan penyelewengan dan kerugian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memulihkan kegawatan ekonomi, kerajaan telah menekankan perbelanjaan secara berhemah. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Kewangan telah pada 5 Disember tahun telah mengumumkan pengurangan perbelanjaan kerajaan Persekutuan sebanyak 18% bermula dengan pemotongan serta merta secara menyeluruh sebanyak 10% bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dan 8% lagi bagi potongan secara terpilih. Walau bagaimanapun di dalam membuat potongan ini, keperluan-keperluan kritikal seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan desa serta perbelanjaan terikat diberi pengecualian di samping memastikan operasi agensi tidak terjejas. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hak melantik pengerusi atau ahli-ahli lembaga pengarah syarikat bergantung kepada pemegang saham syarikat tersebut. Dengan demikian kerajaan tidak berhasrat untuk campur tangan di dalam urusan syarikat di mana kerajaan tidak mempunyai kepentingan. Bagi syarikat-syarikat milikan kerajaan pula, adalah menjadi amalan kerajaan untuk menilai kesesuaian seseorang calon yang dilantik bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dipatuhi oleh syarikat itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan lantikan pegawai-pegawai kerajaan ataupun tokoh-tokoh yang pence n daripada kerajaan dalam syarikat-syarikat awam ataupun agensi ini, adakah kerajaan dapat memastikan mereka-mereka yang telah melakukan penyelewengan dan mereka yang didapati tidak memberi manfaat kepada negara selainnya dalam syarikat-syarikat konsensi yang baru-baru ini apabila terlibat kegawatan ekonomi banyak mereka ini dilindungi dan telah mungkin hilang begitu sahaja tanpa pengetahuan dan ada beberapa perkara yang kita sebut telus tetapi sebenarnya keadaan tidak begitu telus. Apa pandangan kerajaan terhadap masalah ini.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua macam syarikat. Satu ialah syarikat swasta yang melantik pegawai-pegawai kerajaan yang telah pencen khususnya pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang pencen. Di dalam syarikat swasta kerajaan tidak boleh campur tangan. Terletaklah kepada syarikat swasta itu hendak mengambil mana-mana pegawai tinggi bekas KSU ke, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian ataupun IGP ke, Ketua Pengarah ke, ataupun sesiapa sahaja berasaskan kepada kriteria-kriteria pemilihannya sendiri. Kalau kawan itu tidak betul, kawan itu kalau diambil, itu risiko dirinya sendirilah. Tetapi untuk syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan tentu sahaja kerajaan akan memastikan bahawa orang yang dilantik daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan kanan yang bersara ini adalah orang-orang yang betul-betul amanah, jujur dan mempunyai wawasan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apakah perlantikan bekas-bekas tokoh kerajaan bagi dijadikan pengerusi ataupun pengarah dalam syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan sebagai suatu langkah membalas budi mereka-mereka ini, ataupun benar-benar bahawa khidmat mereka diperlukan untuk memberi kepimpinan kepada syarikat-syarikat ataupun agensi yang kerajaan mempunyai kepentingan. Dan yang kedua, apakah kerajaan sedar bahawa perlu kepada tokoh-tokoh kerajaan ini walaupun mereka mempunyai pengalaman tetapi diberi masa mereka berehat supaya lebih banyak dengan keluarga di mana sepatutnya jawatan-jawatan ini diisi oleh tokoh-tokoh muda sama ada di kalangan kerajaan ataupun tokoh-tokoh politik yang berkelayakan macam Dato' Haji Mohd. Zuki, Dato' Abdul Aziz, Dato' Ghazi, ini tokoh-tokoh korporat yang boleh memberi sumbangan kerana kita sedar ada di kalangan tokoh-tokoh kerajaan ini dilantik bukan sahaja satu dua jawatan, banyak jawatan. Dan kerajaan juga harus berwaspada di mana mereka-mereka tokoh-tokoh kerajaan yang bersara ini diambil dalam agensi-agensi swasta sebagai umpan, mungkin, kerana mereka ini ada pertalian, pengaruh. Jadi kalau dilantik mereka ini mungkin memudahkan syarikat tersebut maju, contohnya dulu saya pernah bangkit, ada seorang bekas Ketua Polis Negara masuk dalam menjadi Lembaga Pengarah Resort World dan Genting Berhad. Jadi apakah ini, semua ini kerajaan sedar supaya walaupun mereka dijadikan pengerusi tetapi ianya mesti tulus tidak kerana pengaruh mereka dalam kerajaan dahulu menyebabkan syarikat berkenaan yang mereka pimpin mudah dapat kontrak, mudah dapat kerja-kerja kerajaan atau seumpamanya. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua. Biar saya jawab mengenai perlantikan di dalam syarikat kerajaan dulu. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali menyebut adakah lantikan itu sebagai satu usaha membalas budi. Pada saya sebenarnya ianya tidak. Kerana kalau hendak dikatakan usaha itu membalas budi, semua KSU-KSU yang bersara, semua duta-duta yang bersara dan semua Ketua Pengarah yang bersara mesti diberi perlantikan tetapi yang dilantik hanya segelintir sahaja. Jadi di sini perlantikan di dalam syarikat kerajaan itu diambil dari segi kriteria kewibawaan orang yang dilantik. Itu sahaja. Dan segelintir sahaja. Kebanyakan KSU-KSU, Ketua-Ketua Pengarah dan lain-lain lagi bersara dan tidak mendapat apa-apa balasan budi daripada kerajaan dari segi lantikan baru.

Dan yang kedua, adakah perlu mereka ini dilantik. Tuan Yang di-Pertua, kalau diambil umur persaraan di negara kita itu 55 tahun adalah umur yang masih muda. Jadi kebanyakan kita ini 55 tahun dan pada saya masih muda dan masih produktif. *[Ketawa]*. Produktif biologically dan industrially.

[Ketawa]. Dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang, ya, produktif dari segi biological dan semua ini. Semua boleh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, persoalan apakah mereka ini disuruh berhenti, bersara dan berehat, saya fikir tidak begitu betul kerana kalau yang tidak dilantik oleh kerajaan, mereka boleh terus bekerja. Kalau hendak ikut dalam kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, saya akan bersara tetapi oleh kerana dalam politik kita terus, masih lagi produktif begitu juga sahabat-sahabat saya seperti Dato' Haji Mohd. Zuki dan Dato' Abdul Aziz. Dan mengenai tokoh-tokoh politik, saya akur bahawa pada masa ini banyak tokoh politik yang muda, yang mempunyai kelayakan yang tinggi. Dulu kalau di zaman Tuan Yang di-Pertua dulu di zaman prime Tuan Yang di-Pertua dulu boleh dikatakan semua duta-duta yang dilantik ...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini masih prime ya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tidak berapa lama dulu Tuan Yang di-Pertua, semua boleh dikatakan tiga suku daripada duta-duta adalah orang politik. Tetapi apabila negara kita memasuki era industri diperlukan orang-orang yang berpengetahuan. Orang politik pada masa itu tidak mempunyai apa pendidikan yang tinggi kerana kita baru merdeka tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, banyak orang politik mempunyai kedudukan yang tinggi, di sebelah kiri saya Ph.D. Di sebelah sana semuanya MA dan juga First Class Honest. Jadi, di sinilah, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Ibrahim bahawa orang politik juga harus diberi tetapi sebab saya tidak ada kuasa, itu susah *[ketawa]* terletak kepada Kabinet dan pemimpin di atas.

Perkara kedua, mengenai dengan perlantikan di dalam syarikat swasta yang dikatakan oleh Datuk Ibrahim sebagai umpanan. Saya menerima hakikat ini kerana ini terletaklah kepada syarikat swasta itu memilih sesiapa yang mempunyai kaitan dengan jabatan kerajaan yang hendak ditransaksinya apa-apa produk ekonomi. Tetapi masalahnya terletak kepada jabatan kerajaan juga. Kalau diambilnya ketua polis untuk memastikan tidak ada raid kepada Genting Highland ke ataupun di mana sahaja, terletak kepada Ketua Polis yang ada tidak memperdulikan itu. Jadi di sinilah kewibawaan kerajaan di mana kerajaan dapat menimbangkan persoalan-persoalan seperti ini dan saya pasti di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang memimpin jabatan-jabatan kerajaan dan soal contact, soal apa kita kata cronism, soal favouritism, tidak berbangkit kerana kebanyakan daripada pegawai kita boleh kata 99.9% adalah mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 39 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG-UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”
[25 Mei 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin menyambung ucapan, diharapkan tidak begitu panjang lagi.

3.31 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Ahli Parlimen Arau, Yang Berhormat Tuan Kamaruddin bin Ahmad telah meninggalkan kita, kembali ke rahmatullah pada kelmarin. Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya memohon supaya Dewan ini mendedekahkan Al-Fatihah kepada Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Persilakan.

[Majlis bertafakur selama satu minit dan ahli-ahli yang beragama Islam menghadiahkan Al-Fatihah]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan Akta Perbekalan Tambahan untuk merujuk kepada B.25 iaitu Kementerian Pertahanan.

Pada pandangan saya Kementerian Pertahanan di negara kita perlulah ditingkatkan kewibawaan, kemampuan dan keupayaan untuk mempertahankan negara. Walaupun kita berbangga bahawa angkatan tentera kita sama ada angkatan tentera laut, tentera darat dan juga tentera udara merupakan terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan mempunyai profesionalisme yang tinggi tetapi dalam dunia yang serba canggih ini, pertahanan negara bukan sahaja bergantung kepada kekuatan senjata tetapi pertahanan negara juga bergantung kepada bagaimana mampu kita bersaing dengan negara-negara lain dalam bidang perniagaan, perindustrian dan juga dalam bidang ekonomi serta bagaimana kemampuan kita dalam bidang teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar jawapan daripada Kementerian Pertahanan mengenai pembangunan di RMC ataupun maaf saya lupa apa, institusi pengajian untuk meningkatkan ataupun melahirkan perajurit-perajurit negara/RMC di Sungai Besi. Saya berpendapat selain daripada kita meningkatkan pengajian-pengajian di RMC ini dalam makmal, komputer dan sebagainya, kita perlu benar-benar memberi penekanan kepada penguasaan kita. Penguasaan kita di dalam bidang teknologi termasuk di dalam bidang outer space. Kerana baru-baru ini apabila kita mendengar taklimat daripada Planetarium bahawa kecanggihan dunia hari ini menghendaki kemampuan kita di dalam mempertahankan negara bukan setakat kemampuan kita di bidang ketenteraan tetapi juga kemampuan kita di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian saya berharap supaya pihak kerajaan memberikan perhatian kepada kemampuan dan keupayaan kita di dalam bidang sains dan teknologi sehingga kepada pengawasan outer space ataupun ruang angkasa di negara kita.

Saya juga berpendapat pihak Kementerian Pertahanan juga perlu meningkatkan risik. Kalau pada masa yang lalu kita mempunyai kumpulan-kumpulan risik yang merisik kekuatan tentera tetapi baru-baru ini negara kita bukan dikalahkan dengan kekuatan tentera tetapi kita telah diserang dengan

serangan ekonomi. Oleh yang demikian saya berpendapat Kementerian Pertahanan juga perlu mempunyai mereka-mereka yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk merisik bagaimana sebenarnya spekulator-spekulator di dunia ini menjalankan peranan mereka dan mungkin akan menjejaskan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sebagai pendukung askar wataniah negara berpangkat mejar sekarang. *[Ketawa]* Kalau ini adalah inisiatif daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, semua wakil-wakil rakyat bukan saya sahaja termasuk Yang Berhormat Tuan Haji Dato' Abu Bakar bin Daud, kalau dibagi 'stayer' ataupun M16 insya-Allah kalau tidak sharp shooter pun akan meletup juga. Ini latihan yang telah pun kami terima.

Saya berpendapat bahawa peningkatan kepada mempertahankan negara dengan menggunakan senjata ini boleh dipikul oleh sebahagian daripada rakyat jelata. Saya dapati banyak kebaikan yang dapat kita pelajari dan juga kita ketahui apabila kita memasuki badan-badan sukarela untuk mempertahankan negara ini seperti askar wataniah. Saya tahu di negeri-negeri yang lain juga sepertimana Pahang, baru-baru ini kita mengadakan perlawanan menembak di Pahang dengan kumpulan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Juga mereka mempunyai pemimpin-pemimpin yang telah pun diberi latihan untuk menjadi pendukung askar wataniah. Oleh yang demikian, pada pandangan saya di dalam kita memerlukan mereka yang dapat memberikan tenaga untuk mempertahankan negara melalui kekuatan senjata ini. Selain daripada kita melatih askar-askar ataupun tentera. Sebagai rakyat yang setia dan sayangkan negara, kita juga boleh memberi perkhidmatan sebagai kumpulan sokongan untuk mempertahankan negara. Biarlah Kementerian Pertahanan dapat meningkatkan kemampuan pertahanan negara dalam bidang-bidang yang saya sebutkan awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi B.26 Kementerian Pendidikan, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha-usaha kementerian ini untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan negara. Motto kita kalau saya silap adalah pendidikan yang bertaraf dunia. Alhamdulillah baru-baru ini kita melihat kelulusan yang cemerlang di dalam SPM dan STPM. Tetapi malangnya apabila pelajar-pelajar, anak-anak yang telah kita beri dorongan dan latihan ini dapat membuktikan kemampuan mereka, kita menghadapi sedikit kekecohan apabila program-program untuk menyusun atur mereka ini untuk diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti - baru-baru ini kita menghadapi masalah dengan UPU Infoline dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang KLIA. Saya sudah sebut dahulu tentang bab air di Airport Subang. Kalau saya kata dibandingkan dengan masalah air ini, masalah air yang dihadapi yang terpaksa ditanggung oleh Jabatan Bekalan Air dan Kerajaan Negeri Selangor terlalulah amat besar kalau dibandingkan dengan masalah air tiga hari yang mesti diuruskan oleh syarikat

swasta yang di lapangan terbang. Bayangkanlah itu pun dalam masa tiga hari kerana terdesak pun tak dapat hendak menguruskan dengan cara yang terbaik.

Saya beri contoh, umpamanya saya beri dengan detail, kalau kita bercakap tentang syarikat swasta melihat pelanggan sebagai keutamaan dan hendak memberi layanan yang baik, orang yang duduk di atas kapal terbang kelas satu, bila kita turun ke bawah dia sudah lupa yang kelas satu, tak ada lagi menjaga pelanggan dari segi perkhidmatan kenderaan di lapangan terbang dan bila kita sampai dengan masalah-masalah yang banyak, yang rumit berkenaan air tadi, dia tidak boleh menangani.

Pada saya sebagai contoh, saya pernah ditegur, saya kata: “Datuk, you okay, you sebut tetapi apa solutionnya”, saya kata: “Senang.” Kalaulah apabila kita masuk ke dalam airport, dia sediakan flyer yang besar ini sampai sahaja macam kad transit itu, dia hanya tunjuk kata, ‘maaf wahai rakan-rakan penerbangan, kami mempunyai masalah air sejak dari ini -ini, jadi, harap tolonglah bersabar, kita cuba untuk ikhtiar, toilet kurang memuaskan, tetapi insya-Allah dapat digunakan kerana kami mengambil langkah-langkah emergency yang begini -begini’.

Apakah kalau selepas 13 jam kita berjalan dan mendapat kertas yang boleh dibaca seperti itu, apakah tidak kita terusik dalam diri kita bahawa: ‘Ya, Malaysia Airport memang memberi keutamaan kepada pelanggan’. Ini yang pelanggan hendak. This is first impression dan berikutnya ialah bab KLIA, saya ada di sini, ‘Is all system go at KLIA trial run’, dengan izin, ini baharu sahaja keluar dalam akhbar.

Saya hendak kaitkan ini sebab KLIA ini terlalu amat besar, berbilion-bilion ringgit telah dilabur dan saya tidak tahu berapa juta pelanggan yang hendak kita handle di KLIA. Harapan kita ialah KLIA akan menjadi satu success story untuk menarik pelancong, baik, semuanya baik. Tetapi, dengan pretasi yang ditunjuk baru ini di Subang Airport, saya takut kalau-kalau kita menderita sekali lagi di KLIA. Itu perkara yang pertama.

Yang keduanya, yang di KLIA, yang banyak disenaraikan sistem percubaan ini ialah dari aspek teknikal, penggunaan teknologi, penggunaan mesin dan

sebagainya, okaylah. Tetapi pada saya, di belakang ini ialah manusia, tenaga kerja, tenaga kakitangan pengurusan dan sebagainya.

Pada saya inilah yang juga hendak diutamakan dari segi stress testnya, kalau hendak digunakan perkataan 'stress test'. Saya teringat seorang Ahli Yang Berhormat baru-baru ini bercakap tentang transport tentang kenderaan ke KLIA, saya ingat kalau tidak salah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, ini relevan. Dia bercakap satu aspek, saya hendak bercakap aspek ini, kalau baru hendak mula lagi bagaimana dia hendak mula daripada hendak kita beredar ke KLIA?

Saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah membuat program untuk Ahli-ahli Senator melawat ke KLIA, lawatan ini baik, tinggal lagi saya sendiri malangnya tak dapat hadir kerana ada perkara yang lain yang telah diatur lebih awal, tetapi saya rasa, itu baik tetapi lebih baik lagi kalau sekiranya ditambah dengan kumpulan volunteers daripada Kelab Senator, casual sahaja, jangan buat perasmian hendak pergi briefing macam biasa, itu saya tahu mesti baik, gunakan ini sebagai test group, gunakan public transport system, berjalan tengok, kita buat simulation exercise oleh Ahli-ahli Senator sendiri kerana Ahli-ahli Senator adalah mewakili rakyat, kita bolehlah buat sample yang lain mengikut jururunding yang lain, buatlah, tetapi pada saya kalau kita hendak dapat first experience, saya sendiri rela dan saya percaya rakan-rakan yang lain rela untuk menjadi ahli-ahli yang dijadikan 'guinea-pig' untuk hendak test sistem daripada transport pergi sana dan sebagainya.

Saya rasa ini bermanfaat kerana dengan izin, first impression is always the last impression, sebab hendak membaiki itu lagi kalau ada apa-apa kekurangan dan kesalahan adalah terlalu amat berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang soal peruntukan Kementerian Pendidikan sebagai contoh sebanyak RM39.8 juta dalam rang undang-undang ini. Akhir-akhir ini pula saya dengar pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam program pelaksanaan sekolah bestari daripada RM100 juta untuk 90 buah sekolah telah dikurangkan kepada RM50 juta untuk 90 buah sekolah juga.

Point yang pertama yang saya hendak tegur ialah, apakah cara untuk mengimplementasikan 90 sekolah bestari ini patut dipertahankan dengan 50% kekurangan peruntukan. Saya rasa patut kerajaan memberi perhatian yang lebih khusus mungkin kalau sudah 50% dikurangkan dari segi kewangan, mungkin sekurang-kurangnya kalau tidak sama 50% potong pun, potonglah 25% atau 30% sahaja, mungkin ada lebih perseimbangan dari segi kekesan implementasinya kerana tak ada ertinya kalau kita pertahankan 90 buah sekolah kalau methodology, dengan izin, yang hendak digunakan, yang hendak diamalkan mengenai sekolah bestari ini tidak mencukupi dan tidak sampai ke mana-mana, itu satu.

Yang keduanya, oleh kerana bab pembangunan manusia sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada di sini, saya hendak tekankan bab ini sedikit, memang terlalu amat mustahak, kita semua tahu dan tidak boleh dipertikaikan. Bagaimana kita hendak menyediakan rakyat kita, anak-anak muda kita malah di peringkat bayi pun sudah patut kita bersedia, ini yang saya komen sedikit Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam tentang persediaan sekolah bestari ini. Jangan kita compartmentalise hanya seolah-olah domain, dengan izin, Kementerian Pendidikan sahaja. Sebenarnya, apa yang patut kita manfaatkan ialah keseluruhan kementerian patut memahami, menghayati konsep sekolah bestari ini dan bawa masuk ke dalam kementerian masing-masing dan cuba memahami, menghayati dan mengamalkannya di mana-mana peringkat tanpa menunggu arahan dan sebagainya. Pada saya ini langkah yang lebih strategik dan lebih bijak.

Saya menekankan perkara ini kerana keseluruhan masyarakat kita menuju alaf baru. Alaf baru kita bercakap tentang masyarakat berilmu, masyarakat bermaklumat, masyarakat madani. Kalau kita ingin melahirkan masyarakat madani, masyarakat bermaklumat, masyarakat berilmu, hendaklah kita mulakan dalam rahim lagi, hendaklah kita wujudkan di peringkat kindergarten, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah swasta dan sebagainya.

Betul, kita boleh bercakap di peringkat-peringkat yang lain, tetapi kita hendaklah menyeluruh supaya betul-betul kita dapat mengimplementasikan sesuatu, keseluruhan masyarakat kita patut menghayatinya. Pada saya ini adalah amat mustahak untuk ditekankan. Oleh kerana itu saya amat berseru kepada semua

kementerian di mana sahaja supaya dapat memberi ruang yang relevan mengadakan program-program khas mengenai pembangunan manusia yang berlandaskan ilmu dan maklumat supaya semuanya kita bergerak selaras mencapai cita-cita kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebutkan ialah mengenai reformasi pendidikan. Saya tidak berpeluang untuk bertanya banyak kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang ada awal tadi, tetapi reformasi pendidikan amat baik sekali dan idaman kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai, dengan izin, centre of excellent, pusat kecemerlangan adalah amat baik, tetapi apa yang disebutkan tadi dalam perbahasan yang telah dibangkitkan tentang laporan *Asiaweek* sebenarnya, saya ada laporan *Asiaweek* ini dalam tangan saya, 'front page - Asia's Best Universities 1998'. Sebahagiannya sudah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, betul, saya bersetuju, kata beliau, kita tidak bolehlah jadikan ini sebagai ukur utama dalam menghadapi masalah dan mencari penyelesaian, saya terima. Tetapi, saya hendak menambah, kita tidak boleh menutup mata kepada pendapat yang disampaikan dalam majalah yang ada influence, yang ada pengikutnya.

Kalau tidak, kita mesti ada alternatif untuk mengeluarkan media dan bahan cetak kita sendiri, kalau selagi kita tidak dapat memberi alternatif kita sekurang-kurangnya mesti tabik hormat kepada perkara ini dan kita memberi jawapan secara smart, secara bijak, secara pintar dengan cara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan ialah dalam laporan ini sudah disebut tadi, Universiti Malaya ini yang ke-33 dan seterusnya, pada saya laporan terakhir yang authoritative ini agak mendukacitakan. Di samping kita sedang sibuk untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, saya tahu Kementerian Pendidikan hendak membuat lawatan ke Indonesia, di 'postpone' kan kerana masalah di Indonesia itu - betul, baik.

Tetapi kita hendaklah selaraskan dari segi mutu dan kualiti sama ada kita suka atau tidak, majalah ini mempunyai pengikut dan pembacanya, ada influence, ada followernya, kalau sekiranya kita tidak mempunyai alternatif lain untuk menarik minat orang-orang ini adalah amat tidak sedap sekali.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan sendiri memberi di samping usaha-usaha yang baik, saya akui di samping usaha-usaha yang baik yang telah pun dijalankan, hendaklah memberi keutamaan juga kepada persepsi dan imej yang dibangkitkan melalui penerbitan-penerbitan media yang disebarkan secara meluas kerana mereka inilah yang akan menjadi potensi pasaran kita dan kalau tidak salah saya majalah ini adalah juga mempunyai pengikut-pengikutnya yang tersendiri.

Oleh kerana itu, adalah agak pintar dan selaras dengan projek pintar kita supaya pihak kerajaan sendiri lebih khusus Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan yang tertentu supaya dalam penerbitan yang lain, Malaysia ditonjolkan sebagai pusat kecemerlangan yang boleh menjadi daya tarik kepada masyarakat di kawasan ini, samalah dengan universiti-universiti dan kolej-kolej pengajian tinggi di luar negeri yang terkenal yang sama-sama kita tahu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak tekankan ialah mengenai syarikat pengurusan aset ini (asset management company).

Tuan Yang di-Pertua, non-performing loan ini, pinjaman tak aktif ini, dalam perkara ini, saya tinggalkan tajuk ini, saya hilang point. Pointnya sedikit sangat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai penswastaaan. Saya melihat perkara yang dibangkitkan dari jawapan yang disampaikan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang hadir ini amat membanggakan, beliau menyebut tentang pendapatan RM20 bilion, RM70 bilion dari segi pokok kos pengurusan RM120 bilion menandakan bahawa dalam jumlah kasar yang saya congak-congak sebanyak RM200 bilion keseluruhan dalam masa 15 tahun memberi purata lebih kurang RM13.3 bilion setiap tahun. Pada saya ini adalah satu angka yang amat membanggakan.

Apa yang saya hendak katakan ialah dalam masa kita menghadapi banyak permasalahan mengenai penswastaaan, kita perlu juga menerima hakikat bahawa penswastaaan telah pun mendatangkan manfaat yang begitu amat baik kepada kerajaan khususnya dari segi kewangan yang ditunjukkan secara menyeluruh, saya

ambil daripada apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat dari Jabatan Perdana Menteri.

Oleh kerana itu, pada saya walaupun terdapat sedikit sebanyak masalah di sana sini dari segi implementasi, saya ingat keyakinan masyarakat hendaklah berterusan dari segi penswastan kerana kita tidak boleh dengan izin, get everything free from thin air, dalam masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya juga amat prihatin tentang perasaan rakyat dari segi peningkatan kos oleh kerana program-program penswastan yang diamalkan oleh pihak kerajaan. Oleh kerana itu, saya tak tahulah sama ada pihak kerajaan telah atau sedang buat, tetapi saya rasa elok mungkin Jabatan Perdana Menteri sendiri, mungkin Unit Perancang Ekonomi sendiri, saya tidak tahu, patut membuat satu kajian menyeluruh yang mikro dari segi kesan tentang penswastan, kalau kita walk through umpamanya dari Kangar turun ke Johor Bahru dan melalui proses ini dari segi semua keputusan kerajaan mengenai penswastan apakah kesannya kepada seorang individu, saya rasa kajian yang begini adalah amat mustahak kerana kita ingin melihat impak terhadap masyarakat yang berbilang bangsa, juga masyarakat yang kumpulan pendapatannya adalah berlainan.

Kajian ini mungkin telah dibuat banyak kajian tetapi perspektif kajian ini pada saya hendaklah dibuat terkini kerana kita menghadapi pilihan raya pada masa depan dan kita ingin masyarakat melihat segala usaha-usaha kerajaan yang niat asalnya baik, tetapi mungkin disalahgunakan dari segi tafsiran, kesan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, elok saya ingin cadangkan supaya mana-mana jabatan mungkin Unit Perancang Ekonomi sendiri sebagai usaha atau exercise khusus menyediakan analisa ini dan kalau perkara ini impaknya terhadap golongan masyarakat berpendapatan yang berlainan dapat disediakan, kalau sekiranya itu sedia, sekarang pun saya ingin cadangkan supaya ini boleh menjadi satu program yang akan datang, yang boleh ahli-ahli Kelab Senator mengikuti untuk mengetahui gambaran menyeluruh, sebagai contoh pagi ini kita menghadiri penerangan dari segi peruntukan oleh ahli-ahli Senator.

Jadi, bila kita berbincang dalam keadaan bilik tertutup, kita dapat maklumat yang lebih jelas dan kita pun boleh menyampaikan isi hati kita dengan lebih jelas. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun turut berada di sini, saya rasa kalau sudah ready, saya ingat dalam penggal ini pun ahli-ahli Kelab Senator ingin sama-sama dengan izin, go through the facts the big picture, saya ingin melihat keseluruhan dan sama ada kita suka atau tidak, perkara-perkara ini, isu-isu penswastan impaknya terhadap masyarakat di segment satu, dua, tiga dan sebagainya akan menjadi bahan-bahan yang dipersoalkan kemudian. Marilah kita bersedia sekarang mungkin dengan mempunyai maklumat, walaupun tidak lengkap lagi, kita sama-sama boleh memikirkan cara mana yang kita boleh menangani hal ini bila kita berhadapan dengan rakyat nanti.

Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak mengambil peluang ini untuk bercakap, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputus kan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.”

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

4.45 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Di sini saya mengucapkan syabas kepada kementerian yang berkenaan kerana telah menyusun Perbekalan Tambahan dengan baik berdasarkan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk menyentuh perkara B.16 berkaitan dengan peruntukan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Kalau kita perhatikan masalah kemarau masih melanda negara kita dan mungkin jerebu juga datang melanda, perkara ini sukar hendak dikawal tetapi betapa pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh anggota bomba membantu mencegah kebakaran serta jerebu di samping perkhidmatan lain yang ditawarkan.

Sehubungan itu, kita seharusnya tidak mengabaikan kebajikan anggota bomba, bersesuaian dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan memberi elaun khas kepada mereka yang bertugas di luar kawasan. Sewajarnya dalam situasi sekarang alatan-alatan pencegahan kebakaran dan lain-lain lagi yang sofistikated dan terkini sepatutnya ditambah bagi mengatasi keadaan yang kritikal seperti tahap tekanan air yang rendah, kebakaran di bangunan yang tinggi dan sebagainya. Latihan yang berterusan dan intensif sepatutnya diberi penekanan bagi membantu meningkatkan kecekapan anggota bomba yang bersedia untuk berkhidmat bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik mengenai perkara B.25 di mana Kementerian Pertahanan yang kita semua sedia maklum bahawa Kementerian Pertahanan merupakan benteng kepada keselamatan dan keamanan negara yang memerlukan komitmen yang tinggi daripada anggota-anggotanya. Kita menyeru

kepada kementerian agar membantu anggota yang berpangkat rendah yang semestinya berpendapatan rendah dengan menyediakan rumah-rumah kos rendah yang boleh diperuntukkan secara sewa-beli kepada anggotanya, sekurang-kurangnya dengan secara ini dapat membantu anggota-anggota tentera untuk memiliki rumah sendiri di mana selepas tamat tempoh perkhidmatan mereka masing-masing.

Kita semua maklum dalam keadaan ekonomi sekarang bagi mereka yang berpendapatan rendah apatah lagi bagi mereka yang tinggal di bandar-bandar, kehidupan mereka sekadar cukup makan sahaja dan mereka tidak akan mampu memiliki rumah sendiri sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah untuk membantu mereka dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara B.26 - Kementerian Pendidikan, saya amat bersyukur, alhamdulillah, kerana kementerian ini masih diutamakan di atas kesedaran terhadap kepentingan pendidikan negara dan seterusnya menjadikan negara kita sebagai pusat pendidikan terbaik di rantau Asean. Berusaha ke arah itu. Insya-Allah!

Kita dapati permintaan terhadap kemasukan ke institusi pengajian tinggi di negara kita semakin bertambah dari setahun ke setahun memandangkan pelajar-pelajar sekarang semakin cerdas dan pintar di mana kita dapat melihat berdasarkan keputusan SPM baru-baru ini, peratus kelulusan berdasarkan kuantiti dan kualiti semakin meningkat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Pendidikan untuk menyediakan peluang-peluang melanjutkan pelajaran seluas-luasnya kepada para pelajar ke peringkat yang lebih tinggi walaupun sekarang terdapat pelbagai kolej swasta yang disediakan, namun berapa ramaikah pelajar-pelajar kita yang mampu untuk mendaftarkan diri ke sana memandangkan yuran bulanan serta peralatan pembelajaran yang tinggi kosnya.

Sehubungan itu, bagi golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah sudah semestinya tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke kolej swasta atau kegagalan kemasukan kepada IPTA akan mematikan semangat para pelajar dan kesannya kemungkinan akan mengurangkan motivasi pelajar yang berada di Tingkatan V sekarang. Bagi mengatasi kesulitan ini, saya ingin

mencadangkan untuk mewujudkan keselarasan dari segi yuran dan sebagainya di semua peringkat kolej dan institusi swasta di negara kita.

Dalam aspek kokurikulum yang diajar di kolej swasta itu amat perlu mendapat kelulusan atau pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 agar kurikulum yang diajar dapat diterimapakai di peringkat nasional. Dalam perkembangan terkini teknologi maklumat sekolah sebagai sebuah organisasi yang berperanan untuk mendidik warganegara di masa hadapan tidak dapat melarikan diri daripada menghadapi realiti perubahan dan kemajuan. Dalam hal ini, pihak Kementerian Pendidikan sepatutnya memberi penumpuan yang seimbang dalam aspek pembangunan teknologi maklumat khususnya menggunakan komputer di sekolah sama ada di sekolah bandar ataupun di luar bandar.

Kita tidak mahu pelajar-pelajar sekolah di bandar sahaja yang celik IT, tetapi sebaliknya pelajar-pelajar luar bandar masih tidak kenal komputer, apa lagi untuk menggunakannya. Selaras dengan itu, langkah-langkah positif dan proaktif adalah perlu untuk memastikan pelajar-pelajar di luar bandar juga tidak ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat dengan menyediakan komputer yang cukup di sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara. Jabatan Perpustakaan Negara di samping menyediakan bahan bacaan yang terkini, pusat sumber elektronik patut ditingkatkan seiring dengan pembangunan teknologi maklumat, pengwujudan sekolah-sekolah bestari dan seterusnya pembangunan Koridor Raya Multimedia telah membentuk satu dimensi baru pendidikan Malaysia.

Di sini, saya ingin menyentuh mengenai perkara B.34 iaitu mengenai Kementerian Kesihatan di mana kementerian ini mempunyai tanggungjawab yang besar demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Saya menyeru dan menarik perhatian kementerian ini agar menambah dan mempertingkatkan penyediaan peralatan perubatan yang canggih dan terkini sesuai dengan kemajuan teknologi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan agar penyakit yang kronik yang memerlukan kepada penggunaan sistem baka dan kepakaran manusia dapat dirawat

dalam negara kita kerana kita dapati masih terdapat pelbagai penyakit yang tidak mampu dirawat di dalam negara kita akibat dari kekurangan kepakaran dan peralatan yang menyebabkan kos perubatan yang tinggi terpaksa ke luar negara dan menelan belanja beribu-ribu ringgit, secara tidak langsung akan menyebabkan pengaliran wang ke luar negara.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kesihatan berusaha untuk menyediakan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar di bidang kedokteran untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang masing-masing dan saya juga menyeru pihak kementerian agar bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada pelajar-pelajar bagi mengambil bidang perubatan khususnya pelajar-pelajar wanita kerana kita amat kekurangan doktor wanita terutamanya dalam bidang penyakit puan.

Sepertimana kita fahami bahawa produktiviti wanita semakin meningkat bagi menambahkan bilangan penduduk, maka institusi pengajian seharusnya digalakkan menawarkan, di samping itu, institusi ini juga seharusnya menyediakan bagi menawarkan kursus kejururawatan yang masih kita merasai kurang khidmat jururawat. Sudah tiba masanya pihak kementerian memastikan pakaian seragam jururawat menutup aurat dapat dilaksanakan tatacara berpakaian ini dari peringkat awal lagi.

Saya berkeyakinan, insya-Allah, dengan izin, dengan membenarkan jururawat bertudung sewaktu bertugas secara tidak langsung akan dapat menarik ramai anak-anak gadis dan wanita untuk menceburkan diri di dalam bidang kejururawatan sebagaimana langkah yang positif yang diambil oleh TV3 di mana mereka telah membenarkan pengacara wanitanya bertudung.

Saya rasa setakat itu sahajalah apa yang dapat saya sampaikan. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, saya nampak dia sudah berdiri banyak kali semenjak semalam.

5.00 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998.

Pertama sekali saya ingin menyatakan kebimbangan terhadap apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tentang perkhidmatan MAS yang tidak menampakkan kecemerlangannya. Saya bimbang kalau Yang Berhormat akan menghadapi ancaman tindakan undang-undang daripada Pengerusi MAS seperti yang telah dihadapi kepda Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tentulah ada kebenarannya dan dengan itu saya rasa pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Kabinet khususnya tidaklah seharusnya hanya mendengar apa yang cuba diyakinkan oleh pihak korporat di dalam Bilik Kabinet atau di dalam bilik-bilik mesyuarat, tetapi suara rakyat, suara Yang Berhormat Puan Hajah Mastika sendiri dan suara penumpang-penumpang MAS haruslah diberikan perhatian berat dan tidak seharusnya ditutupi oleh suara-suara korporat yang lebih dekat yang biasanya berada di sekeliling.

Jadi, saya rasa perhatian berat masalah ada dan masalah mesti diakui dan masalah mesti diatasi dan masalah tidak boleh dipandang ringan. Ini adalah suatu hakikat yang mesti diterima terutamanya dalam keadaan negara memerlukan perkhidmatan ini diperbaiki, dalam keadaan negara memerlukan keyakinan daripada pihak perkhidmatan MAS sendiri.

Saya harap barangkali Dewan ini dapat melindungi Yang Berhormat dari menghadapi tindakan undang-undang kalau cuba untuk dilakukan oleh khususnya pihak Pengerusi MAS sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya khususnya ingin menyentuh tentang peruntukan di bawah Kementerian Pendidikan. Di samping menyokong peruntukan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap beberapa masalah yang timbul di bawah Kementerian Pendidikan dalam keghairahan kementerian ini untuk menjimatkan perbelanjaan dan mengurangkan lebih kurang 20% peruntukan bagi perbelanjaan pentadbirannya.

Saya tidaklah dapat menafikan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan peruntukan yang diberikan kepadanya sejak beliau menjadi Menteri Pendidikan telah menunjukkan performancenya yang begitu baik, yang terserlah dari masalah ‘membawa beg yang begitu berat’ sehinggalah kepada masalah ‘jadual persekolahan’ dan sebagainya. Hal ini amat nyata tetapi dalam pada itu oleh kerana Kementerian Pendidikan adalah merupakan kementerian yang dekat dengan rakyat yang banyak kepentingannya dengan rakyat, maka Kementerian Pendidikan sendiri adalah mendapat perhatian dan terpaksa menghadapi masalah sensitif rakyat yang harus diatasi dengan kebijaksanaan, dengan kepintaran dan dengan Yang Berhormat Menteri sendiri turut memberikan perhatian yang berat terhadap masalah yang timbul, yang mungkin akan menjadi masalah politik, masalah sosial dan sebagainya.

Jadi, masalah yang penting ini kita haruslah melihatnya dari segi keupayaan Yang Berhormat Menteri ini untuk keluar dari masalah yang ditimbulkan, itulah yang lebih penting dari masalah yang timbul itu sendiri. Maka di antara masalah yang paling gawat sekali, yang baru dihadapi ialah masalah infoline yang telah mengejutkan, mendebarkan dan menimbulkan sehingga ibu bapa terpaksa menyerbu ke Kementerian Pendidikan sendiri. Masalahnya saya difahamkan ialah dari segi keghairahan kementerian ini sendiri, untuk menjimatkan perbelanjaan iaitu menerima tawaran bagi infoline dengan percuma daripada pihak Telekom.

Jadi, apabila tawaran ini diterima maka tidak semestinya perkara yang diberi percuma tidak menimbulkan masalah. Masalah yang timbul adalah besar, masalah yang saya kira menimbulkan kemarahan umpamanya ada keputusan mengenai STPM telah dimaklumkan sebagai keputusan SPM, jadi, saya harap perkara ini tidak akan timbul lagi dan Kementerian Pendidikan tidaklah seharusnya menerima tawaran percuma semata-mata kerana untuk menjimatkan perbelanjaan tetapi menimbulkan masalah yang menyusahkan rakyat di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, suatu perkara yang besar yang melibatkan masalah dan menimbulkan masalah yang besar daripada penjimatan Kementerian Pendidikan ialah apabila dibekukan peruntukan untuk pembukuan

bagi peruntukan perpustakaan, pusat sumber dan juga guidance service. Apabila hal ini dilakukan maka akibat yang paling besar, yang sedang berlaku sekarang ialah terhadap industri buku di tanah air. Ada beberapa penerbit dan juga penjual-penjual buku yang terlibat dengan tindakan ini telah pun menggulung tikar dan setengah-setengahnya telah pun menghadapi keadaan yang dilumpuhkan oleh keadaan ini, oleh kerana seperti kita termaklum kebanyakan perusahaan buku di negara ini adalah bergantung kepada pembiayaan kerajaan. Kita bukanlah sebuah negara maju tetapi sebuah negara yang membangun, maka pembiayaan terutama dari Kementerian Pendidikan sendiri dalam memberikan rangsangan dalam penerbitan buku, dalam penjualan buku dengan sokongan kepada sekolah-sekolah bagi pembelian buku adalah amat penting.

Tetapi apabila telah dihentikan maka seluruh komponen perusahaan buku termasuk penerbit, pembuat filem, pengimport buku, pisah warna, pengatur huruf dan lain-lain lagi telah terlibat dan dalam keadaan sekarang ini ada juga penerbit-penerbit, percetakan yang telah ditutup dan berlaku pembuangan kerja dan hal ini akan menjadi semakin gawat dengan keadaan ekonomi yang ada sekarang yang tidak menjanjikan suatu kepastian terhadap penyelesaian yang ada sekarang.

Maka dengan itu, saya rasa walaupun tidak wajar untuk saya menyeru Kementerian Pendidikan supaya tidak melakukan penjimatan ini tetapi suatu langkah haruslah difikirkan supaya industri buku di tanah air tidak begitu terjejas, kerana apabila berlaku satu tindakan yang drastik yang melibatkan industri buku maka ia adalah melibatkan kemajuan tersekatnya penyebaran ilmu itu sendiri dan juga perkembangan intelektualisme itu sendiri. Jadi, hal ini adalah lebih penting daripada kita hanya melihat benda-benda yang luaran sahaja.

Jadi, saya rasa apa yang harus boleh dilakukan ialah pihak Kementerian Pendidikan haruslah memikirkan satu langkah yang wajar dengan mengadakan perundingan dengan pihak Persatuan Penerbit Buku Bumiputera ataupun dengan Persatuan Penerbit Buku Malaysia dan juga menggunakan Majlis Buku Kebangsaan untuk memikirkan suatu langkah yang wajar bagi mencegah dari

keadaan menjadi bertambah buruk. Hal ini saya rasa amat perlu terutamanya bagi kepentingan perkembangan pengetahuan. Kita tidak seharusnya hanya mengharapkan rakyat bergantung semata-mata kepada elektronik media untuk memberikan menyebarkan pengetahuan di negara ini terutamanya di dalam keadaan di mana kebanyakan penerbit-penerbit atau penjual-penjual buku telah tidak lagi mengimport buku-buku daripada luar sedangkan kita menghadapi negara jiran yang kecil, yang terus terdedah, yang terus mempunyai hak keistimewaan untuk mendapatkan pengetahuan dari luar dengan secara pantas.

Saya juga suka menyebutkan bahawa sebenarnya keadaan menjadi buruk oleh kerana tidak hanya dari pusat sumber tetapi dari perpustakaan awam, kerajaan, universiti, badan-badan berkanun dan sebagainya telah juga mengurangkan pembelian buku atau telah terus memotong peruntukan ini.

Selain dari itu, di bawah Kementerian Pendidikan juga saya ingin menyentuh tentang penswastan. Kita juga ghairah dalam penswastan oleh kerana keghairahan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya kalau saya silap iaitu kawasan sekolah dan toilet sekolah juga telah diswastakan. Dalam hal ini, saya sendiri telah pergi ke sebuah sekolah dan mendapati toiletnya begitu teruk sekali, keadaan 'compound'nya terbiar, bila ditanya kenapa, katanya, telah diswastakan dan pihak yang menjalankan kontrak ini tidaklah memenuhi segala tanggungjawabnya seperti yang telah dipersetujui, kadang-kadang kontraktor ini dilindungi oleh kekuatan politiknya, itu masalah yang besar. Jadi, guru takut kepada orang politik dan PPD pun takut dengan orang politik yang menerima akibatnya ialah budak-budak sekolah, ibu bapa yang pergi ke sekolah, sekolah berbau busuk dan tidak terurus. Jadi, hal ini saya ingat bukanlah satu perkara yang kecil malah satu perkara yang basic yang hendak mendidik rakyat untuk menjadi orang-orang yang bersih, orang-orang yang beriman dan sebagainya tetapi di sekolah sendiri kanak-kanak melihat orang-orang yang diberikan tanggungjawab dengan kesedaran politik dan sebagainya tidak menjalankan tanggungjawab mereka.

Jadi, hal ini saya haraplah PPD sendiri pun ada orang-orang di Kementerian Pendidikan di sini yang saya tahu guru besar itu tidak berani hendak pergi mengadu kepada PPD. Hal ini saya anggap serius dan kalau perlu saya akan dedahkan sekolah itu bila sampai masanya. Saya harap saya akan pergi ke sekolah ini dan saya akan melihat bahawa kepastian kepada perkara ini tidak berulang, saya ingat bukan satu sekolah.

Selain dari itu, saya juga ingin menyatakan saya tertarik hati dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semalam, ini di bawah Kementerian Luar Negeri iaitu mencadangkan supaya ahli-ahli politik dilantik sebagai envoy atau sebagai duta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sendiri, hal ini telah pun dilakukan lama dahulu sebelum kita mempunyai diplomat yang berkelayakan. Tetapi dalam soal ini, saya rasa kita tidak seharusnya mempunyai dasar, dasar mesti jelas bahawa diplomat mestilah terdiri daripada kalangan yang kita lantik 'career diplomat', bukan dari ahli politik, dasar itu mesti jelas, tetapi atas budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melantik seseorang ahli politik sebagai diplomat itu adalah hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab mungkin kalau kita lantik banyak orang politik menjadi diplomat maka mungkin mereka akan berpolitik di luar negara dan bukannya menjalankan kerja-kerja diplomatik. Di samping itu, tidaklah dinafikan bahawa orang-orang politik ini bila menjadi diplomat mereka akan lebih kerakyatan dan orang-orang diplomatik karier ini lebih kepegawaian, tetapi masalah ini kita telah bersungut sejak zaman Tunku sampai sekarang tentang pegawai-pegawai kita yang tidak mempunyai sifat-sifat yang kerakyatan. Hal ini umpamanya dalam masalah yang timbul di luar negara, yang saya sendiri pernah alami oleh kerana saya barangkali dikenali, saya tidak menghadapi masalah, tetapi saya tahu bahawa banyak rakyat yang tiba-tiba jatuh sakit, yang accident, yang kehilangan passport dan sebagainya kadang-kadang oleh kerana mereka hanya orang kecil, orang-orang biasa, mereka tidak menghadapi masalah yang sangat besar, umpamanya bila tiba-tiba jatuh sakit di luar negara.

Jadi, kadang-kadang kita telefon dengan pihak kedutaan, orang di kedutaan tidak ada ataupun katanya pegawai berkenaan bercuti dan diminta dihubungi pihak yang lain, kemudian kita hubungi pihak yang lain tidak ada. Hal seperti ini sering berlaku tetapi kadang-kadang di negara yang bukannya sibuk, kalau di London itu kita faham atau di New York kita faham, kadang-kadang kita bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh pesuruhjaya tinggi kita di London ataupun di New York, kerjanya tidak ada lain melainkan mengambil orang dari airport, hantar, ambil hantar dan sebagainya. Saya amat bersimpati, saya memang tahu mengenai masalah ini. Tetapi sikap kalaulah di negara yang tidak ada kerja misalnya di Moscow atau di New Zealand yang kita faham, kita tahu tidak ada kerja, jadi kadang-kadang tidak ada, lebih banyak golf dan tidak ada di pejabat.

Jadi, hal ini saya ingat tidak harus berlaku, kita sudah merdeka lama, sebab apa kadang-kadang ada orang bandingkan sikap diplomat di negara-negara lain adalah lebih kerakyatan daripada sikap pegawai-pegawai diplomat kita. Jadi, hal ini saya harap dapat - bukan saya mengatakan bahawa diplomat kita semua bersikap demikian, tidak dapat dinafikan keulungan dan keupayaan mereka dan kemampuan mereka 'menjual' Malaysia dan meyakinkan terhadap dignity kita dan terhadap keupayaan kita tetapi dalam beberapa hal, masih banyak yang boleh kita betulkan.

Di samping itu, saya juga menyeru, saya memahami masalah yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tentang gangguan yang didatangkan oleh orang-orang korporat terhadap diplomat-diplomat kita di luar negara tentang mereka merasa mereka berkuasa ke atas diplomat kita dan mengarahkan itu dan ini dan tidak dapat boleh kompelin dan sebagainya, saya ingat tandatangan MoU tidak dipenuhi dan tidak menghormati dalam beberapa hal, tidak menghormati kedudukan duta kita di luar negara atau pesuruhjaya tinggi kita di luar negara.

Mereka mestilah dihormati sebab kedudukan mereka berlainan tetapi kalau kita menunjukkan sikap yang begini, saya rasa akan menyebabkan mereka merasa terhina dan lebih merupakan sebagai orang suruhan dan bukan berada dalam

kedudukan sebagai diplomat. Hal ini saya ingat harus disedari oleh pihak mereka terutamanya orang-orang yang menjalankan perniagaan yang mempunyai sedikit sebanyak pengaruh supaya tidak menggunakan pengaruh mereka untuk menyusahkan orang lain.

Selain dari itu, saya rasa pada pandangan saya ialah tentang sejauh mana keberkesanan attache penerangan kita di luar negara. Masalah yang besar ialah pada pandangan saya, bukan kerana saya bekas wartawan tetapi saya rasa bahawa keupayaan attache penerangan ini terserah kepada bagaimana proses pendedahannya sendiri, sebab saya kira masalah menjadi press attache ini tidak hanya setakat mempunyai qualification, tetapi sejauh mana pendedahannya terhadap dunia kewartawanan itu sendiri sebab masalahnya ialah untuk menyebarkan penerangan, mengadakan perhubungan dengan akhbar, meyakinkan pihak media di luar negara dan hal ini mesti mempunyai scale yang tersendiri, keupayaannya tersendiri tetapi ada juga attache penerangan di luar negara yang tidak tahu bercampur gaul. Kita tidak hanya sekadarkan boleh menulis membuat kenyataan akhbar tetapi tidak dapat 'socialise'kan diri mereka, tidak dapat bercampur-gaul, tidak mempunyai keyakinan diri, tidak menjadi satu social standing yang boleh diterima oleh akhbar-akhbar dan sebagainya.

Hal ini saya rasa harus dikaji oleh Wisma Putra bahawa kualiti yang outstanding quality untuk menjadi diplomat terutamanya dalam bahagian penerangan di Kementerian Luar Negeri haruslah mengutamakan beberapa kualiti yang dapat dipergunakan yang dapat kita nilaikan untuk mengetengahkan negara dan juga menyelesaikan masalah atau meyakinkan pihak tertentu ketika negara menghadapi cabaran yang besar di luar negeri, umpamanya baru-baru ini serangan yang telah didatangkan bertalu-talu oleh pihak media Barat terhadap kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja dan terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

5.20 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun bersama rakan-rakan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan melebihi dari budget yang telah kita luluskan dalam Dewan ini pada Disember 1996 dahulu. Wang berjumlah RM7,020,420,263 ini adalah peruntukan tambahan keempat bagi tahun 1997. Ini bermakna pada tahun 1997 yang lalu ada empat peruntukan tambahan yang telah dipohon, yang telah diluluskan dan telah dibelanjakan. Saya percaya bahawa Kementerian Kewangan sedar berapa peratus tambahan yang telah dibelanjakan.

Saya menarik perhatian kita bagi peruntukan B.30 iaitu peruntukan kumpulan wang terkanun, kita dapat lihat ada penambahan yang amat besar dari anggaran asal daripada RM2 bilion kepada RM21 bilion tambahan sebanyak lebih dari RM19 bilion dan peratusannya hampir 800%.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa peruntukan tambahan ini perlu dan memang benar telah dibelanjakan bagi kesejahteraan negara, sekali gus menampakkan kesungguhan kerajaan bagi membangun dan mentadbirkan negara dengan begitu baik sehingga sekarang telah teruji keupayaan kita jika dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan 1997 adalah satu tahun iaitu tahun sebelum kegawatan ekonomi berlaku, maka wajarlah dibelanjakan tambahan-tambahan yang disebutkan tadi, cuma di dalam keadaan sekarang di masa kegawatan ekonomi ini, Kementerian Kewangan haruslah benar-benar mengambil kira keadaan kegawatan ini dan pada tahun 1998 ini dikawallah perbelanjaan negara.

Saya berpendapat supaya kerajaan mempraktikkan apa yang telah dianjurkan, perlu ada penjimatan dalam perbelanjaan negara yang tidak menggadaikan keberkesanan yang telah dirancangkan dan sebagaimana yang dikehendaki.

Ada beberapa perkara yang boleh kita lakukan bagi menjimatkan belanja, tetapi hasilnya tetap cemerlang. Sebagai contoh, ingin saya kemukakan satu, dua pandangan yang kita dapat lihat di peringkat bawahan. Saya sedar seluruh negara mulai sedar bahawa betapa pentingnya peningkatan pengeluaran hasil tani. Oleh itu, pelbagai program telah dilancarkan di seluruh negara. Syabas kepada Kementerian Pertanian kerana mengambil tindakan yang walaupun terlambat tetapi biar lambat asalkan ada. Kita dengar pelbagai program termasuklah bertanam secara hidroponik ataupun program-program menanam sayuran di halaman yang terbiar dan membela ayam dan itik dan lain-lain oleh keluarga-keluarga di kampung dan lain-lain lagi.

Semalam semasa sesi Soal Jawab di Dewan yang mulia ini mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian bahawa sudah ada perubahan polisi di Kementerian Pertanian, usaha-usaha kini giat ditumpukan kepada produktiviti yang tinggi di dalam bidang pertanian. Kita juga peka bahawa untuk berkesan bukan cukup dengan perancangan tetapi pelaksanaan perlu berkesan. Oleh itu, perlukan perubahan budaya kerja di dalam mekanisme pelaksanaan kementerian ini minta diberhentikan majlis-majlis pelancaran besar-besaran di peringkat nasional, peringkat negeri, peringkat daerah dan kadangkala di peringkat kampung supaya perbelanjaan untuk majlis-majlis ini dijamin dan pembaziran masa dikurangkan. Majlis-majlis rasmi ini memerlukan perbelanjaan dan masa bukan sahaja pada hari pelancaran tetapi hari-hari sebelumnya. Satu majlis perasmian memerlukan tenaga pegawai-pegawai beberapa hari sebelum dan selepasnya, memerlukan tambang dan pengurusan untuk mendatangkan orang ramai ke majlis tersebut, memerlukan masa orang ramai untuk datang dan hadir pada majlis tersebut.

Saya mencadangkan supaya memaksimumkan perbelanjaan wang dan masa, kita sepatutnya bekerja pada, dengan izin, on day one ataupun hari pertama tidaklah perlu ada pukulan rebana, arakan bunga manggar dan juga menumbangkan kambing dan lembu untuk majlis perasmian.

Oleh itu, jika Kementerian Pertanian sudah sedar di atas polisi kita yang kurang sempurna pada masa yang lalu dan sedang memperbaikinya maka oleh itu eloklah perkara ini iaitu majlis-majlis yang membazir ini dilupakan sahaja, majlis perasmian dikurangkan dan pastikan juga kerja harus dimulakan pada 'day one' atau hari pertama pastikan bahawa pegawai-pegawai kita turun ke padang secara serentak seluruh negara. Ada program menanam sayuran di halaman yang terbiar contohnya, biarlah pegawai-pegawai kita di semua peringkat, di semua tahap pastikan bahawa ada tanah, ada tenaga, cukup modal dan bantulah petani-petani yang dikenal pasti dengan kepakaran dan ilmu yang ada, perlulah diingkatkan produktiviti pertanian dan di dalam jangka masa yang kita tentukan contohnya, kalau tiga bulan kita dapat hasil bahawa setiap halaman di kawasan program yang ditentukan dapat membuktikan ada sayuran yang ditanam yang dapat dituai. Marilah kita mengikut kata orang-orang tua bahawa elakkanlah mengikut rasmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung sebaliknya ikutilah rasmi penyu dalam diam-diam bertelur seribu.

Oleh itu, diharapkan Kementerian Kewangan dapat memastikan bahawa pembaziran perbelanjaan di semua kementerian kerajaan diikuti. Aktiviti tidak produktif dan tumpuan haruslah diberi kepada mengecilkan belanja kepada yang perlu dan pastikan pulangnya dapat dibuktikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi pandangan bahawa peruntukan tambahan ini sebahagian besarnya adalah berbentuk bayaran emolument ataupun imbuhan untuk kakitangan awam, ini menunjukkan bahawa kakitangan awam kita sudah bertambah ataupun harga pasaran tenaga mereka juga bertambah. Pada tahun 1998 ini adalah masa yang sangat baik untuk kerajaan memberi tumpuan bagi berjimat dan untuk memaksimumkan sumber manusia yang ada di dalam perkhidmatan awam.

Di dalam bab ini saya hendak menyebut hal keputusan kerajaan untuk memotong peratusan kecil dari gaji pegawai dari tahap Perdana Menteri sehinggalah ke bawah. Ini amatlah baik dan semua lapisan masyarakat

menerimanya dengan baik. Sudah ada pemotongan, saya cadangkan supaya semua perolehan pemotongan itu dikumpulkan dalam satu dana ataupun tabungan dan kemudiannya disimpan dan dilaburkan bagi menggandakan manfaat dan faedah dari pengorbanan pegawai-pegawai kerajaan tadi. Sekali gus membantu kerajaan bagi menambah tabungan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.26 peruntukan tambahan bagi Kementerian Pendidikan, setakat ini Kementerian Pendidikan telah pun begitu kehadapan dengan pelbagai reformasi pendidikan. Saya menyambut baik hasrat kerajaan yang banyak memberi perhatian kepada pendidikan, teknologi maklumat (IT). Ini dihebahkan di media massa seolah-olah semua sekolah boleh menikmatinya, termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar, disebarkan bahawa semua sekolah perlu celik komputer, kalau hendak celik komputer kenalah ada komputer, ada cukup bekalan elektrik dan perlu ada tenaga pengajar yang mahir. Berkali-kali disebutkan, semua sekolah luar bandar tidak berkecuali boleh didedahkan kepada pembelajaran komputer dari sekolah rendah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, empat, lima bulan yang lalu saya telah berkesempatan secara tidak sengaja bertembung dengan kelemahan sistem pendidikan kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, di masa itu saya telah dapati bahawa ada pengerusi ataupun PIBG sebuah sekolah rendah kebangsaan yang berminat untuk mendedahkan penuntut-penuntut mereka kepada komputer dan Internet, hasrat mereka besar sekali. Jadi, hasil usaha campur tangan PIBG itu, maka adalah peluang untuk dipamerkan atau didedahkan pelajar-pelajar sekolah tersebut dengan Internet oleh suatu firma komputer, segala persiapan telah dijalankan tetapi apabila semuanya telah berjalan dan persiapan telah di tahap akhir didapati bahawa sekolah tersebut tidak ada bekalan talian telekomunikasi. Inilah keadaannya. Di dalam masa yang singkat memang bekalan talian tersebut dapat disambungkan, pokoknya di sini minta Kementerian Pendidikan memastikan bahawa kemudahan infrastruktur IT ini didapati di semua sekolah, di semua

kawasan di seluruh negara. Harap dapat dibuat secara menyeluruh dengan kemas diberi peruntukan bagi memberi kemudahan asas untuk pendidikan ini di semua sekolah sebagaimana yang didakwakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian daripada persediaan pusat-pusat pengajian tinggi negara yang kini terpaksa menerima lebih ramai penuntut oleh kerana keadaan ekonomi negara sekarang, overnight, dengan izin, pusat-pusat pengajian tinggi ini ditimbunkan dengan pengambilan yang berganda-ganda dan logiknya kemudahan pendidikan tidak boleh ditambah overnight, mengikut penambahan pengambilan penuntut-penuntut tadi.

Saya cadangkan supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan peruntukan tambahan yang sewajarnya kepada Kementerian Pendidikan bagi memastikan bahawa kemudahan keperluan pendidikan tinggi diberi secukupnya sesuai dengan pertambahan penuntut. Tenaga pengajar juga haruslah dibekalkan mengikut pertambahan yang sebenar. Mutu pendidikan negara akan menurun jika tenaga pengajar sangat-sangat dibebani iaitu luar daripada kemampuan mereka, anak-anak didik di pusat pengajian tinggi perlukan pendidikan yang bermutu dan sempurna, walaupun dalam kegawatan ekonom pastikanlah mereka mendapat pendidikan yang sepatutnya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua - B.51. Ingin saya memberi sedikit response kepada peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri ini. Saya secara peribadi menyatakan tidak ada langsung usaha-usaha daripada Kementerian Luar Negeri untuk mendekati diri dengan perwakilan negara di tahap antarabangsa. Sangatlah baik kiranya Kementerian Luar Negeri mengambil tahu hal ini kerana dapat memastikan bahawa wakil-wakil Malaysia di atas nama organisasi-organisasi termasuklah NGO memberi gambaran yang positif dan menaikkan imej negara. Oleh kerana saya adalah Ahli Dewan yang mulia ini, saya kira apabila saya mewakili Gerakan Koperasi Malaysia dalam Lembaga Pengarah Angkatan Koperasi Sedunia, saya sentiasa sedar di atas keperluan negara di samping kehendak-kehendak dan gerak kerja koperasi di segala tahap yang saya wakili tetapi saya dapati ada wakil-wakil Malaysia di platform antarabangsa, ILO, environmental ataupun kepenggunaan kadangkala memberi gambaran yang tidak benar di atas usaha-usaha kerajaan kerana mungkin mereka sendiri tidak tahu atau tidak diberi maklumat ataupun sengaja berbuat demikian dengan sebab-sebab tertentu.

Oleh itu, saya mencadangkan Kementerian Luar Negeri mengkaji cara dan sistem yang dapat dilakukan supaya sedar dan peka dan mendapat maklumat di atas gerak-geri perwakilan negara di peringkat antarabangsa, dengan izin, for better or for worst.

Sekian, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa orang lagi hendak bercakap?

[Lima orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Lima orang lagi. Datuk Haji Sairin.

5.37 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)1998. Yang pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba di mana baru-baru ini sebilangan besar daripada pegawai dan pekerjanya telah dihantar ke Sabah untuk membantu memadamkan kebakaran yang berlaku di seluruh negeri Sabah dan saya yakin di Sarawak juga mendapat khidmat seperti itu. Kepada mereka yang telah menabur khidmat di Malaysia Timur, bagi pihak kedua-dua negeri kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih.

Di samping itu, saya juga ingin membuat cadangan supaya— kita tidak tahu angkara El-Nino, kemudian mereka yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran sama ada sengaja atau tidak sengaja agar kita bersedia. Maksud saya bersedia di sini ialah selain daripada menubuhkan satu pasukan sukarela yang memang telah sedia wujud, apa salah seandainya kita menambah ilmu, pengalaman dan kepakaran kepada petugas-petugas kita yang nampaknya ramai. Dalam keadaan kebakaran berlaku mereka juga akan turut menyumbangkan tenaga ke arah mematikan api yang membakar hutan-hutan yang mempunyai nilai komersial yang bukannya sedikit. Maksud saya, di Sabah kita ada Pasukan Polis Sempadan atau kita panggil Border Scouts yang telah diserapkan kepada Pasukan Polis Hutan dan sesuai dengan namanya, Pasukan Polis Hutan saya percaya mereka ini mempunyai kepakaran yang lebih terutama dalam konteks hutan di Borneo, negeri Sabah dan Sarawak.

Kalau boleh barangkali, kementerian membuat perundingan dengan pihak berkenaan agar mereka ini juga diberi latihan khusus sebab biasanya bomba ini kebanyakannya memadamkan bangunan-bangunan yang terbakar dan tidak hutan seperti yang berlaku baru-baru ini. Dengan adanya latihan kepada Pasukan Polis Hutan ini nanti, mereka juga akan turut membantu menyelesaikan masalah yang tidak diingini melanda negara kita terutama di Sabah dan Sarawak baru-baru ini.

Di samping itu, saya juga memohon kepada Kementerian Pertahanan, Royal Military College atau Maktab Tentera Diraja yang telah diwujudkan begitu lama telah melahirkan ramai graduan, pelajar dan keluaran daripada RMC ini, nampaknya mempunyai kualiti yang bukan sedikit tinggi nilainya. Kalaulah dapat mereka ini, selain daripada ditempatkan di seluruh negara saya juga ingin mencadangkan supaya sebuah maktab tentera diwujudkan sama ada di negeri Sarawak atau di negeri Sabah dan dengan ini sedikit sebanyak mereka atau pelajar-pelajar yang dimasukkan ke dalam maktab tentera ini dapat dikurangkan kos perbelanjaannya.

Saya percaya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, di mana beliau merayu kepada belia-belia khususnya dan pemimpin-pemimpin termasuk kita semua ini

untuk turut serta menganggotai Rejimen Askar Wataniah. Saya bangga dan ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan sebab dapat melihat masalah yang akan kita hadapi yang tidak akan kita duga. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ramainya nyawa terkorban di Bosnia -Herzegovina ialah orang-orang awam yang terkorban kerana mereka langsung tidak tahu menggunakan peralatan senjata. Secanggih mana pun senjata itu, seandainya tidak ada yang pandai menggunakannya apalah erti kepada mereka ataupun rakyat yang tidak tahu menggunakannya. Untuk itu saya turut memperkuatkan cadangan itu supaya belia-belie kita – kalau negara jiran kita mempunyai peruntukan apabila sampai kepada satu umur, kalau tidak silap saya 18 tahun, kerahan tenaga pelajar ini dikhususkan untuk mempelajari ilmu ketenteraan sebagai satu perkara wajib kepada mereka. Jadi, saya rasa dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, sudah sampai waktunya kerajaan memikirkan supaya Kementerian Pertahanan membuat satu cadangan bagaimana supaya pelajar-pelajar kita atau belia -belie kita yang menganggur termasuk belia dan beliawanis yang ada di merata tempat di seluruh negara ini, yang kebanyakannya bukan tidak mempunyai pekerjaan tetapi kerana terlalu memilih, maka ramai belie kita yang tidak mempunyai pekerjaan.

Dengan itu, saya rasa satu kempen khusus perlu diberikan dan penjelasan terperinci perlu diperjelaskan oleh pihak kementerian di mana para belie terutama di kawasan-kawasan pedalaman – mereka bukan tidak berminat tetapi mereka tidak mengetahui apa itu Rejimen Askar Wataniah. Apa keistimewaannya, apa kelebihanannya dan apa sumbangan yang mereka boleh sumbangkan kepada negara Malaysia yang tercinta ini. Saya yakin seandainya ada kempen habis-habisan untuk mengambil ataupun melatih para belie dan beliawanis, sedikit sebanyak gejala sosial yang melanda negara kita ini akan dapat dikurangkan. Selepas adanya Rejimen Askar Wataniah ini – saya yakin apabila kita merubah sesuatu, bila kita membuat sesuatu seperti apa yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi, beliau melaksanakan 'Desa Wawasan' bermula daripada atas, bermula daripada pemimpin. Jadi, untuk itu kepada para pemimpin, para Ahli Yang Berhormat yang saya muliakan di Dewan yang mulia ini, mana yang masih mampu, masih boleh menyertai Rejimen Askar Wataniah ini, saya rasa terbuka untuk kita semua untuk menjadi contoh 'Kepimpinan Melalui Teladan' sebagaimana yang diilhamkan oleh pucuk pimpinan kita supaya kitalah yang memulakan dan saya ingat untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati, saya juga baru memasuki Rejimen Askar Wataniah ini dan menunggu untuk dilatih.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pendidikan yang saya rasa telah banyak disentuh dan sebenarnya tadi saya lima kali berdiri, Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak dapat mengajukan soalan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib. Walau bagaimanapun, saya mengambil keputusan untuk menyatakannya di sini iaitu khusus mengenai IPTS ini (Institut Pengajian Tinggi Swasta). Kita sedia maklum masalah bukan sedikit dan tidak perlu saya ulang-ulang, cuma barangkali yang saya perlu di sini mengenai dengan yuran. Saya tidak tahu kalau yuran untuk diploma yang berjumlah RM3,000, pradiploma dan persediaan RM3,200, asrama RM600 dan sebagainya ada lagi RM35, all in lebih kurang RM4,000 lebih. Kemudian ada ditulis di sini, yang IPTS ini dia sebut "kelewatan untuk membayar yuran akan dikenakan denda sebanyak RM10 sehari."

Sebagai orang desa, orang kampung dan orang susah dan memang pernah mengalami masalah seumpama ini, saya ingat Kementerian Pendidikan perlu mengambil tindakan menyelia perkara-perkara seumpama ini, walaupun barangkali jumlahnya RM10 tetapi bayangkan kalau sudah 10 hari atau 20 hari. Kalau di pedalaman, saya ambil contoh Keningau. Surat datang dari Kota Kinabalu ke Keningau pun memakan masa kadang-kadang 7 hari. Jadi, bayangkan jauhnya cuma 136 kilometer, bayangkan kalau dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu berapa jauh, barangkali yang di sini canggih tetapi di sana tidak canggih. Sudahlah denda ini, kemudian diwajibkan untuk membayar yuran semasa hari pendaftaran. Seandainya tidak dibayar, maka anak-anak kita ini akan balik ke kampung alamat tidak akan diterima oleh kolej swasta ini.

Jadi, saya ingin merayu dan ingin meminta Kementerian Pendidikan seperti rakan-rakan juga, supaya pembayaran yuran ini, yang penting dibayar, sama ada dua kali, tiga kali atau empat kali. Saya rasa ini perlu kita buat secara ansuran dan mesti ada tolak ansur. Kalau dia minta sekali gus, maaf sahaja Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya baru-baru ini ada 20 orang pelajar yang akan memasuki IPT ini dan kesemuanya kekurangan kewangan. Yang menjadi mangsa ialah kita yang bergelar pemimpin di kawasan-kawasan. Macam mana kita mahu bayar, kalau kita beri satu orang barangkali dia kata masih kurang RM500, kalau sepuluh orang sudah RM5,000, elaan kita di sini baru berapa? Jadi, itu baru sepuluh orang kalau dua puluh orang, kalau tiga puluh orang dan sebagainya? Jadi, saya rasa adalah tidak begitu bertepatan seandainya IPTS meminta supaya bayaran yuran ini sekali gus dibayar, apa salah dua, tiga, empat kali.

Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai dengan biasiswa ataupun tawaran pinjaman yang diberikan oleh MARA. Bagi peringkat Diploma Sains Komputer, pusat matrikulasi untuk tempoh dua tahun – jumlah pinjaman yang diberikan ialah RM22,000. Saya kadang-kadang menitikkan air mata apabila melihat anak-anak kita ini datang berjumpa dan merayu dengan kita supaya meminta tambahan peruntukan sebab menurut mereka bahawa peruntukan yang diberikan atau pinjaman yang diberikan oleh Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA ini tidak mencukupi sehingga ada di antara mereka yang menanggungkan waktu kerana tidak dapat mencari lebih ataupun wang yang kurang.

Sebagai contoh, ada seorang pelajar ini, dia masih kekurangan RM200. Kalau RM200 barangkali bolehlah kita beri, tetapi kalau sampai sepuluh orang sakit juga. Jadi, saya merayu kepada pihak yang memberi pinjaman atau biasiswa ini agar mengkaji – terutama MARA ini, ia cuma RM22,000, ini pun tidak termasuk perbelanjaan-perbelanjaan, kalau saya baca terlampau panjang barangkali tetapi kalau boleh kita memohon supaya pihak berwajib ini mengkaji dan melihat spesifikasi keperluan, berapa lagi yang diperlukan dan tambahlah, barangkali, daripada RM22,000 ini tambahlah lebih kurang RM2,000 dan mudah-mudahan dengan pertambahan ini nanti akan membolehkan pelajar ini tidak menghadapi masalah, selain daripada memikirkan pelajaran yang akan dipelajarinya juga memikirkan masalah hutang yang akan dibayarnya apabila keluar sebagai pelajar daripada institusi yang mereka pelajari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi pandangan dan pendapat dengan rakan-rakan di mana saya melihat Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, apabila mengadakan majlis-majlis. Barangkali, kalau di bandar yang rata-rata ibu bapanya adalah orang-orang yang mempunyai pendapatan tidak begitu bermasalah. Walaupun masih mempunyai masalah tetapi bagi ibu bapa-ibu bapa yang berada

jauh di pedalaman sana, untuk membeli buku anak-anak pun susah, apa lagi untuk menganjurkan kursus motivasi, kursus keceriaan murid dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mencadangkan ataupun barangkali saya ingin meminta Kementerian Pendidikan mengkaji, kalau boleh setiap projek yang diberikan di sekolah. Sebagai contoh bangunan sekolah, bolehkah kita meminta kontraktor-kontraktor yang membuat bangunan ini memberi sumbangan khusus kepada sekolah-sekolah berkenaan. Sebagai contoh umpamanya SMK Kota Kinabalu. Projeknya RM2 juta, kita minta supaya kontraktor memberi derma kepada apa juga nama – tabung sekolahkah, tabung kebajikan sekolahkah, apa juga namanya supaya kita boleh memberikan 1% atau 2% daripada keuntungan kepada sekolah itu supaya guru-guru ini dan pengetua-pengetua ini tidak bermasalah apabila mengadakan, sebagai contoh, Hari Ibu Bapa ataupun Hari Kecemerlangan Pelajar dan sebagainya. Jadi, tidak payahlah mereka ini mencari-cari ke sana-sini, meminta derma daripada pihak swasta, meminta derma daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sebagainya. Kalau ini boleh dibuat saya rasa sekolah ini tidak akan menghadapi masalah.

Kadang-kadang kita terfikir dan terkilan, saya mohon maaf. Kalau di Sabah saya lihat sekolah-sekolah kalau dahulu dipanggil sekolah rendah jenis kebangsaan yang tidak dibiayai oleh kerajaan terutama daripada sekolah jenis kebangsaan Cina, sebagai contoh, mission school dan beberapa sekolah lagi, tanpa bantuan daripada mana-mana pun, mereka boleh buat bangunan yang tinggi dan besar. Sebab saya rasa salah satu daripadanya mereka telah dididik dan diasuh untuk bersatu-padu, memperkuat persatuan ibu bapa, kesatuan dan macam-macam lagi sebab secara kebetulan mereka yang berada di bandar ini mempunyai kewangan seperti yang saya nyatakan lebih bagus. Saya hairan sekolah-sekolah kerajaan sudahlah daif seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, yang mengatakan bahawa sekolah ini begitu – kalau kita bezakan sekolah yang bukan bantuan kerajaan dengan bantuan kerajaan nampaknya agak jauh bezanya, kenapa? Sudah dibantu tidak dapat dikendalikan dengan cara betul maknanya saya ingat Kementerian Pendidikan ini perlu melihat kenapa dan kalaulah pendekatan daripada sekolah bantuan separuh kerajaan ini mencapai kejayaan yang bagus dalam konteks pembangunan, dalam konteks pelbagai hal, kenapa Kementerian Pendidikan tidak mengambil apa-apa yang terbaik daripada ini untuk diterapkan di dalam Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah ini dapat berjalan dengan lancar.

Saya ambil contoh sebuah sekolah, Sekolah Cheng Hwa di Kota Kinabalu. Murid di bandar mempunyai bangunan yang dibuat sendiri oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru-gurunya. Muridnya sampai 54 orang, guru seorang – secara kebetulan anak saya bersekolah di situ, kerja rumah setiap hari boleh dikatakan paling sedikit pun satu, paling kurang satu, dua, kadang-kadang tiga. Saya fikir ini sangat membebankan tetapi dari masa ke semasa saya melihat nampaknya pelajaran ini, banyak berlatih lama-lama dia akan jadi pandai dan akan, dengan izin, improve lebih cepat berbanding dengan sekolah-sekolah rendah. Saya tidak tahu saya bukan downgrade, kita punya sekolah rendah tetapi kita kena cari pendekatan, apa pendekatan yang harus kita buat. Kadang-kadang satu minggu daripada hari Isnin sampai hari Jumaat, kadang-kadang paling banyak kerja rumah dua, tiga tetapi barangkali yang saya ambil contoh ini kerana dia di bandar dan yang saya sebut ini di luar bandar.

Jadi, saya lihat ada loopholes, dengan izin, ada masalah yang perlu kita perbetulkan sehingga membolehkan orang-orang atau sekolah-sekolah, murid-murid kita diluar bandar ini akan menikmati apa yang dinikmati di bandar-bandar, walhal dari segi pendidikan juga saya lihat tidak kurang bezanya. Walaupun kedapatan terutama di bahagian pedalaman-pedalaman di Sabah dan Sarawak saya yakin guru-guru bahasa Inggeris kadang-kadang tidak ada, guru-guru Matematik kadang-kadang al kadarnya, kemudian sekarang ini guru-guru Sains pun boleh dikatakan hampir-hampir tidak ada.

Ada sebuah sekolah, guru besarnya – ini bukan membuka pekung di dada, tetapi saya rasa pegawai-pegawai pendidikan bahagian kita, pegawai-pegawai pendidikan daerah perlu melihat ini sebagai satu cabaran di mana guru ini tiga bulan tidak mengajar, gaji berjalan seperti biasa, masa gaji diambil gaji. Yang sedihnya kadang-kadang guru ini turut main biliard, maafkan saya, secara kebetulan saya bekas guru. Kita tidak ingin melihat guru-guru seumpama ini, tindakan mesti diambil dan pernah saya laporkan tolong ambil tindakan, saya tidak tahulah apa tindakan yang telah diambil.

And then, satu sekolah di Nabawan, pejabat Pegawai Pendidikan Daerah Nabawan. Jauh daripada satu tempat ke satu tempat, kadang-kadang memakan masa satu hari – dengan kenderaan, kalau musim hujan tidak kesampaian. Kemudian sampai di jalan raya itu jalan kaki ada yang sampai 6 jam, pergi balik 12 jam. Ada yang dengan kenderaan bot, 7 jam. Kadang-kadang kita naik bot, kadang-kadang kita angkat bot. Ini masalah di pedalaman. Masalahnya.....

Seorang Ahli: Tarik.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Bukan kita angkat, kita tariklah, kita heret kerana sungai sudah cetek dan tidak dapat kita naiki – enjin sangkut itu. Jadi, sampai begitu. Masalah kenapa saya sebut ini, bayangkan Pegawai Pendidikan Daerah Nabawan ini sudah tiga, empat kali bertukar. Mereka telah meminta kenderaan pacuan empat roda. Saya ingat pernah satu kali, satu ketika dahulu saya memohon supaya Kementerian Penerangan membekalkan kenderaan pacuan empat roda – dua bulan selepas itu mereka secara kebetulan dapat, bukan kerana saya. Saya yakin bukan kerana saya tetapi memang perancangan itu sudah ada, cuma secara kebetulan apabila disebut, keluar pula dia. Jadi, saya harap apabila saya sebut ini, Kementerian Pendidikan memang sudah ada perancangan ini tetapi jangan biarkan Pegawai Pendidikan Daerah Nabawan itu chartered kereta daripada satu tempat ke satu tempat RM1,200 pergi balik. Gajinya baru RM2,000, kalau dua kali dia melawat gajinya sudah tidak ada. Jadi, kita memohon supaya Pegawai Pendidikan Daerah Nabawan ini secara khusus, saya mohon sebab di daerah-daerah lain saya tahu ada juga kenderaan tetapi di Nabawan ini tolong, kalau boleh kita meminta Kementerian Pendidikan bekalkan kenderaan pacuan empat roda bukan sahaja di situ, tetapi khusus untuk di situ juga di tempat-tempat yang belum mempunyai kenderaan pacuan empat roda. Kalau motokar, alamat Tuan Yang di-Pertua, barangkali baru dua, tiga batu berjalan, sudah ‘dok’ diamlah dia di situ, tidak boleh berjalan sebab jalan tanah merah, kalau hujan lagi langsung alamat tidak sampai ke tempat yang akan dilawati.

Jadi, saya me mohon supaya perkara ini diambil perhatian sebab saya cukup simpati dengan pegawai pendidikan daerah. Bila saya beritahu guru besar you ada yang tiga bulan tidak mengajar, dia kata, “Macam mana saya mahu pergi ke sana, kenderaan pun tidak ada?” – charter kereta, ini charter kereta RM1,200, bot lagi RM600, pergi balik RM600 – RM300 pergi dan balik RM300 - RM600, sudah

RM2,100. Kalau saya cerita ini seolah-olah macam tidak logik tetapi inilah hakikat yang berlaku di daerah pedalaman yang secara kebetulan saya jaga iaitu dari Tambunan, Bingkor, Suk, Nabawan, Pesiangan, besarnya satu Negeri Sembilan campur setengah negeri Melaka. Inilah kawasan Parlimen P.157 Keningau, ini antara Parlimen terbesar di Malaysia selain daripada Kinabatangan dan Buluran. Jadi, saya percaya yang Kementerian Pendidikan memang cukup prihatin dengan masalah-masalah begini tetapi saya juga simpati kerana kita sedia maklum peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan nampaknya ada yang telah dipotong satu ketika dahulu. Universiti Malaysia Sabah saya ingat mempunyai perancangan yang cukup canggih tetapi kalau boleh kita tangguh dahululah pembuatan tempat tinggal atau hotel-hotel yang agak mewah yang telah dirancang. Kalau boleh itu dikemudiankan, dahulukan mana keperluan-keperluan yang asas.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa memang kadang-kadang kita susah untuk menyalahkan ada sekolah-sekolah yang mempunyai kelulusan UPSR kosong – tidak ada yang lulus, kenapa? Salah satu daripadanya inilah masalahnya. Satu, perjalanan daripada satu tempat ke satu tempat. Anak-anak ini kadang-kadang dapat pergi sekolah, kadang-kadang tidak dapat pergi sekolah sebab menyeberangi sungai, macam-macam masalah. Jadi, untuk itu sekali lagi saya ingin mencadangkan untuk beberapa kali sehinggalah asrama-asrama ini dapat dibina barangkali, barulah saya berhenti untuk menyatakan masalah untuk pedalaman-pedalaman di seluruh negara ini. Kalau boleh untuk mengatasi masalah ‘kosong’ kelulusan untuk UPSR ini, kita binalah asrama-asrama desa yang memang sedia ada. Ada dua asrama desa di pedalaman Keningau ini yang nampaknya sudah lama dibina, telah pun siap, telah pun ditender dan sehingga hari ini SK Pengaran, Nabawan, Pesiangan dan SK Keniaran, Tambunan sehingga hari ini belum lagi dilaksanakan, belum lagi dibekalkan dengan makanan sebagaimana sepatutnya diberikan kepada asrama-asrama lain. Saya juga memohon supaya pengendalian asrama desa ini untuk SK Pengaran dan SK Keniaran dapat dipercepatkan.

Begitu juga dengan asrama penuh yang satu ketika dahulu ada di Tenom. Asrama penuh di Sabah ini di bahagian pedalaman termasuk kawasan Keningau dan Tenom, secara kebetulan kawasan Yang Berhormat Tuan Jinuin bin Jimin, satu ketika dahulu ada asrama penuh. Kemudian, setelah itu oleh kerana bangunan ini sudah reput tidak boleh digunakan, ianya ditutup begitu sahaja dan sehingga hari ini belum ada asrama penuh untuk – baik bahagian Keningau ataupun bahagian Tenom. Jadi, kita memohon supaya asrama penuh ini diwujudkan. Saya tidak kiralah sama ada diwujudkan di Tenom atau di Keningau sebab jauh daripada bandar Keningau ke pekan Tenom cuma lebih kurang dalam 39 kilometer, tidak jauh. Jadi, mana-mana pun ianya didirikan kita bersetuju.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh mengenai dengan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Satu ketika dahulu di zaman era BERJAYA memerintah, Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu Kerajaan BERJAYA, telah bersetuju untuk membina MRSM di bandar Keningau pada tahun 1985 tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional yang didokong oleh BERJAYA pada waktu itu telah gagal mempertahankan kerajaannya, maka saya difahamkan peruntukan itu ditarik sama ada ke negeri Terengganu atau negeri Perak. Tetapi, tidak apalah sebab kita pun bersetuju sebab waktu itu keadaan terpaksa dibuat begitu demi untuk membuktikan bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang boleh membantu rakyat di negeri Sabah.

Jadi, hari ini Kerajaan Barisan Nasional telah sepenuhnya, seratus peratus menjadi kerajaan di negeri Sabah dan untuk makluman semua pada 28 haribulan, Ketua Menteri kita sekali lagi akan bertukar menurut janji yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Pengerusi Barisan Nasional. Jadi, kita berharap dalam era Barisan Nasional ini memerintah supaya MRSM ini dapat dikembalikan ke Keningau sebab tanah sudah tersedia 50 ekar, memang tidak ada masalah, tanah itu memang diperuntukkan untuk MRSM. Saya difahamkan hari ini ia akan diadakan di Sandakan tetapi malangnya ada masalah mengenai tanah kemudian akan dipindahkan ke Tawau, di Tawau juga saya dengar bermasalah. Kenapa tidak, dalam keadaan kegawatan ekonomi ini kita meminta supaya MRSM ini dikembalikan ke Keningau sebab kalau pun ianya di pedalaman Keningau, ianya boleh mengambil pelajar-pelajar daripada seluruh negeri Sabah ataupun seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk memanjangkan lagi tetapi barangkali ada sedikit lagi yang ingin saya sentuh. Ini mengenai dengan Polis Diraja Malaysia. Yalah, memanglah kadang-kadang tugas Polis Diraja Malaysia ini cukup mencabar. Ada yang perlu kita ucapkan tahniah dan ada juga yang perlu kita berikan semangat kepada mereka sesuai dengan kehendak kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah ini. Baru-baru ini di Sabah satu tangkapan besar-besaran – barangkali semua terbaca mengenai dengan berita pengedaran ubat batuk – tangkapan yang terbesar di negeri Sabah di mana ada kalangan daripada Polis Diraja Malaysia terlibat. Saya pun susah mahu cakap, mahu salahkan siapa tetapi saya rasa ini memang ada sangkut paut kerana barangkali kurang motivasi di dalam menangani dan menghadapi kerja yang telah ditugaskan kepada mereka.

Jadi, saya memohon supaya Polis Diraja Malaysia juga cuba-cubalah melihat terutama saya ingat barangkali ada lain sedikit tetapi saya lihat masalah perjudian di Sabah ini masih lagi mengancam rakyat. Saya mohon maaf saya bercakap mengenai masalah ini terutama jackpot, jackpot ini apa, *[Disampuk]* slot machine, dengan izin. Pekan Keningau mempunyai penduduk tidak sampai 100,000 orang. Slot machinenya ada 6 buah – ini jackpot, one arm bandit, dengan izin. Jadi, ada beberapa machines di situ terletak di tengah-tengah bandar. Apa yang berlaku orang kampung datang ke situ dan dia perjudikan tanah yang sekangkang kera, tanah pusaka nenek-moyangnya yang berharga lebih kurang RM10,000 – on the spot boleh sign, you boleh pinjam saya punya RM10,000, boleh main jackpot, lepas itu you kalah tanah ini saya punya. Bayangkan macam mana. Jadi, untuk itu saya tidak mahu memanjangkan tetapi untuk makluman banyak yang sudah bankrap di pedalaman ini dan saya rasa di Sabah banyak yang bankrap kerana jactpot ini, saya sebut jackpot sahajalah, dengan izin.

Jadi, saya mohon supaya slot machines ini dikurangkan, kalau tidak boleh ditutup semua tetapi kalau saya kata ditutup, kadang-kadang ada club yang dibenarkan seperti padang-padang golf atau tempat-tempat yang elit. Saya rasa barangkali memang itu ada kebenaran khas daripada Kementerian Kewangan. Saya tanya dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, secara kebetulan saya Pengerusi Unit Hal Ehwal Bumiputera Negeri Sabah, saya tanya kenapa ini tidak ditutup, dia kata “Ah, sudah ada kebenaran daripada Kementerian Kewangan daripada Kerajaan Pusat.” Kemudian saya difahamkan baru-baru ini dia kata bulan tiga tutup, ini menurut Ketua Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Yong Teck Lee satu ketika dahulu. And then, bulan tiga saya tengok, eh, sambung lagi sampai bulan enam! Yang saya takut ini bulan enam ada lagi yang menyambung sampai bulan sembilan.

Jadi, kalau betul-betul saya ingat kerajaan perlu tegas dalam menyelamatkan orang-orang bumiputera, peribumi di situ jangan sampai harta-harta mereka, milik nenek-moyang mereka akhirnya mereka menjadi papa-kedana kerana mesin perjudian ini. Saya memohon supaya bukan sahaja di Keningau, di seluruh Sabah ini, dikaji, dilihat mana yang memang merugikan kita kecuali barangkali, saya ada kecuali kerana memang ada keizinan khas barangkali di tempat-tempat yang eksklusif yang dibenarkan terutama di padang-padang golf tidak melibatkan orang ramai ataupun orang-orang kampung, saya ingat itu terserahlah tetapi saya memohon kalau pun ada lima di situ kurangkan sehingga menjadi satu. Kalau dapat, tutup sekali gus. Sudahlah ekonomi kita gawat, sudahlah keadaan kita macam ini ditambah lagi dengan ini sehingga ada suami isteri yang bergaduh, sehingga ada satu tauke babi, minta maaf saya sebut di sini, ada tauke babi yang otak dia pun sudah senteng, dengan izin, [Ketawa] sudah lain-lain. Kedainya dijual kerana ini, 'ninja turtle' nya, four wheel drive, dengan izin, ninja turtle kalau di Sabah ini yang harganya RM200,000 lebih kenderaan ini, four wheel drive ini, dia jual, berhutang lagi dengan kawan RM100,000 kemudian.....

Tuan Jiuin bin Jimin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di belakang...

Tuan Jiuin bin Jimin: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat jelaskan bilakah lesen-lesen slot machine ini banyak dikeluarkan, pada masa kerajaan manakah ini?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Saya yang betul, judi ini masalahnya saya tidak pernah ikutinya secara serius tetapi masa Barisan Nasional memerintah pada tahun 1994 memang sudah banyak. Maknanya, saya tidaklah menuduh tetapi maknanya time BERJAYA saya ingat tidak juga sebanyak itu. Time kerajaan pembangkang sekarang inilah, Kerajaan PBS dahululah yang menjadi pembangkang hari ini tetapi kalau itu kesilapan yang mereka buat, ini masanya untuk kita perbetulkan keadaan ini.

Jadi, seperkara lagi yang saya ingin sentuh mengenai dengan masalah pembakaran terbuka. Saya memohon kepada pihak polis atau pihak yang berwajib, baru-baru ini apabila jerebu berlaku, kemudian El-Nino melanda kita, kebakaran di sana sini. Ada akta yang saya lihat yang melibatkan pembakaran terbuka akan dikenakan denda RM100,000, rotan 5 kali, jel tidak tahu berapa tahun, 5 tahunkah, berapa tahunkah itu, saya pun tidak berapa ingat. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kita orang pedalaman, kalau dapat kerana di sana kebanyakannya menanam padi secara padi huma ataupun shifting cultivation, dengan izin, dia membakar, kalau dia tidak bakar tempat yang dia teroka ini, dia tidak boleh tanam padi. Jadi, kalau boleh yang pembakaran seumpama ini kita ada kelonggaran. Saya percaya di sebelah Kedah, di negeri Kedah juga saya pernah melawat di Chuping, Perlis. Tebunya dibakar, asapnya tidak tahu, itu dia punya hallah, tidak tahu pergi mana ia. [Ketawa] Kemudian begitu juga dengan Desa Wawasan ada satu tempat di Kedah itu, jerami padi dibakar juga. Saya ingat yang ini kalau kita denda semuanya habis rakyat kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau boleh kita mahu supaya perkara yang mendatangkan keuntungan, mendatangkan kebaikan kepada rakyat, kepada negeri, kepada negara saya ingat ini kita kecualikanlah. Janganlah, sebab di tempat saya pun ada yang kena tangkap itu dia punya hallah sebab dia bukan menanam padi, barangkali ada tujuan yang tidak bagus sehingga dia ditangkap – dua orang. Jadi, itu tidak apalah tetapi kalau yang macam ini sama ada tanam tebu, tebang tebu ataupun mahu tanam padi sama ada padi

sawah ataupun padi huma, ini saya mohon supaya ianya dikecualikan daripada denda dan undang-undang yang telah ditetapkan. Saya tidak tahu cara apa, itu terserahlah kepada pihak berkenaan untuk memikirkan apa cara yang terbaik.

Banyak lagi ini, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Kata pendek sahaja tadi.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Pendek sahaja ya. [*Ketawa*] Satu lagi, di Sabah baru-baru ini Kerajaan Barisan Nasional telah bersetuju untuk mewujudkan apa yang kita panggil pelabuhan darat (inland port) yang akan di tempatkan di Tenom – tempat Yang Berhormat Tuan Jinuin. Jadi, kalau boleh kita mohon Kerajaan Persekutuan dengan kepakaran yang ada dan saya rasa di Perak sudah pernah dibuat, di Ipoh Perak kalau tidak silap saya. Kita minta supaya apa yang telah dibuat di Ipoh Perak itu, dapat dipanjangkan ke Tenom, sesuai dengan semangat Barisan Nasional yang ada pada kita ini. Mudah-mudahan dengan terlaksananya itu akan dapat mengurangkan tuduhan-tuduhan daripada pihak pembangkang yang mengatakan Barisan Nasional tidak berbuat apa-apa. Jadi, saya mohon supaya pihak berkenaan akan dapat melihat dan membantu kerajaan negeri menyelesaikan ataupun melaksanakan perkara-perkara yang Kerajaan Negeri Sabah yang saya rasa belum mempunyai pengalaman yang banyak.

Begitu juga dengan IKS yang telah disentuh tadi di mana kita ada apa yang dipanggil penwujudan industri perabot dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan Utama di bawah Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik di mana kementerian ini telah berjanji untuk memberi peruntukan sebanyak RM9 juta. Jadi, kerajaan negeri sendiri menyediakan RM7 juta. Kerajaan negeri tidak ada masalah, cuma barangkali peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM9 juta yang memang sudah tersedia. Kalau belum tersedia saya tidak minta sebab saya tahu masalah ini. Jadi, melalui ini saya memohon supaya kementerian berkenaan dapat menyegerakan, kalau tidak pun kesemua RM9 juta itu, sedikit-sedikit mula pun okaylah asal ada mula-mula, sekurang-kurang kita tidak dituduh terus menerus, mana janji Barisan Nasional. Jadi, kalau ini sudah bermula, insya-Allah saya yakin ianya akan tertutuplah persoalan-persoalan negatif yang sering ditimbulkan oleh pihak pembangkang.

Begitu juga dengan pinjaman. Barangkali kalau boleh saya sentuh mengenai dengan pinjaman di bank-bank di mana orang-orang yang meminjam ini terutama pinjaman kenderaan. Saya tidak tahu di sini tetapi di Sabah ini pun saya nampak sudah berlaku di mana kenderaan-kenderaan yang diberi pinjaman ini kebanyakan sudah diambil – diambil oleh pihak bank, 'ditarik' kalau istilah di Sabah. Walaupun sudah 'ditarik' ia mesti ikut bayaran seperti sebelumnya. Ini ekonomi sudah gawat, saya ingat bila 'tarik' bank pun tidak boleh buat apa-apa, bank pun tidak boleh jual dengan orang lain, dia tidak boleh juga operasi sendiri. Jadi, kenderaan itu akan diam. Kenderaan itu mempunyai pemandu, mempunyai pekerjaan dan gajinya sudah hilang. Kenderaan ini menggunakan minyak, minyak yang sepatutnya dibeli sudah tidak ada sebab kenderaan sudah diambil oleh bank. Jadi, apa salah kalau boleh kita cadangkan kepada bank supaya tidak apalah, kalau dia bayar bunga sahaja pun, interest yang sedia ada bayar dulu, bila ekonomi kita sudah kembali pulih ataupun akan pulih kita reschedule balik – jadualkan balik pembayaran itu. Kalau barangkali satu bulan RM2,000, saya ingat pemilik itu siapa yang tidak mahu bayar hutang yang sedia ada, memang akan dibayar, jadualkan balik RM500 satu bulan

sehingga satu tempoh, okay dia akan bayar balik sehingga selesai. Jadi, saya ingat bank ini jangan terlampau main kasarlah. *[Ketawa]* Ini, kalau main kasar pun kita sama-sama rugi. Jadi, saya memohon juga supaya pihak-pihak berwajib melihat perkara ini dalam bentuk yang lebih positif agar kita sama-sama dapat, orang kata ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, yang berat sama kita pikul, yang ringan sama kita jinjing.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, ini mengenai dengan food for fund atau fund for food, yang mana betul itu, – food for fund. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, terima kasih atas keprihatinan ini di mana RM1 bilion ataupun RM1,000 juta telah diperuntukkan kepada mereka yang ingin meminjam. Cuma saya ingin penjelasan daripada kementerian berkenaan. Sehingga hari ini RM300 juta ini sudah dipinjamkan, saya difahamkan melalui Bank Pertanian tetapi malangnya ia mesti ada cagaran. Maknanya, menurut Timbalan Menteri Pertanian dua hari yang lalu, RM1 cagaran kita, RM1 juga kita boleh pinjam, maknanya RM100,000 kita mahu pinjam, cagaran kita mesti RM100,000. Jadi, saya rasa ini pun perlu kelonggaranlah. Kita memohon supaya ianya dikaji balik bagaimana RM700 juta ini boleh kita manfaatkan, boleh kita atasi masalah. Saya lihat sudah beberapa tahun, milion-milion kita import barangan sama ada jagungkah, ikankah, beraskah, tidak tahu daripada mana sampai begitu banyak. Saya ingat kita boleh buat barangkali sama ada kita bentuk konsortium atau kita satukan kontraktor-kontraktor yang berwibawa ini, yang dipanggil berwibawa barangkali kalau dia pinjam RM100 juta, mungkin kita minta siapa yang boleh jamin, Bank Negarakah atau siapa juga CGC saya tidak tahu siapa yang boleh jamin. Kalau boleh beri mereka bimbingan, beri mereka bantuan, beri ini secara perkumpulan atau secara persendirian yang kita yakin boleh membantu kerajaan. Macam di Sabah kita ada, saya ingat Yang Berhormat Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir yang rajin ke Sabah, dia tahu di sebelah Sandakan kita ada berpuluh-puluh ribu hektar tanah terbiar, kalau itu kita tanam padi macam di Terusan Sapi sebelah Sandakan, kalau diberi bantuan seperti ini saya ingat tidak ada masalah. Kita boleh buat. And then macam sebelah pedalaman di tempat kami, saya tahu kelapa sawit memang dia tidak beri pinjaman yang ini. Jadi, di sebelah pedalaman saya ingat kita boleh tanam ubi sebagai contoh, jagung atau apa juga, di Sarawak pun saya ingat boleh kita tanam tebu.

Sebelah Kuala Penyu kita ada projek tebu, satu ketika dahulu sudah ada MoU, saya tidak tahu di mana MoU itu sampai sekarang tidak jadi-jadi. Tambahan pula dilanda oleh kemarau lagi tidak jadi. Jadi, saya ingat kalau boleh kita punya RM700 juta ini kita kaji balik bagaimana supaya ini boleh diberikan. Kalau ini tidak ditimbang-timbang, saya takut kontraktor-kontraktor yang ada di negara kita ini terutama orang-orang bumiputera, orang peribumi, semua gulung tikar. Jadi, kita minta supaya kementerian mengkaji balik, membantu, mencari formula yang terbaik bagaimana supaya kontraktor-kontraktor kita ini boleh meminjam dan boleh membantu kerajaan mengembalikan ekonomi kita seperti sebelumnya walaupun barangkali susah tetapi tidak apa, kita teruskan, mudah-mudahan ia akan direstui Tuhan dan dapat mengatasi sedikit sebanyak masalah yang kita hadapi selama ini.

Mengenai dengan kempen menarik pelancong. Saya terbaca, saya risau juga apabila mendengar Sukan Komanwel yang akan berlangsung tidak lama lagi. Saya tidak tahu bagaimana ianya boleh berlaku tetapi saya nampak, maaf, nampaknya kempen ini barangkali perlu kita pertingkatkan

dan dipertingkatkan lagi termasuklah, saya ingat Malaysia Airlines – MAS ini perlu memainkan peranan yang penting. Saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir dia tegur MAS ini sebagai bapa. Kita ini orang bilang perlu muhasabah diri, siapa yang mahu tegur kita, saya tidak tahu apa jadi dengan diri saya, barangkali comotkah atau apakah saya tidak tahu, tetapi kalau kita kena tegur jangan cepat melenting – customer always right, betulkah itu, dengan izin. Pelanggan selalu betul. Macam Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, saya pernah mengalami begini.

Dari Kota Kinabalu first class, business class, dia kata “Oh, penuh!”. Oh ikutlah, ekonomi tidak apalah, ekonomi pun ekonomi. Secara kebetulan duduk nombor 39, bayangkan 39 dekat kipas. Apa yang saya nampak tidak ada apa-apa. Sekali sampai di Johor, apabila sudah terbang saya tanya pramugari ini, saya kata, “Penuhkah di atas?” “Not even one”, dengan izin, tidak ada satu orang pun. Saya kata “Beritahu ini nama Sairin Karno, saya mahu buat aduan dan saya mahu bertanya kenapa saya, bukan saya sahaja, kenapa yang business class ini dikosongkan”. Secara kebetulan sampai di Johor penuhlah tetapi masih ada kosong dua. Sehingga hari ini pertanyaan saya tidak dijawab, servis saya tidak mahu komenlah tetapi secara kebetulan baru-baru ini saya berterima kasih kepada Dato' Seri Rafidah Aziz sebab saya diberi peluang untuk bersama-sama ke L.A. Kemudian berjumpalah dengan pegawai-pegawai di sana termasuklah daripada MAS sendiri. Bila saya berborak-borak dan berbincang dengan pegawai MAS ini, saya tanya macam mana keadaan MAS ini, dia kata orang-orang di sini memang suka dengan Malaysia, cuma masalahnya rate yang dikenakan masih macam dahulu semasa tukaran wang kita RM2.50 sekarang sudah RM4.00 pun masih juga sama. Jadi, orang Amerika kalau di sini, oh, Malaysia dia kata mahal. Rupanya siapa yang memainkan pihak tertentu yang saya tidak mahu sebut. Itu kita fahamlah. And then, bila saya tanya macam mana kempen kita dibandingkan dengan yang lain, dia kata, “Oh, Malaysia bagus tetapi ada yang lebih bagus.” Ada airlines yang lebih bagus daripada kita, katakanlah peruntukan kita RM6 juta untuk kempen menarik pelancong di sana, negara lain dia gunakan sepuluh kali ganda daripada kewangan kita, walaupun keadaan kegawatan ini tetapi saya ingat ini perlu kita ambil tindakan janganlah seperti yang kita sedia maklum, sedikit sekali peruntukan kita. Saya tanya mana fare yang termahal, mana bayaran kapal terbang dari L.A ke Malaysia yang termahal, ada dua, tiga. Malaysia terletak di tenah-tengah. Masa kita daripada L.A. ke Taipei ¾, masa daripada Taipei ke Kuala Lumpur penuh sesak hampir tidak ada tempat duduk, bayangkan begitu bagus. Jadi, saya percaya kalau kempen kita ini kita tambah sedikit peruntukan kepada MAS untuk buat kempen pelancongan atau apa juga kempen termasuk Sukan Komanwel kita yang akan diadakan tidak lama lagi ini. Ini juga saya rasa perlu kita beri peruntukan khusus sama ada kepada MAS, kita tambah peruntukan mereka di negara-negara di seluruh dunia di mana kita beroperasi. Begitu juga dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, begitu juga dengan duta-duta yang ada di sana sini.

Saya berkesempatan ke Beijing suatu ketika sebelum ekonomi gawat. Sampai di Beijing ada iklan motosikal 500 cc, oleh kerana saya tidak pandai berbahasa Mandarin atau China, tetapi saya tahulah “Malaysia, Malaysia”. Saya kata, “Oi, senang hati kita”. Di Beijing pun dia sebut-sebut Malaysia. Kebetulan pergi ke Jerman tidak ada satu pun iklan Malaysia, Australia adalah sedikit, sedikit, kemudian di Iran langsung tidak ada, di Turki pun boleh dikatakan tidak ada. Ada beberapa tempat

sahaja. Saya ingat duta-duta kita ini perlu memainkan peranan sebagaimana seruan daripada rakan-rakan kita – mainkan peranan ini. Bukan main golf sahaja. [Ketawa] Saya minta maaf. Bukan main golf, yang sebetulnya kadang-kadang ada masa main golf sebab secara kebetulan saya pun main golf juga. Saya tahulah fiil orang-orang yang main golf ini tetapi kalau boleh sambil main golf, sambil kempen tidak ada masalah. Saya rasa duta-duta ini pun senang hati kalau mereka diberi peluang untuk memperjelaskan apa yang patut mereka buat tetapi saya yakin mereka sudah tahu ini. Itu makanya saya pun bersetuju kalau boleh orang-orang politik yang difikirkan layak sesuai untuk jadi duta biarlah mereka jadi duta. Yang tidak layak, bukan semua orang politik ini saya ingat layak, kalau saya kena suruh pergi Afrika saya pun berfikir dua, tiga kali. Jadi, kalau boleh mana-mana yang layak itu yang memang terbukti dia hebat, okay kita beri semuanya. Bekas Pengerusi Bangsa-Bangsa Bersatu kita Tan Sri Razali, saya tidak tahu apa tugasnya sekarang. Saya difahamkan dia ada tugasnya tetapi saya lihat bahawa ada tugas yang saya ingat lebih bagus diberikan kepada beliau tetapi ini biarlah kementerian ataupun pihak-pihak atasan yang akan memikirkan mana lagi yang sesuai untuk dijawab oleh orang-orang yang mempunyai kelebihan daripada kita ini untuk membolehkan negara kita akan terus cemerlang dan akan terus dihormati oleh negara-negara di seantero dunia.

Seperkara yang saya ingat perlu juga saya kongsi (share) bersama di sini, kadang-kadang ada rakan-rakan kita terutama dari rakan jiran kita. Dia kata, ini M.A.S. kita tahulah – Mana Ada Sistem, sambil mengejek, maaf sahaja. Jadi secara kebetulan saya cakap, “Bukan!” Memang Ada Susah tetapi saya kata, “Mana Ada Susah”. [Ketawa] Jadi, saya kata, “MAS macam mana pun masih lebih baik daripada negara-negara lain barangkali termasuk negara you”. Saya tidak sebut negara manalah tetapi nampaknya kadang-kadang mereka ini membuat perbandingan dan semasa saya dari Taipei ke sini secara kebetulan saya duduk dengan orang Amerika, saya tanya dia, “You sudah berapa kali pergi Malaysia?”, “Dua kali”, “Macam mana, mahu pergi lagi?”, “Eh, kalau boleh saya bawa keluarga saya semua pergi ke Malaysia”, “Kenapa you tidak ikut airlines yang lain?”, dia kata “Oh, Malaysia bagus, pramugari pramugaranya mesra-mesra”. Saya tidak tahulah yang lain-lain, barangkali dia sengaja jek saya sebab dia tahu saya orang Malaysia tetapi saya yakin kalau 10 orang cakap macam itu, saya ingat betul-betul itu.

Jadi, saya juga ingin mengucapkan kepada MAS, memanglah dari masa ke semasa kita ini rakyat Malaysia, cintakan negara kita, cintakan perpaduan, cintakan keamanan, cintakan segala-gala yang ke arah kebaikan manusia sejagat. Saya yakin kita perlu bekerjasama dari masa ke semasa. Jadi, kalau MAS ini kena tegur pun janganlah marah. Siapa lagi yang mahu tegur kalau bukan rakyat Malaysia sendiri, jangan sampai orang luar tegur kita, caci kita seperti surat-surat khabar daripada luar negara hentam kita habis-habisan, saya tengok tidak ada keluar untuk membela tetapi saya difahamkan kita mahu bela tetapi tidak dikeluarkan. Jadi, beginilah, saya rasa kalau kita bersatu padu, kalau kita bersatu hati, insya-Allah negara-negara luar akan terus menghormati dan membantu kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin banyak lagi yang saya mahu cakap tetapi tidak payahlah sebab kebanyakannya sudah disentuh dan ada lagi rakan-rakan yang akan bercakap. Untuk itu sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah melaksanakan tugas mereka dengan cemerlang, cuma saya ingin satu lagi.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini, saya ingin menyokong cadangan daripada rakan saya, saya tidak tahu siapa rakan itu, kepada pesara-pesara kita. Kalau boleh pesara-pesara ini oleh kerana tanah-tanah rancangan, tanah-tanah di negara ini pun masih luas, kepada mereka yang boleh bersara saya ingat ganjaran itu perlulah kita beri sama ada kita beri dia 5 ekar tanah, 10 ekar tanah atau apa juga bentuk ganjaran yang membolehkan anak, cucu, cicit dia itu ada kenang-kenangan dia kepada ayah atau neneknya atau datuknya yang telah bertugas begitu lama dengan kerajaan. Jadi, saya ingat kerajaan perlu memberi satu ganjaran. Saya teringat ada satu tempat di negara jiran kita. Dia sediakan satu ekar, dia tanam dengan buah-buahan – pokok pisang, duku, langsung dan durian ada di situ, kemudian dia jual kepada pesara-pesara kerajaan ini dengan harga ½ ekar RM5,000 kemudian RM5,000 ini 10% dibayar sebagai deposit, 90% dia pinjam daripada bank. Jadi, dia akan bayar, dia buat rumah di situ and then lepas itu buah-buahan dan segala hasil yang ada di ½ ekar yang telah diperuntukkan kepadanya itu, itu adalah miliknya. Jadi, barangkali kalau kita boleh fikirkan bagaimana kita mengucap terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan ataupun swasta dan mana-mana yang patut kita balas budi mereka, kita bolehlah peruntukkan daripada kita beri kepada syarikat-syarikat yang besar yang kadang-kadang untung kepada pihak tertentu sahaja, sedikit kepada kerajaan, apa salahnya seandainya ini kita berikan kepada mereka yang telah menabur bakti begitu banyak dan begitu lama kepada negara kita.

Sekian, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: *[Bangun]*

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: *[Bangun]*

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

6.26 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ladies first, boleh juga.

[Ketawa] Saya gentleman juga! Tetapi Tuan Yang di-Pertua, beri saya bercakap dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, lepas itu. Sampai pukul 8.00 malam ini.

Tuan Yim Chee Chong: Ya. Tidak apalah, bukan. Saya ingin hendak beri ladies first tetapi Tuan Yang di-Pertua panggil saya dahulu, minta maaf ya.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat ya.

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pendek sahaja ya.

Tuan Yim Chee Chong: Pendek, sungguhpun panjang, ramai orang inginkan panjang daripada saya tetapi saya akan pendekkan. Terima kasih sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan kerana mengemukakan Akta Perbekalan Tambahan (1997)1998. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah untuk bekalan wang sebanyak, wah ini banyak juga, RM7,020,420,263 daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara kita menghadapi krisis kewangan dan krisis ekonomi tetapi Kementerian Kewangan masih ada wang, masih ada peruntukan untuk kementerian-kementerian. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan juga kita harus ucapkan terima kasih kepada penolong beliau iaitu Timbalan Menteri Kewangan Dato' Dr. Affifudin, lagi kita punya Dr. Ph.D holder, ini education tinggi, *[Ketawa]* Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dan tentu juga dari MCA Dato' Wong See Wah, orang yang rajin berkhidmat untuk negara kerana dengan usaha-usaha Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, negara kita banyak wang. Betulkah atau tidak? Negara jiran yang lain inginkan bantuan daripada IMF, tidak ada wang IMF, mati oh, *[Ketawa]* orang kata, hendak bayar wang government servant pun tidak ada duit tetapi negara kita berdiri atas kaki sendiri. Kita tidak inginkan bantuan daripada IMF oleh kerana IMF adalah dikuasai oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Kalau sekiranya kita terima bantuan daripada IMF, bukan sahaja kita harus mengikuti apa sahaja syarat daripadanya tetapi juga kita akan hilang kedaulatan negara. Dato' Seri Dr. Mahathir kata – betul, saya sokong, biar kita miskin, kita tidak mahu terima bantuan daripada IMF. Betul atau tidak, Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Kalau sekiranya kita ambil wang daripada IMF, sikap kita macam pengemis. Kita rakyat Malaysia, kerajaan Malaysia, jadi kita banyak wang. Sekarang rang undang-undang ini banyak wang untuk kementerian-kementerian sebab itu kita yakin kepada Kementerian Kewangan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan juga kita yakin kepada kerajaan kita untuk memimpin negara kita terus maju ke hadapan mengarah ke Wawasan 2020.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang meminta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Oh, sekejap. Belum sampai lima minit sudah minta laluan, siapa dia itu? *[Ketawa]*

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Sudahkah Yang Berhormat Yim menyumbangkan RM1,000 kepada kerajaan?

Tuan Yim Chee Chong: Ya betul, ini tidak ada kena mengena dengan sumbangan, *[Ketawa]* tetapi wang RM1,000 itu masih ada di dalam poket saya. Hari itu saya hendak minta Yang Berhormat Tan Sri menyampaikan kepada pihak berkuasa berkenaan tetapi mungkin susah hendak mencari orang, saya hendak mencari Yang Berhormat Dato' Wong See Wah, Timbalan Menteri Kewangan, tetapi dia tidak datang ke sini kerana Setiausaha Parlimen ada di sini untuk menjawab. Wang itu ada di sini,

RM1,000, bolehkah tolong sampaikan kepada Tabung Khas Negara. Sekarang saya serahkan wang ini kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita menyeru rakyat Malaysia yang menyimpan wang di luar negeri supaya membawa wang Malaysia pulang ke tanah air. Ramai juga orang membawa balik wang dari luar negeri dan simpan dalam bank tempatan. Tetapi di Singapura ada bank seperti OCPT, UOP memberi tawaran yang tinggi 21% per annual interestnya, dengan izin. Di sini 11% ada juga 10% tetapi tawarannya 21% per annual, ada juga mereka mengatakan kalau sekiranya mereka ada RM500,000, 50% interest akan diberikan. Saya menyeru kepada rakyat Malaysia kita jangan hiraukan apa sahaja interestnya, kita harus cinta kepada tanah air kita ini, tanah tumpah darah ku Malaysia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menyentuh tentang semangat mencintai tanah air, saya teringat kepada peperangan Dunia Ke-2 iaitu dalam tahun 40-an. Semasa itu tentera Jepun menyerang Negeri China, ramai perantau-perantau Cina di Malaya pada masa itu pulang ke Negeri China bertempur dengan tentera Jepun ada yang mati di medan peperangan ada yang selamat dan pulang ke tanah air sekarang dianggap sebagai tanah air. Semangat mereka itu kita harus mencontohi, berkorban diri untuk negara. Tetapi hari ini kita korban interest sahaja, saya menyeru kita jangan hiraukan bank di oversea ataupun di Singapura bagi tawaran yang tinggi bunganya, kita bawa pulang wang dari luar negara. Tetapi saya tidak ada wang di Singapura kalau ada saya akan ambil balik dan simpan di bank tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud Bekalan B.8 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ingin menyentuh mengenai Indah Water Konsortium (IWK), sungguhpun Indah Water telah diswastakan dan tidak di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi Indah Water ini adalah berkenaan dengan perkhidmatan awam.

Sekarang ini hampir semua rumah di Malaysia harus membayar bayaran ataupun caj tetap kepada Indah Water di seluruh Malaysia. Kalau saya menjadi Chairman Indah Water, boleh untung tetapi sekarang ini setiap rumah kalau tidak ada service pun hendak dicaj. Seperti kedai di Seremban ramai orang kompelin kepada saya mengenai Indah Water iaitu sungguhpun tidak ada service dijalankan tetapi setiap bulan perlu membayar RM45 sebulan, setahun (12 bulan) percuma RM585 perlu dibayar kepada Indah Water. Sesiapa yang tidak membayar, ada yang telah menerima surat daripada Indah Water akan diambil tindakan undang-undang dan hendak membawa tuan rumah itu ke mahkamah. Baru-baru ini Indah Water juga mengatakan dalam sidang akhbar seramai 70% orang enggan bayar. Dalam sidang akhbar itu Indah Water mengatakan sesiapa yang tidak membayar, kita tidak kira sama ada dia Tan Sri, Datuk akan disiarkan namanya di akhbar tempatan. Dengan maksud pada hemat saya, dengan tujuan memalukan seseorang yang enggan membayar bayaran kepada Indah Water. Ini adalah tindakan yang tidak layak untuk berbuat demikian. Pada hemat saya, kalau sekiranya Indah Water ada memberi service kita boleh bayar, macam lawyer ada service, bayar legal fee, kalau miskin tidak payah bayar. Kalau Indah Water ada service kita boleh bayar, tiada service kita tak perlu bayar. Kenapa setiap bulan bayar RM45, orang tanya kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada satu soalan yang ditujukan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana saya minta kementerian menyatakan apakah keputusan terkini berkenaan dengan kajian semula tentang perkhidmatan dan bayaran IWK yang menimbulkan

perasaan tidak puas hati dari pelanggan-pelanggan dalam negara. Ini jawapan yang belum sempat dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 12 Mei ini. Tetapi saya ingin memberikan jawapannya, ini jawapan dari Kementerian yang menyatakan, *“untuk makluman Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara izinkan saya menjawab kedua-dua soalan dari Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dan Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud memandangkan masalah yang hendak dikemukakan adalah sama iaitu semuanya mengenai bil yang tinggi dan sama ada pihak kerajaan akan melakukan sesuatu mengenainya”* juga telah mengatakan *“Untuk makluman Dewan ini, agensi pusat khususnya Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan juga pihak Kementerian sendiri sedang berunding dengan Indah WaterKonsortium untuk menghasilkan struktur baru tarif komersial sebaik sahaja kajian ke atas tarif itu siap ianya akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Pengumuman akan dibuat selepas pihak Jemaah Menteri bersetuju dengan kadar yang dicadangkan”*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan dan pihak Jemaah Menteri supaya mengkaji ataupun menyemak kes ini dengan teliti kerana kalau kes ini tidak dikendalikan dengan baik akan menjejaskan nama baik Kerajaan Barisan Nasional. Dalam pilihanraya yang akan datang bayaran Indah Water ini akan menjadi satu isu dari puak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkhidmatan Indah Water di Seremban, oleh kerana saya dari Negeri Sembilan, saya ingin mengatakan bahawa seorang Exco member dari MCA memberitahu kepada saya bahawa bila Indah Water korek sana korek sini, dinding rumah orang sudah pecah. Dan mengadakan satu meeting di Majlis Perbandaran Seremban tetapi dukacitanya Indah Water tidak hantar orang datang - mereka tidak datang. Konsultannya pun tidak datang. Kalau perkhidmatan macam itu macam mana kita boleh tuntutan bayaran setiap bulan daripada pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan menetapkan satu bayaran yang adil dan saksama untuk membayar bayaran kepada Indah Water demi kepentingan Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh B.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli bomba, kita harus memberi kehormatan kepada mereka kerana mereka menyelamatkan nyawa dan harta benda kita dengan tidak menghiraukan nyawa diri sendiri. Oleh hal yang demikian, saya memohon supaya ahli-ahli bomba ataupun bekas ahli-ahli bomba kalau sekiranya menjalankan tugas menghadapi kemalangan dan luka ataupun terkorban dalam kebakaran, kerajaan kita harus memberikan segala bantuan kepada keluarga mereka. Begitu juga kepada pihak bekas tentera ataupun pihak bekas anggota polis.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada satu kebakaran di pekan Seremban. Kebakaran adalah di kedai nombor 32. Office saya, pejabat saya adalah di nombor 31. Ah, ini bahaya. Itu kedai terbakar. Kereta bomba sudah sampai. Paip semua sudah dipasang tetapi air tidak ada. Dahsyat kebakarannya. Wah! orang tengok hendak tolong, entah macam mana hendak tolong. Wah, orang kata Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong punya office nanti pun habis. Semua orang sudah bimbang, mana Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong. Oh! dia sudah pergi Parlimen belum pulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah di Parlimen?

Tuan Yim Chee Chong: Betul, tengah balik [*Ketawa*] dalam perjalanan pulang ke Seremban dari Parlimen. Lebih kurang pukul 7.00 kebakaran di Seremban, oleh kerana tidak ada air, kemarau, tidak ada air, setengah jam sahaja kebakaran sebuah rumah kedai sudah habis dan rumah jiran nombor 33 pun habis. Tetapi office saya, nombor 31 tidak kena bakar, orang kata wah! ini Tuhan ada tolong Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, sebab dia selalu tolong orang [*Ketawa*], orang cakap macam itu. Saya tidak tahu betul atau tidak, saya pun syukur kepada Tuhan. Tidak kena, apa pun tidak kena, orang kata tidak kena, saya jumpa Dato' Ong Siva ada situ. Oleh itu dia cuma "helo! Yim, you datang, you nasib baik, you balik sembahyang cukup-cukup" katanya. Ah, sebab berapa kali angin tiup di situ, sebelah situ tetapi tidak kena. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba kalau sekiranya berlaku sesuatu kebakaran harus kereta bomba ataupun lori yang membawa air itu ikut di belakangnya. Kalau paip situ tidak ada air keluar, lori sana banyak air boleh memadamkan kebakaran itu. Betul ataupun tidak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tidak ada di sini ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup satu lori.

Tuan Yim Chee Chong: Satu lori betul tidak cukup, 5 lori saya ingat boleh cukuplah Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Kita sediakan semua lori dengan air dan kereta bomba saja pergi situ tidak ada air, apa gunanya. Lagipun di pekan macam Mantin dan lain-lain pekan semua tahu ada pasukan sukarela tempatan bersiap sedia bila berlakunya kebakaran mereka ingin tolong, tetapi tidak ada alat-alat, kelengkapan-kelengkapan. Jadi saya memohon kepada pihak berkuasa supaya membelikan alat-alat kepada pasukan sukarela itu dan melatih mereka untuk memadamkan air dalam kebakaran.

Seorang Ahli: *Pemadam api!*

Tuan Yim Chee Chong: Ya, pemadam api, bukan air [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Pendidikan. Saya merasa gembira kerana Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang pendidikan. Kita ingin menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan (The centre of educationer excellent). Tujuan kita mengadakan satu pusat pendidikan di Malaysia - semua cawangan universiti yang termasuk di dunia ada cawangannya di Malaysia. Dan di Kuala Lumpur di seluruh Malaysia ada kolej-kolej, institute of higher education dan seterusnya. Saya harap satu hari mahasiswa-mahasiswi dan penuntut-penuntut dari rantau ASEAN ataupun dari dunia akan datang ke Kuala Lumpur atau Malaysia untuk menuntut di Malaysia. Kita utamakan pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini oleh kerana kejatuhan nilai wang Ringgit Malaysia, jadi ramai penuntut negara kita di luar negeri terutama di United Kingdom ataupun di USA menghadapi kesulitan kewangan. Saya pernah menuntut selama 5 tahun di England. Saya adalah dari keluarga yang miskin. Semasa saya menuntut di situ ayah saya pun telah meninggal dunia. Jadi setiap tahun, saya pinjam wang dari sahabat handai. Tidak ada title pun orang bagi RM5,000, RM10,000 hampir RM100,000 saya dapat kutip. Tuan Yang di-Pertua, saya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom tetapi kawan saya dia tidak dapat pinjam wang bila sampai situ tidak ada wang, first year school fees sudah bayar. Second year tidak ada, terpaksa mereka kerja di situ. Kerja sampai tengah malam. Pukul satu, pukul dua pun belum balik, 'am' bukan 'pm' ya, belum pulang ke tempat tidurnya. Jadi ada juga yang kerja situ

kerana tanpa permit dan ditangkap oleh Home Office dan dihalau, deport dari UK tidak boleh pulang ke United Kingdom lagi. Terus sahaja halau. Tuan Yang di-Pertua, ramai pelajar kita dari keluarga miskin hari ini menghadapi kesulitan kewangan. Sistem di United Kingdom pun macam itu juga. Kalau you punya yuran tidak bayar tidak boleh ambil peperiksaan kecuali you bayar, you pay your school fees for the year otherwise you cannot sit for the exam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, untuk menolong penuntut-penuntut kita di seberang laut, saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi segala bantuan kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri dan juga bagi emergency loan kepada mereka untuk menamatkan pelajaran mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Sumber Manusia, Timbalan Menteri kita ada di sini – Yang Berhormat Dato' Abdul Kadir. Beliau adalah seorang yang begitu rajin, saya kenal dia dari Dewan Rakyat sejak tahun 1990 iaitu hampir 8 tahun dahulu saya kenal dia. Beliau adalah pejuang untuk nusa dan bangsa. Baru-baru ini, MAS hendak sue Timbalan Menteri kita di mahkamah, saya baca paper hari itu, wah! hendak sue kawan baik saya, saya sukarela akan jadi lawyer beliau tanpa bayaran. Saya akan tolong dia, sebab dia tolong rakyat dan berani bagi teguran kepada mana-mana pihak. Nasib baik MAS tarik-balik tidak mahu sue lagi. Nasib baiklah Dato' kan, kalau Dato' menang boleh dapat kos RM100,000 – kita 50-50 pun banyak untung juga. *[Ketawa]*

Lagipun Menteri – Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek adalah Menteri Sumber Manusia. Hari itu saya baca newspaper, Cina. Saya apa paper pun baca juga, di dapati Kementerian Sumber Manusia pada masa ini ada RM2.2 million - kepada siapa yang dibuang kerja, dipecat dari pekerjaannya boleh menuntut di kolej-kolej. Hah, kementerian ini ada support, ini bukan main 'well done' ini saya hendak katakan 'well done' Dato' Lim Ah Lek dan Dato' Timbalan Menteri yang ada di Dewan yang mulia pada petang ini.

6.52 ptg.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan. Baru-baru ini di Pulau Pinang, kita baca newspaper ada seorang pemandu kereta ikut sebuah lori yang membawa batu dan batu itu telah jatuh ke

dalam kereta dan menyebabkan kematian pemandu itu. Ini sangat serius, selalu dalam paper ada lori yang membawa batu tidak diikat dengan baik dan menyebabkan batu itu jatuh, sesiapa yang mengikut di belakang itu 'unfortunate'.

Saya pun pernah sekali Tuan Yang di-Pertua, empat tahun dulu saya bawa kereta hendak datang ke Parlimen, di depan saya ada sebuah lori yang membawa batu, lalu batu-batu kecil itu terjatuh ke atas cermin kereta saya, kuat juga tetapi tidak ada apa-apa, kalau tidak saya mahu tulis nombor lori di hadapan saya itu. Petang itu tidak ada masalah tetapi keesokan harinya saya tengok ada lubang, semakin lama semakin besar lubang itu, saya cuba hendak ingat apa nombor lori itu, saya tidak ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lupa, sebab saya muda lagi kan. *[Ketawa]* Saya sudah lupa hendak membuat polis report, hendak sue dia supaya dia bagi compensation, tidak ingat nombor lori itu, jadi saya terpaksa pergi ke workshop minta dia tukar cermin itu – saya rugi RM500, wang itu tidak apa. Beberapa hari dahulu saya nampak seorang pemandu ikut belakang lori dan menyebabkan mati.

Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Pengangkutan dan pihak polis supaya mengambil tindakan yang sewajarnya, tangkap mana-mana lori membawa batu yang tidak diikat dengan baik-baik untuk keselamatan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, saya suka panggil Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri, tidak lama akan jadi Tan Sri ya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini banyak kemalangan jalan raya, ramai orang yang mati di jalan raya oleh kerana dangerous driving of other party, dengan izin, ramai orang bawa kereta tidak menghiraukan keselamatan pengguna lain. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan akan mencadangkan kepada Kabinet supaya sesiapa yang dangerous driving menyebabkan kematian pengguna yang lain akan kena penjara mandatori, saya sokong mandatori – bermakna ramai orang tidak faham apakah mandatori? Maksudnya di segi undang-undang, tidak ada jalan lain kecuali masuk jail, macam Dangerous Drug Act, kalau sesiapa yang dihukum – mati sahaja tidak ada penjara iaitu 39B – Dangerous Drug Act lebih

daripada 15 gram iaitu mandatori. Jadi saya sokong pihak Kementerian Pengangkutan mengenakan mandatori kepada sesiapa yang dangerous driving akan dihukum penjara sekiranya menyebabkan kematian seseorang.

Ada orang kaya, dia bawa kereta besarnya Mercedes ke atau apalah, dia tidak hiraukan orang lain, orang miskin pun ada jugakan, tidak kira apa lapisan bawa kereta – road bully banyak. Kalau dia mati tidak apa, saya ada insurans bayar, tidak payah tanggungjawab, jadi kalau kita bawa dia ke mahkamah, akan penjarakan dia, dia akan takut dan memandu dengan cermat.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya tidak bersetuju Kementerian Pengangkutan yang mengesyorkan bahawa segala kesalahan trafik akan naik dari RM300 ke RM600 denda. Kita bukan cari duit, ini Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar sokong pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dari RM300 denda hingga RM600 denda, ini akan menimbulkan satu masalah rasuah di kalangan polis, pengalaman saya macam itu, kalau saya bawa kereta lebih laju sedikit ditahan oleh polis, dia akan tanya, ada lesenkah, I/C, kemudian apa kerja, kalau RM600 denda, dia akan tanya di mana selesai, mahu di sini selesaikah atau di mahkamah selesai, rasuah lagi banyak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan RM300 sudah cukup, kalau naik jadi RM600, orang miskin tidak sanggup bayar dan dia akan masuk penjara. Saya rela hendak masuk penjara sebab saya tidak ada wang untuk membayar denda. Siapa yang akan menderita, kerajaan kita yang akan menderita, Kementerian Kewangan yang akan menderita kerana hendak membayar makanannya di dalam penjara, anak isteri akan menderita. Oleh hal yang demikian, saya cadangkan denda RM300 itu tetap RM300 dan janganlah dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Luar Negeri, saya menyokong penuh dasar kerajaan kita dalam mana kita mengamalkan satu prinsip persahabatan kepada seluruh dunia tak kira ia negara besar atau negara kecil ataupun negara komunis, kita semua jadi kawan. Jadi, dasar ini telah menyambut

baik dari dunia pada hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dalam usahanya telah mengharumkan nama Malaysia. Malaysia sekarang adalah terkenal di dunia, kita harus merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir.

Dahulu semasa menuntut di UK, seorang orang putih dalam kedai tanya saya, dari mana, saya kata dari Malaysia, where is Malaysia, I know Singapore, sekarang dia sudah tahu Malaysia kerana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, betulkah Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki. *[Ketawa]* Saya ingin menyentuh India

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki hendak minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Dia selalu minta laluan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, baru sekali sahaja, saya minta laluan hendak beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong duduk sekejap sebab suara dia sungguh nyaring, jadi, saya macam hendak keluar rasa dah, tak tahan mendengar telinga saya sakit. Jadi, kalau boleh

Tuan Yim Chee Chong: *[Menyampuk][Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh biar Yang Berhormat Tuan Yim ini bercakap perlahan sedikitlah, tidak susah kita hendak mendengar. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, satu hal lagi tentang India.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Yim Chee Chong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki kata, pendekkan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Oh pendekkan. Saya ingat tak payah sepuluh minit lagi sudah selesai, ini sangat pendek.

Ini tentang Kementerian Luar Negeri, tentang India. Baru-baru ini India, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu [*Ketawa*] dahulu saya cakap India tentang rogol oleh polis, ada bantahan, saya kata saya bukan

Tuan N. Marimuthu: [*Bangun*]

Tuan Yim Chee Chong: Bolehkah saya habiskan dahulu?

Tuan N. Marimuthu: Boleh sebut India, tetapi jangan sebut saya punya nama. [*Ketawa*]

Tuan Yim Chee Chong: Oleh kerana saya menghormati Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, saya sebut nama Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan India sebab dahulu pengalaman saya bila saya sebut India, Yang Berhormat Tuan ada bangun, ada bantahan. Sekarang saya pun cakap India juga, jadi, saya minta Yang Berhormat faham saya. Itu sahaja maksud saya.

India baru-baru ini mengadakan ujian senjata nuklear di bawah tanah sebanyak tiga kali.

Seorang Ahli: Lima kali.

Tuan Yim Chee Chong: Lima kalikah? Yang Berhormat ada nampak lima kali? [*Ketawa*] Saya baca paper kata tiga kali, Yang Berhormat baca lima kali, saya ingat Yang Berhormat ada nampak ujian di situ lima kali.

Tuan Yang di-Pertua, senjata nuklear ini adalah sangat dahsyat kepada umat manusia, kita tidak lupa kepada peperangan dunia yang kedua. Amerika Syarikat sudah mengebom dua bom atom di negeri Jepun iaitu pada kali pertama pada 6 Ogos 1945 di kota Hiroshima. Bom atom yang kedua adalah pada tanggal 9 Ogos 1945 iaitu di kota Nagasaki, Jepun dalam mana seramai 340,000 orang telah mati dan cedera, bom atom begitu banyak orang yang mati, kalau nuklear hampir semua orang mati sampai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, India ini adalah sebuah negara yang miskin, saya bukan menghina India adalah sebuah negara yang miskin. Jadi, harus usaha untuk memperbaiki penghidupan rakyat India, tetapi saya tidak faham kenapa India ini mengadakan ujian nuklear, Perdana Menteri kata, ini adalah kerana ancaman dari negeri China dan ancaman dari Pakistan. Ancaman dari negara China adalah

lagi besar daripada ancaman dari Pakistan. Nonsense orang putih katakan. Negeri China adalah sebuah negeri yang mencintai perdamaian di dunia ini, semua orang tahu tidak pernah mengalami jerebu dan menyerang mana-mana negeri di dunia ini.

Saya telah mengkaji sejarah negeri China selama 100 tahun kebelakangan ini negeri China diserang oleh Jepun, oleh orang putih, oleh negara-negara Barat, negeri China memerintah tak lama dahulu saya menyebut dalam peperangan dunia yang kedua [*bertutur dalam bahasa Cina*] iaitu pembunuhan di Nanking hampir 1 juta orang China kena bunuh di situ, mana ada ancaman kepada India, dahulu Prime Minister Nehru kawan baik dengan Premier Chow Eng Lai.

Sekarang saya tak tahu macam mana hubungannya dengan Perdana Menteri China yang baru, macam mana mengatakan ancaman dari negeri China, kalau sekiranya ancaman dari negeri China dan Pakistan tidak boleh kita mengatakan nuclear weapon. Oleh hal yang demikian Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebanyak 15 buah negara anggota Majlis Keselamatan PBB dengan sebulat suara mengutuk India kerana ujian nuklear itu dan juga rakyat India mengemukakan rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan India untuk mengadakan ujian itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyeru kepada Kerajaan India supaya menghentikan segala ujian nuklear di Asia, kita harus mengekalkan keamanan bukan sahaja di Asia tetapi juga di dunia, kita kekalkan keamanan untuk selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah.

7.10 mlm.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya turut sama-sama menyertai dalam perbahasan berkaitan dengan Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998.

Kesungguhan kerajaan mengatasi situasi kegawatan ekonomi negara pada masa kini dapat dibuktikan hasrat kerajaan untuk meneruskan agenda pembangunan negara, walaupun ada sedikit pemotongan di sana sini, namun kerajaan tidak mengabaikan kepentingan rakyat dan keperluan hidup. Kegawatan ekonomi yang menjadi masalah kepada pelbagai lapisan masyarakat, namun bagaimanapun Kerajaan Malaysia sedang melakukan yang terbaik untuk sekurang-kurangnya meredakan keadaan kegawatan ke tahap yang dapat diterima dengan hati yang lega. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalannya, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan, walaupun telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, namun saya akan menyentuh B.26 yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan yang begitu banyak. Peruntukan ini jelas inisiatif kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan kerana pendidikan adalah satu aspek yang paling penting untuk pembangunan negara.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan masalah ketidakcekapan Unit Pusat-pusat Universiti tempatan sehingga menimbulkan kekeliruan, kekecewaan dan keresahan di kalangan pelajar-pelajar dan ibu bapa. Masalah yang berkaitan dengan pengurusan teknologi maklumat adalah di antara punca yang dikenal pasti menyebabkan masalah tersebut berlaku.

Adalah amat membimbangkan kita akan sedang masuk ke ambang abad ke-21 dengan projek siber raya dan era Koridor Raya Multimedia kerana

Kementerian Pendidikan belum dapat mempersiapkan jenteranya untuk menggarap persoalan teknologi maklumat secara berkesan.

Adalah diharapkan dengan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan yang berjumlah RM39.8 juta ini usaha yang bersungguh-sungguh dapat dibuat bagi memastikan masalah seumpama ini tidak berlaku lagi dan budaya IT dapat dikembangkan sehingga ke sekolah-sekolah pedalaman di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pengambilan pelajar-pelajar untuk universiti tempatan di mana tawaran diberikan kepada pelajar-pelajar terpaksa menolak tawaran tersebut dan tidak dapat memenuhi cita-cita untuk masuk ke universiti kerana bayaran permulaan difahamkan mesti dibayar sekali gus dan begitu tinggi. Ini membebankan ibu bapa yang kurang mampu. Walaupun kita mempunyai badan biasiswa dan agensi-agensi bantuan kepada orang-orang miskin dan pihak kerajaan mempunyai peruntukan yang besar untuk membasmi kemiskinan, tetapi apabila sampai kepada tahap di mana anak-anak daripada orang-orang miskin ini yang dapat mengubah kedudukan kemiskinan yang sebenarnya kepada ibu bapa mereka tersekat kerana tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi yang menjadi cita-cita dan idaman seseorang pelajar apabila ia telah lulus di alam peperiksaan.

Alhamdulillah, baru-baru ini kelonggaran telah diberikan kepada pelajar-pelajar oleh pihak IPTA supaya pelajar-pelajar dapat membayar secara ansuran semasa membuat pendaftaran. Saya berharap pihak kementerian dapat membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya sarankan supaya diadakan tabung derma di mana pelajar-pelajar miskin yang menerima tawaran diberikan derma atau pinjaman supaya mereka tidak membebankan ibu bapa dan dapat melanjutkan pelajaran ke universiti yang ditawarkan. Saya berharap kepada pihak yang menawarkan biasiswa supaya mengeluarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar sebelum mereka mendaftar diri di

universiti yang ditawarkan, janganlah pelajar-pelajar ini telah memasuki universiti selama satu semester baru ditawarkan biasiswa. Ini membebankan tanggungjawab ibu bapa yang kurang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan biasiswa yang diberikan kepada pelajar-pelajar kita di universiti dalam negeri di mana mereka ini mengeluh kerana memandangkan kos perbelanjaan pelajaran yang begitu tinggi kerana pada masa kini pelajar-pelajar didedahkan kepada alat-alat pembelajaran yang canggih dan moden dalam mereka menghadapi pelajaran dan pembelajaran. Saya ingin menyeru pihak Kementerian Pendidikan agar mempertimbangkan penambahan biasiswa kepada pelajar-pelajar kita di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang budaya IT ini di segi penerangan melalui media elektronik dan cetak, nampaknya telah menimbulkan sedikit kesedaran kepada masyarakat umum. Rakyat rata-ratanya sudah mulai sedar atas kepentingan teknologi maklumat dan tidak ada masalah untuk menjadikan sebagai satu budaya baru.

Namun demikian, yang menjadi masalah utamanya ialah hampir 80% maklumat di dalam IT adalah dalam bahasa Inggeris sedangkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan majoriti pelajar-pelajar khususnya di luar bandar masih lagi ditahap yang rendah. Apa yang membimbangkan kita ialah kerana pelajar-pelajar di luar bandar tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan menyebabkan mereka hilang minat dengan IT kerana tidak memahami dan memanfaatkan sepenuhnya maklumat di dalam IT.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar di samping meningkatkan kualiti pelajaran bahasa Inggeris yang benar mesti dilakukan untuk memperkayakan maklumat di dalam IT di dalam bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Kebangsaan yang telah didaulatkan di dalam Perlembagaan.

Saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil kira isu bahasa Melayu ini secara serius memandangkan sudah ada tanda-tanda penggunaan semakin diabaikan khususnya di sektor swasta dan institusi pendidikan tinggi swasta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang B.45 - Kementerian Sumber Manusia yang mana peranan semakin penting membela nasib kaum pekerja di dalam zaman kegawatan ekonomi. Saya berharap kementerian ini dapat menangani masalah pekerja yang terpaksa diberhentikan secara adil dan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Banyak kes yang dilaporkan di dada akhbar mendedahkan majikan yang tidak mpedulikan nasib para pekerja dengan secara sewenang-wenangnya memberhentikan mereka atas alasan yang terlalu umum, sedangkan syarikat tidak berusaha untuk mencari alternatif lain bagi memulihkan prestasi syarikat. Bagi saya memberhentikan pekerja haruslah menjadi pilihan terakhir bagi mana-mana syarikat yang sedang berhadapan dengan masalah.

Saya berpendapat bahawa peruntukan sebanyak RM2.7 juta kepada Kementerian Sumber Manusia haruslah digunakan untuk meningkatkan penguatkuasaan bidang berkaitan hak-hak pekerja bagi meningkatkan tenaga kerja yang lebih profesional serta memperbanyakkan kursus-kursus kemahiran bagi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan.

Saya difahamkan bahawa banyak kursus kemahiran telah ditawarkan oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi maklumat tersebut tidak sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukannya. Edaran borang kursus tidak meluas dan yang lebih malang lagi mereka yang berada di luar bandar langsung terabai.

Di sini ingin saya mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia meningkatkan bahagian komunikasi agar setiap aktiviti yang bertujuan membantu pekerja-pekerja sampai ke matlamatnya dan kementerian harus mengadakan penyelarasan di antara semua institusi pusat latihan kemahiran baik daripada

kerajaan ataupun swasta supaya dapat melatih lebih ramai pekerja mahir untuk jangka panjang.

Sebagai rakyat Malaysia kita tidak mahu peluang keemasan untuk bekerja di kilang-kilang dirampas oleh pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kesihatan. Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak RM18.6 juta, memang tidak dapat dinafikan bahawa soal kesihatan begitu penting kepada penduduk-penduduk untuk melahirkan satu generasi yang penuh berilmu dan bertanggungjawab. Soal kesihatan juga harus diberi perhatian. Keadaan kesesakan di klinik-klinik kerajaan sekarang sudah menimbulkan berbagai-bagai masalah, seperti peningkatan beban tugas doktor dan kakitangan yang lain. Klinik-klinik kerajaan tidak dapat menolak sesiapa sahaja sama ada yang mengalami sakit ringan ataupun sakit teruk datang untuk mendapat perkhidmatan.

Mengapa kerajaan tidak cuba menggunakan pendekatan baru seperti membenarkan dispensary bahagian pesakit luar dibuka terus kepada orang ramai. Dengan ini, sakit-sakit yang ringan boleh mendapat nasihat dan rawatan terus dari bahagian farmasi dan ini juga akan mengurangkan bilangan pesakit yang sedang menunggu. Mengapakah keadaan ini dibenarkan berlaku di farmasi swasta kalau Kementerian Kesihatan tidak mempunyai sebarang kepercayaan terhadap keupayaan ahli-ahli farmasi.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang dicadangkan ini bukan sahaja boleh mengurangkan kesesakan di klinik-klinik pesakit luar kerajaan, juga boleh meningkatkan keberkesanan program promosi kesihatan terhadap orang ramai. Untuk merealisasikan saranan ini, kerajaan hanya perlu melakukan sedikit pindaan ke atas organisasi bahagian pesakit luar. Kaunter tertutup seperti penjara yang ada sekarang perlu diubah kepada jenis kaunter terbuka untuk memudahkan pesakit-pesakit berkomunikasi dengan pegawai-pegawai farmasi. Prosedur dan kawalan kos boleh diwujudkan dengan menggunakan sistem pendaftaran yang ada di klinik kerajaan. Pesakit memperoleh perkhidmatan sama ada bentuk nasihat ataupun ubat. Pelaksanaan cadangan ini juga tidak memerlukan pindaan terhadap undang-undang dan peraturan yang ada sekarang. Jika amalan seperti ini diperkenalkan lebih ramai lagi ahli-ahli farmasi akan berminat untuk berkhidmat dengan kerajaan semula.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menyentuh sedikit tentang kesihatan. Satu perkara yang saya ingin utarakan di sini ialah mengenai masalah penglihatan penuntut-penuntut. Saya difahamkan bahawa setengah kerjaya tertentu memerlukan daya penglihatan yang jelas. Penuntut-penuntut yang memohon kursus tertentu biasanya adalah berdasarkan kepada minat mereka dan kadang-kadang akan menghadapi masalah apabila diketahui mengalami kecacatan penglihatan. Di sini saya mencadangkan agar diwujudkan satu program pemeriksaan ke atas kanak-kanak di sekolah-sekolah seperti program pemeriksaan gigi supaya dapat diadakan rekod bagi setiap individu.

Tuan Yang di-Pertua, kemelut ekonomi negara sekarang ini tentu memaksa kita semua berjimat cermat, berbelanja masing-masing tidak kira sama ada di pihak kerajaan termasuk kerajaan tempatan ataupun negeri dan agensi-agensinya kerajaan. Dengan berjimat, pada hemat saya tindakan serentak ini dapat memberi keberkesanan secara menyeluruh dan positif. Untuk itu saya mencadangkan semua

jabatan kerajaan dan semua pihak mengambil langkah yang serius dalam menentukan bahawa setiap program dan projek yang akan dilaksanakan pastikan ianya benar-benar penting dan berfaedah sama ada dari sudut pulangan balik ataupun ianya memberi faedah kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah .

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih. Maka dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan Tahun 1997.

Timbalan Yang di -Pertua: Minta Puan Sri Sarasa.

7.25 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana dapat peluang juga saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997 ini. Sebenarnya saya sudah penat dan lapar. *[Ketawa]* pada keseluruhan beberapa kementerian dan jabatan kerajaan telah meminta peruntukan tambahan untuk membayar emolumen dan bahagian imbuhan kakitangan.

Maksud B.25 iaitu Kementerian Pertahanan minta RM138 juta bagi bayaran emolumen dan perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia -Herzegovina. Mereka patut diberi penghargaan kerana sanggup menjalankan tugas mereka dalam keadaan yang bahaya, jauh daripada keluarga yang disayangi demi negara yang disayangi. Mereka yang terkorban nyawa tidak boleh diganti. Keluarga mereka terpaksa meneruskan kehidupan mereka tanpa ahli keluarga yang disayangi itu. Kehilangan seorang bapa, suami atau anak tidak boleh diganti dengan bayaran wang. Saya doa supaya Tuhan memberi ahli keluarga mereka kekuatan iman supaya menghadapi kehidupan seterusnya.

Yang kedua Maksud B.16, iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba yang meminta sebanyak RM 15.3 juta. Anggota Bomba yang dihantar ke Indonesia untuk membantu operasi memadamkan kebakaran hutan telah menjalankan tugas mereka dalam keadaan yang merbahaya, satu pengalaman yang baru. Mereka juga terdedah kepada pencemaran udara yang bahaya. Saya difahamkan bahawa mereka dihantar untuk rawatan kesihatan selepas pulang ke negara. Mereka juga patut diberi elaun saguhati sebagai tanda penghargaan.

Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri juga minta sumbangan untuk negara asing. Niat kita untuk menolong negara jiran dan negara jauh adalah baik. Saya harap niat yang baik itu direstui oleh Tuhan supaya negara kita pulih dengan segera.

Yang keempat, iaitu Maksud B.36, Polis Diraja Malaysia yang memerlukan RM50.4 juta untuk pelaksanaan Modul Struktur Organisasi Baru (MSOB). Anggota polis memikul beban tanggungjawab yang berat. Mereka menjaga keamanan dan keselamatan di dalam negeri supaya rakyat dapat hidup aman, damai dan selamat. Di sini saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Ketua Polis Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Rahim Nor atas prihatin beliau terhadap imej pasukan polis di negara ini. Sikap yang tegas serta kesanggupan beliau untuk menerima cadangan yang membina patut dibina. Saya tidak tahu maklum balas tentang borang penilaian perkhidmatan pegawai-pegawai polis yang diperkenalkan tahun lalu. Tetapi saya yakin bahawa Ketua Polis Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya atas mereka yang bersalah baik di kalangan pasukan polis ataupun di kalangan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.26 dan B.8 adalah penting. Pendidikan adalah teras kemajuan dan rakyat di sesebuah negara dibentuk melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Sebanyak RM39.8 juta diminta untuk membiayai bayaran emolumen dan sebahagian bayaran imbuhan kakitangan. Jabatan Perkhidmatan Awam memerlukan RM30.3 juta untuk membiayai tambahan biasiswa kepada penuntut-penuntut tajaan JPA di luar negeri dan dalam negeri. Pelajar-pelajar kita dan ibu bapa mereka terperangkap dalam dilema kewangan kerana penurunan nilai Ringgit dan kegawatan ekonomi rantau Asia ini. Saya rasa permintaan ini menunjukkan konsep kerajaan penyayang dan akan menerima sambutan yang baik dari mereka yang terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian Kementerian Pendidikan kepada beberapa perkara yang berlaku dengan kemasukan IPTA yang diuruskan oleh UPU. Kerana sistem UPU Infoline itu tergendala, keadaan keliruan berbangkit di kalangan pelajar, ibu bapa dan orang awam. Ada beberapa perkara yang saya akan bangkitkan di sini untuk perhatian Kementerian Pendidikan. Yang pertama, calon-calon yang telah menghantar borang permohonan dan menerima pengakuan dari pihak UPU, melalui UPU infoline itu, nama mereka tidak dicatatkan dalam senarai. Yang kedua, calon-calon diberi kursus yang mereka tidak memohon langsung, dengan izin mis-match ini akan menjejaskan pembangunan negara dari segi tenaga sumber. Mereka yang tidak minat dalam kursus yang ditawarkan tidak akan menjadi profesional yang baik dan ada juga mereka yang layak dan minta kursus perubatan diberi kursus perhutanan. Jadi saya harap Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian tentang perkara-perkara ini. Yang ketiga, beberapa calon gagal mendapat tempat di IPTA walaupun mereka mempunyai gred kelayakan yang cemerlang seperti 6 agregat dalam peperiksaan SPM dan 70 markah dalam peperiksaan STPM.

Dan calon-calon yang telah ditawarkan tempat terkejut apabila mereka melaporkan diri di universiti, nama mereka tidak ada dalam senarai. Yang kelima, berkenaan dengan sepuluh markah yang diperuntukkan kepada penglibatan calon dalam aktiviti kokurikulum. Tidak jelas apakah kriteria yang dikehendaki. Pihak sekolah dan juga pihak universiti nampaknya tidak pasti juga. Yang keenam, saya harap dapat penjelasan yang lebih lanjut lagi tentang pengumuman kementerian itu KUB akan menguruskan kemasukan pelajar ke IPTS. Saya merayu supaya kementerian mengkaji semula keadaan dan rayuan yang diberi oleh calon-calon dan pihak Jawatankuasa Pendidikan MIC sedia dengan butir-butir yang dikehendaki. Walaupun lewat saya seru supaya kekeliruan diselesaikan untuk kepuasan hati semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada pelajar-pelajar yang tidak dibiayai oleh JPA atau mana-mana pihak membantu. Terdapat juga ramai pelajar-pelajar Malaysia bukan bumiputera yang meneruskan pelajaran IPTS di dalam dan di luar negeri. Mereka bergantung kepada biasiswa ibu bapa atau masyarakat. Mereka juga terjejas kerana keadaan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, masyarakat keturunan India yang kebanyakan berasal dari ladang-ladang getah dan kelapa sawit telah menghadapi banyak masalah yang ditimbulkan oleh projek-projek pembangunan dan perindustrian dalam dekad ini. Mereka terpaksa keluar dari ladang-ladang, dengan tiba-tibanya mereka kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal yang diberi oleh majikan. Pampasan yang diberi tidak mencukupi dan kebanyakan daripada mereka kini menjadi penghuni kawasan setinggan. Anak-anak mereka menghadapi

masalah penyesuaian diri dan ramai yang tercicir dari sekolah. Mereka juga dipengaruhi oleh beberapa faktor yang tidak sihat. Dan pelajar-pelajar yang sampai ke tahap SPM atau STPM adalah kurang. Tetapi dengan konsep berdikari dan membantu sendiri, Parti MIC di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu telah menubuhkan satu tabung pendidikan iaitu tabung MIED.

Tabung ini bergantung kepada sumbangan orang ramai dan di sini saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada penderma-penderma yang bermurah hati termasuk juga penderma bumiputera dan Tionghua dan penderma Melayu. Sekarang seramai 4,500 orang telah dibantu oleh tabung MIED. Tetapi sekarang kerana kegawatan ekonomi dan penurunan nilai Ringgit, penderma-penderma, ibu bapa dan pihak pengurusan tabung MIED menghadapi satu masalah yang besar. Peranan membantu pendidikan pelajar-pelajar kita telah menjadi satu beban yang berat. Dengan izin, its a big burden for the community like ours shoulder by ourself.

Sekarang seramai 100 orang penuntut berbilang kaum di Trinidad dan Tobasco. Mereka mengikuti kursus perubatan dan mereka perlu sekurang-kurangnya RM100,000 seorang, untuk mengatasi masalah penurunan ini. Ini adalah bebanan yang berat dan saya harap kerajaan penyayang ini akan berprihatin atas perkara ini. Saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri melalui Menteri Pendidikan supaya memperuntukkan satu jumlah yang khas sebagai bantuan kecemasan kepada pelajar-pelajar Malaysia ini. Saya yakin bantuan ini akan dikenang selama-lamanya. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

7.34 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana telah memberi peluang kepada saya mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Saya juga mengucapkan syabas kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Timbalan Menteri 'Dato' Mat' nampak sampai mengantuk-ngantuk dia. Saya nampak tadi Datuk Mohd. Shafie terlelap tapi telinga dia mendengar saya ingat, saya ucapkan terima kasih. Kita sedia maklum bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan ini bukan sahaja sepatutnya kita bahas, kita memberi pandangan, bahkan kita perlu meluluskan, memberi sokongan kerana menyelesaikan masalah-masalah yang telahpun dijadualkan di bawahnya.

Saya tidak mengambil masa yang panjang kerana masa sangat suntuk. Saya ingin menyentuh B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba yang bernilai RM15,341,224 bilion. Pasukan bomba kita baru-baru ini telahpun memberikan khidmat yang begitu cemerlang sekali. Bertungkus-lumus memadamkan kebakaran yang menyebabkan keadaan berjerebu bukan sahaja di negara kita bahkan negara jiran yang berhampiran dengan kita, yang boleh menjejaskan banyak hal, pembangunan terganggu, juga menjejaskan hal-hal pelancongan. Ada negara-negara luar mengambil peluang untuk memburukkan negara kita dengan keadaan jerebu sekarang. Kalau berpanjangan akan menjejaskan Sukan Komanwel yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan bomba kita pelbagai tanggungjawab telah pun diletakkan kepada mereka misalnya bukan sahaja memadam api, hal-hal kebanjiran, mengeluarkan orang tersepit daripada kereta jika kenderaan yang mati enjin dan sebagainya dalam kecelakaan jalan raya, memanjat pokok pun dibuat kalau ada orang yang tak mahu turun, orang jatuh dalam kolam ataupun perigi, kadang-kadang tangkap ular sawa pun kita serahkan kepada pihak bomba.

Saya ingin tahu adakah pasukan bomba kita diberi latihan yang sepenuhnya dari segi ketahanan diri mereka, semangat yang tinggi atau jatidiri, sebab baru-baru ini pasukan bomba kita telah pun bila balik daripada membantu memadamkan api di Indonesia, ada yang sakit hilang akal dan ada yang meninggal dunia. Jadi, hal ini mestilah kita mengambil perhatian apa hal kepada keluarganya yang tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh B.25 - Kementerian Pertahanan yang berjumlah RM138,027,950. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana kita mempertahankan negara kita dan memperketatkan pengawasan di kawasan sempadan mahupun di Indonesia ataupun di Thailand.

Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah pun mengadakan satu pertemuan dengan Menteri Penerangan Brazil. Saya tertarik dengan perbincangan beliau di antara Yang Berhormat Dato' Syed Hamid Albar dengan Ronaldo Moto. Tujuan untuk mengadakan latihan bersama seramai 100 orang pertukaran latihan tentera kita antara Brazil dengan Malaysia.

Pada saya ini patutlah kita sambut baik kerana kita dapat pengetahuan menambah lagi kekuatan tentera kita dapat pengetahuan antara pertukaran dengan Kerajaan Brazil. Pada ketika yang sama Menteri Brazil mempelawa Kerajaan Malaysia dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berhubung dengan program satelit yang begitu canggih yang akan diadakan yang membelanjakan tidak kurang dari RM40 juta, berkemampuan mengesan sumber-sumber semula jadi di dalam bumi setiap kawasan yang dilalui termasuk negara Malaysia. Satelit ini akan melintasi Malaysia setiap 100 minit

berbanding dengan satelit faller yang sebelum ini biasanya setiap 16 hari sekali lintasan, tetapi ia 100 minit sekali lintasan, begitu canggih sekali. Saya rasa kita patut mengambil sokongan yang baik kerana kita tahu kecanggihan ini adalah perlu bagi pertahanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B.36 - Polis Diraja Malaysia. Kita berterima kasih kepada pasukan polis kita dengan begitu baik dan cemerlang sekali, sekalipun ada orang-orang dan pihak yang mencemuh menuduh pelbagai tetapi mereka lupa dengan kecanggihan polis kita bukan sahaja keselamatan negara tetapi keselamatan mereka sendiri yang menuduh polis itu juga dalam pengawasan pihak polis, kalau tidak mereka juga merbahaya keadaannya bukan sahaja dirinya tetapi keluarga dan juga rumah tangga mereka.

Hal ini saya berpendapat sepatutnya pasukan polis ini termasuk pasukan trafik patut kita menambahkan lagi bilangannya kerana kita tahu sekarang ini penduduk Malaysia lebih bertambah ramai, taman-taman, rumah-rumah dan bangunan pembangunan begitu bertambah sekali, kenderaan motor kereta bertambah, lori-lori, lori panjang yang tayarnya sampai 20 biji pun banyak dan pelbagai motosikal, ada yang besar dan ada yang kecil. Kematian begitu banyak berlaku dalam negara kita, setiap hari ada kematian kerana kemalangan jalan raya.

Sepatutnyalah kita menambah polis trafik ini untuk menjaga keselamatan khasnya di jalan raya, banyak kematian, yang mati banyak orang remaja kita orang muda, yang muda pula itu orang lelaki, tinggallah yang perempuan sahaja, bagaimana besok hendak bersuami tak ada orang lelaki. Pengundi pun besok kita harapkan kerana banyak yang mati, orang lelaki yang muda-muda antara umur 18 tahun hingga 30 tahun, bagaimana keadaannya. Kalau kita lihat surat khabar selalu, kita baca setengah-setengah gadis kita menghambat orang Bangladesh, sebab orang muda kita sudah tiada, kalau ada pun mereka ini terlibat dengan dadah,

keadaannya begitu aib sekali, pandangan gadis-gadis kepada pemuda kita rendah keadaannya.

Oleh itu, saya fikir sepatutnya penambahan ini bukan sahaja kepada pihak trafik tetapi pihak polis biasa pun patut ditambah supaya menjaga keamanan dalam negara kita. Kemalangan sangat banyak berlaku di dalam negara kita, bukan sahaja kematian, yang hilang kaki, hilang penglihatan, hilang tangan dan sebagainya. Jadi, inilah masalah yang ada pada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud hendak berucap lebih panjang, kerana hendak memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, setakat itu sahaja maka saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah. Sila berucap dalam masa sepuluh minit.

7.49 mlm.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, ucapan saya pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh B.51 sebab yang lain-lain telah disentuh oleh rakan-rakan. B.51 mengenai Kementerian Luar Negeri. Kita boleh berbangga dengan kejayaan negara kita kerana sumbangan cemerlangnya dalam membentuk dunia yang adil, aman dan makmur. Diucapkan tahniah terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita.

Walaupun Malaysia sudah memberi sumbangan yang besar dan berkesan, namun masih ada ruang di mana ia boleh dipertingkatkan terutamanya dalam

memperjuangkan keadilan, pengagihan sumber kekayaan dunia. Negara-negara yang kaya mestilah faham bahawa mereka memperolehi kekayaan dari negara-negara miskin terutamanya ketika mereka menjajah negara-negara miskin dahulu.

Penjajahan sesebuah negara ke atas negara yang lain merupakan satu tindakan jenayah tetapi jenayah yang sedemikian tidak dapat diambil tindakan undang-undang. Sebagai imbalan daripada hal yang demikian, negara-negara yang pernah menjajah negara-negara lain haruslah secara sukarela memikirkan bentuk ganti rugi yang boleh diberikan kepada negara-negara yang pernah mereka jajah yang kebanyakannya masih lagi miskin dan mundur.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan agar Yang Berhormat Menteri Luar Negeri membangkitkan hal ini di dalam forum-forum antarabangsa. Satu lagi, dalam membentuk kerjasama di antara ahli-ahli ASEAN, setiap anggota hendaklah bersikap jujur, dasar aman, bebas dan berkecuali yang telah diterimapakai oleh negara-negara anggota hendaklah ditekankan lagi.

Dalam menangani krisis mata wang, Malaysia mengesyorkan agar pasaran wang beroperasi secara telus. Ketelusan operasi boleh membantu negara mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan timbul. Dalam konteks kerjasama ASEAN, dari segi keamanan, kebebasan dan berkecuali, dasar ketelusan juga perlu. Setiap anggota haruslah jujur dengan mengamalkan dasar ketelusan dalam bidang ketenteraan supaya tidak timbul kecurigaan kepada anggota yang lain. Filipina misalnya, haruslah membenarkan negara anggota ASEAN untuk menyiasat kekuatan ketenteraan yang diwarisinya dari Amerika. Kita tidak mahu Filipina atau negara-negara lain mempunyai keupayaan yang boleh mengancam kestabilan dan keamanan ASEAN. Keseimbangan kedudukan ketenteraan di antara negara-negara anggota haruslah dirangka. Setelah diserang melalui medan pasaran mata wang, kita harus berjaga-jaga agar kita tidak menerima serangan ketenteraan atau sebarang bentuk gangguan yang boleh menggugat kestabilan rantau ini di masa akan datang.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Luar Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mewujudkan ketelusan kekuatan ketenteraan negara-negara ASEAN.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)1998. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

7.53 mlm.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1997)1998 bagi membenarkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab besoklah nampaknya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:penggunaan sejumlah wang RM7,020,420,263 bagi Maksud-maksud seperti berikut, iaitu bagi Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam diperuntukkan sejumlah RM30,308,862.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini ialah bagi tambahan biasiswa tajaan JPA bagi pelajar-pelajar seberang laut dan juga dalam negeri. Dalam hal ini saya ingin menyarankan supaya kerajaan tidak menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri cuma di dalam bidang-bidang yang perlu sahaja memandangkan sekarang ini telah banyak universiti, pusat pengajian tinggi daripada luar yang mengadakan twinning programme, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan supaya di dalam pemberian biasiswa ini, mereka janganlah ada pilih kasih, janganlah mengamalkan sikap nepotisme. Mereka hendaklah memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang betul-betul layak – pelajar yang tidak mampu daripada golongan yang berpendapatan rendah kerana bidang pendidikan ini merupakan satu aset yang amat penting kepada negara.

Saya juga ingin menyebut di bawah tajuk JPA ini iaitu kita dapati sektor perkhidmatan awam ini telah diperkecilkan dan sektor ini merupakan sektor pelaksana semua dasar kerajaan. Kegagalan sektor ini akan menggugat kestabilan kerajaan. Oleh sebab itu, sistem SSB yang diamalkan telah didakwa memberi ruang kepada amalan rasuah. Oleh sebab itu kita perlu melihat perkara-perkara yang boleh membawa kepada berlakunya amalan rasuah di dalam sektor perkhidmatan awam ini hendaklah diberi perhatian secara serius. Oleh sebab itu kita rasa pihak kerajaan perlu menyusun semula struktur kenaikan pangkat, struktur memberi imbuhan, struktur memberi tugas-tugas dan kita rasa elok diadakan pegawai untuk menerima aduan daripada orang ramai apabila mereka pergi ke kaunter-kaunter di jabatan-jabatan kerajaan. Kita menyokong penuh segala langkah dan usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di segala jabatan kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.16 iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba yang diperuntukkan sebanyak RM15,341,224 dan peruntukan ini ialah peruntukan untuk memberi imbuhan dan sagu hati kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat untuk membantu memadamkan kebakaran di Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita bersetuju dengan peruntukan yang diberikan itu tetapi kita berharap kerajaan juga akan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membantu anak-anak keluarga pegawai-pegawai yang telah memberi khidmat ini sebagai satu galakan kepada semangat ingin berkhidmat apabila berlaku kecemasan. Sebab masalah jerebu ini adalah masalah yang boleh menjejaskan aktiviti-aktiviti lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita memberi sumbangan dan imbuhan kepada pegawai-pegawai ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba hendaklah mengadakan pemeriksaan di bandar-bandar di kawasan-kawasan perumahan dari masa ke semasa. Jabatan Perkhidmatan Bomba bukanlah hanya menunggu laporan berlaku kebakaran baru hendak pergi jaga rumah-rumah yang masih lagi belum terlibat dengan kebakaran, mereka hendaklah mengadakan jadual untuk memeriksa keadaan keselamatan di kawasan-kawasan yang berkemungkinan besar berlaku kebakaran. Pihak kerajaan juga perlu melihat semula kedudukan tempat-tempat di mana kenderaan-kenderaan dan kemudahan-kemudahan di dalam membantu kebakaran ini berada sekarang, ini sebab kita dapati banyak tempat yang sudah tidak sesuai

lagi dan perlu diubah ke satu tempat yang agak lebih mudah untuk kenderaan-kenderaan ini bergerak. Saya juga amat bersetuju dalam keadaan sekarang ni perkhidmatan bomba hendaklah memastikan semua pili bomba yang ada di dalam kawasan bandar mesti dijaga dengan baik. Jangan biarkan keadaan tidak mempunyai air. Apabila berlaku kebakaran tidak ada makna kereta bomba pergi ke tempat itu sedangkan tidak ada air. Ini menunjukkan satu tindakan sia-sia yang membazir. Kalau boleh macam Yang Berhormat Tuan Yim kata tadi, kalau tempat yang sudah tahu tidak ada air, sepatutnya ada lori yang ikut sama yang membawa air supaya bantuan boleh diberikan sekurang-kurangnya membantu memadam kebakaran yang masih kecil itu.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.25 iaitu Kementerian Pertahanan yang mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM138,027,952 iaitu peruntukan ini ialah peruntukan emolumen dan perbelanjaan angkatan tentera di Bosnia. Kita tahu tanggungjawab menjaga keamanan di Bosnia ini adalah satu keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia bukan menjadi tanggungjawab Malaysia sahaja, oleh sebab itu kita sebagai salah satu anggota di Bangsa-Bangsa Bersatu, janganlah dalam keadaan ekonomi ini mengambil tanggungjawab sepenuh untuk memberi sumbangan di Bosnia sedangkan sumbangan yang diberi oleh negara-negara lain di Bangsa-Bangsa Bersatu tidak sebanyak mana. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kerajaan kita untuk meminta Bangsa-Bangsa Bersatu membiayai keperluan yang diberi oleh Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia itu supaya dapat menampung segala kos yang kita belanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.26 Kementerian Pendidikan yang mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM38,818,633.....

Tuan Yang di-Pertua: Jam sudah cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh saya sambung esok, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tidak panjang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sejam lagi? *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sejam lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tidak, tidak sampai. Takkan hendak bercakap sampai sejam. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sambung besoklah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguh kepada besok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.

